

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4	Khamis	8 Mac 2018
---------------	---------------	-------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 10)
USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor)</i>	(Halaman 41)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 8 Mac 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca serangkap pantun bersempena dengan sambutan Hari Wanita antarabangsa hari ini.

Selamat Hari Wanita kepada seluruh wanita di seantero dunia,

semangat sudah diberi,

tahun memperkasa wanita hadiah diberi,

terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ingat daripada dulu wanita memang perkasa. *[Ketawa]* Di rumah saya Yang Berhormat, yang perkasa wanita.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

1. Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian bagi memberikan penerangan yang jelas berkenaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) kepada majikan dan pekerja kerana skim yang sangat berfaedah ini sering kali disalah tafsir sebagai skim yang membebankan.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan sistem baharu yang dilaksanakan oleh kementerian ini melalui PERKESO berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 ini. Sistem Insurans Pekerjaan merupakan skim perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, menyediakan latihan *reskilling* dan *upskilling*

kepada pekerja untuk mendapatkan pekerjaan baru serta menyediakan perkhidmatan carian pekerjaan supaya mereka mendapat pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat.

Bagi memberikan penjelasan yang jelas pada masyarakat mengenai kepentingan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO telah mengadakan sesi penerangan bersama *stakeholders* dan melibatkan kesatuan sekerja dan persatuan majikan menerusi program-program *roadshow* di 17 buah lokasi peringkat negeri di seluruh negara secara percuma yang telah dihadiri oleh lebih daripada 6,000 peserta yang terdiri daripada wakil majikan dan juga wakil pekerja.

PERKESO turut melaksanakan program publisiti secara aktif melalui hebahan di media massa seperti di stesen-stesen TV BERNAMA, TV1, TV3, TV9 dan stesen-stesen radio KL FM, Nasional FM, Minnal FM, Ai FM, Suria FM dan BFM 89.9, TraXX FM, slot Selamat Pagi Malaysia, sidang media dan kenyataan akhbar.

Penggunaan media cetak seperti kenyataan-kenyataan akhbar, pengiklanan dan ruangan *advertorial* dalam akhbar-akhbar *The Star*, *Berita Harian*, *Harian Metro*, *Nanyang Siang Pau* dan *NST* termasuk pengurusan acara di semua peringkat, di semua pejabat PERKESO seluruh negara yang mendapat liputan meluas daripada semua media massa.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, PERKESO turut menerbitkan risalah-risalah dan klip-klip video yang disebarluaskan melalui media sosial seperti laman sesawang *Facebook*, *YouTube*, *WhatsApp* dan *Instagram*. Hebahan dan edaran pekeliling kepada majikan yang layak di portal PERKESO serta di pejabat-pejabat PERKESO di seluruh negara turut dilaksanakan.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Menteri di atas jawapannya tadi. Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan BN yang sangat prihatin sehingga kita dapat memperkenalkan SIP ini. Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, sudah hampir enam orang yang telah dapat dibayar dengan SIP ini. Jadi ini bermakna Kerajaan BN terus melaksanakan apa yang dijanjikan.

Soalan tambahan saya, apakah kesiapsiagaan atau pelan berstruktur bagi Skim Insurans Pekerjaan bagi menangani persaingan di era berteknologi tinggi yang akan memberi kesan kepada tenaga buruh seperti *automation* bakal berlaku di tol-tol dan adapun telah berlaku? Kalau tidak betul ditangani, akan menjadi peluru kepada pihak sebelah sana. Terima kasih.

■1010

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, PERKESO khasnya dan Kementerian Sumber Manusia amnya memang sedia dengan apa yang kita panggil sebagai IR 4.0 atau *Industrial Revolution 4.0*. Dalam pada ini, Ahli Dewan yang mulia ini, saya dengan bangganya menyatakan kesiapsiagaan pihak PERKESO untuk memastikan

bahawa mereka yang menyertai Sistem Insurans Pekerjaan ini akan mendapat manfaat yang sebaik mungkin.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu di Dewan yang mulia ini, sebenarnya pembayaran atau tarikh matang untuk mendapatkan bayaran atau faedah yang pertama adalah pada 1 Januari 2019. Akan tetapi, oleh kerana keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional yang telah memperuntukkan RM122 juta untuk memastikan bahawa sistem ini amat berkesan, maka dengan peruntukan yang sebegitu banyak setakat ini iaitu sehingga 28 Februari, walaupun belum matang, PERKESO telah membayar wang sebanyak— pemohonnya dulu. Pemohon yang telah memohon untuk mendapatkan faedah adalah sejumlah 2,471. Pembayaran yang diluluskan adalah sejumlah 1,336 dan dibayar RM600 sebulan untuk tiga bulan. Maka dengan ini, pada bulan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, PERKESO melalui SIP telah pun membayar faedah sebanyak RM802,800. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan tentang *benefits* atau faedah-faedah yang akan didapati melalui sistem ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan membantu pekerja kita. Saya ingin tahu, berapa ramaikah mereka yang telah mendapat manfaat daripada program yang telah disediakan di bawah skim insurans pekerjaan ini? Begitu juga, apakah faedah-faedah lain yang telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kebajikan pekerja terutama pekerja yang diberhentikan untuk mendapat faedah daripadanya? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat 15 Februari tahun ini, bilangan majikan yang telah menyertai Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ini berjumlah 240,077 majikan yang melibatkan jumlah kutipan caruman sebanyak RM19,922,407.

Bagi pertanyaan yang kedua, selain daripada elaun mencari kerja, mereka juga akan diberi latihan seperti yang saya telah sebutkan dalam jawapan saya awal-awal tadi iaitu bahawa mereka akan mendapat program-program yang dipanggil sebagai *upskilling* dan *reskilling* dengan harapan agar mereka akan mendapat pekerjaan dalam masa terdekat. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Menteri Pertahanan menyatakan perkembangan terkini transformasi yang dilaksanakan oleh Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) dalam membantu untuk menangani peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan veteran di saat negara kita berdepan dengan keadaan ekonomi yang mencabar.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) yang diwujudkan sejak tahun 1983 bergiat aktif dalam bidang peruncitan dengan matlamat untuk meringankan pengurusan kewangan warga dan veteran ATM di samping meningkatkan kualiti hidup mereka.

Dalam menghadapi perubahan situasi semasa, PERNAMA tidak boleh lagi menjalankan urusan perniagaannya seperti biasa. Justeru itu, satu lonjakan penambahbaikan yang merupakan transformasi PERNAMA telah diwujudkan dan telah saya lancarkan pada 19 Disember tahun lepas.

Terdapat sembilan inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh PERNAMA di dalam transformasi ini di mana melalui transformasi ini, PERNAMA telah pun menawarkan sebanyak 137 jenis produk barangan keperluan harian seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum dan pelbagai barangan keperluan yang lain yang dijual dengan kadar sehingga 45 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Di samping itu, terdapat 376 jenis produk lain yang dijual dengan kadar sehingga 35 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Justeru, jumlah produk yang ditawarkan dengan kadar potongan harga 35 peratus sehingga 45 peratus adalah sebanyak 513 jenis produk.

PERNAMA turut menawarkan penjualan pakaian persekolahan dengan penurunan harga sebanyak 45 peratus dan dijual dengan konsep pembelian sepasang percuma sepasang. PERNAMA juga telah memperkenalkan kad pelbagai guna yang dikenali sebagai CAPASA *atau Care for Partner Satisfaction*, dengan izin. Kad inklusif dan eksklusif ini boleh digunakan sebagai pengenalan diri untuk semua ahli bagi pembelian produk-produk di kedai-kedai PERNAMA dengan pelbagai keistimewaan baru seperti pengguna dapat mengumpul mata ganjaran setiap kali berbelanja dan kemudian dapat menebus mata ganjaran tersebut dengan pelbagai hadiah yang ditawarkan dari semasa ke semasa.

Pada ketika ini, PERNAMA mempunyai 82 buah premis perniagaan di seluruh negara terutama di dalam kem-kem ATM. Melalui transformasi ini, PERNAMA akan mewujudkan lima buah premis perniagaan tambahan di seluruh negara. Pihak kementerian memohon jasa baik Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat membantu kami menguar-uarkan maklumat berkaitan dengan usaha kerajaan terutama kepada veteran, anggota dan keluarga masing-masing di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mereka akan turut mendapat manfaat melalui kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membantu anggota Angkatan Tentera di kala ekonomi kita tidak begitu baik. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri,

sejauh manakah penerimaan dan juga kepuasan anggota ATM terhadap transformasi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang mana akan dilaksanakan oleh pihak PERNAMA itu sendiri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pertama, kita kena tengok usaha kita untuk berdepan dengan bebanan kos sara hidup ini bukan secara berasingan. Apa yang kita lakukan dalam konsep transformasi PERNAMA ini mesti juga dilihat dalam konteks agenda pendidikan dan juga latihan yang telah pun kita lancarkan di peringkat MinDef, agenda perubatan dan kesihatan, agenda perumahan yang kita akan lancarkan dalam beberapa minggu yang akan datang. Kalau sekiranya kita melihatnya secara menyeluruh, ia memang dapat membantu anggota, veteran dan keluarga masing-masing untuk berdepan dengan bebanan kos sara hidup.

Berbalik kepada PERNAMA, Angka yang saya terima, sambutan dan juga penerimaan anggota dan veteran kita cukup menggalakkan. Pada Disember 2017, PERNAMA telah merekodkan jualan runcit dan keperluan harian sebanyak RM3 juta, Januari 2018 sebanyak RM3.1 juta dan kita tengok bahawa ini kalau hendak dibandingkan dengan Oktober dan November di mana jualannya hanya RM1.9 juta sebulan. Kita nampak peningkatan hasil jualan sebanyak 37.7 peratus, Yang Berhormat, dengan perbezaan hasil jualan telah meningkat sebanyak RM2.3 juta.

■1020

Ini sesungguhnya menunjukkan bahawa dari segi keperluan itu ada, sambutan juga memberangsangkan dan kalau ini merupakan momentum yang kita hendak wujudkan, saya percaya bahawa kita boleh fikirkan kaedah-kaedah yang lebih membanggakan pada masa-masa yang akan datang.

Kita juga telah membuat kajian. Kajian Tentera Darat 70 peratus berpuas hati, Tentera Udara 84.9 peratus berpuas hati dan kajian-kajian ini saya sudah arahkan diperluaskan supaya kita dapat *feedback* yang terkini dan secara langsung daripada *stakeholders*, pihak yang berkepentingan supaya kita dapat memastikan apa yang dilancarkan ini dapat dinilai tambah dan dapat memenuhi kehendak dan sampai kepada sasaran mereka yang kita hendak bela.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf kepada kaum lelaki. Hari ini Hari Wanita. Saya jemput wakil wanita. Sila Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Dalam persiapan negara untuk menyediakan masyarakat ke arah ekonomi digital, apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk melahirkan usahawan-usahawan di kalangan ahli-ahli PERNAMA itu sendiri termasuk menjadikan mereka usahawan digital di kalangan veteran ATM terutamanya. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Parit Sulong, saya ucapkan Selamat Hari Wanita juga. Yang Berhormat Parit Sulong tetap perkasa dulu, kini dan selamanya.

Soalan Yang Berhormat Parit Sulong tadi memang merupakan sesuatu di mana mungkin orang tidak tahu peranan, objektif dan tanggungjawab PERNAMA kerana selain daripada hendak memenangi kos sara hidup, PERNAMA juga diberikan peranan untuk melatih dan melahirkan bakal-bakal pesara ATM serta veteran dalam aspek perniagaan, peruncitan dan keusahawanan. Sehingga kini, daripada angka yang saya ada di sini, 1,645 veteran ATM telah pun dilatih oleh PERNAMA untuk menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan hasil usaha sama dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) melalui Akademi Peruncitan PERNAMA.

Selepas ini, kita akan bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat swasta. Sekarang ini pun 7 Eleven, BH Petrol, perniagaan di kompleks dan laman niaga PERNAMA telah menunjukkan bahawa pihak swasta pun ingin bersama-sama dengan kita untuk memastikan bahawa pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) secara inklusif tidak bergerak dalam silo masing-masing dengan objektif dan matlamat yang sama iaitu untuk membantu melahirkan veteran-veteran yang ada tempat dan ruang untuk bersama-sama membangunkan ekonomi kita. Tidak terpinggir, berada dalam arus perdana pembangunan negara merupakan agenda yang tidak boleh diletakkan di atas bahu Kementerian Pertahanan sahaja dan sebab itu kita melibatkan agensi-agensi kerajaan, GLC dan juga syarikat-syarikat swasta.

Setakat hari ini, kerana agenda kita jelas, hala tuju kita pun telah pun dilihat secara bersasar. Saya percaya bahawa lebih ramai lagi pihak ketiga akan bersama-sama dengan kita. Jadi dalam hal ini, saya harap bahawa transformasi pertama PERNAMA tidak akan hanya melihat kepada bagaimana kita dapat menangani kos sara hidup tetapi tanggungjawabnya juga lebih berat iaitu untuk melahirkan usahawan-usahawan di kalangan veteran kita. *Insyaa-Allah*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan, Tuan Yang di-Pertua. Hari Wanita. Fasal wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat Tanah Merah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sudah kita tetapkan bahawa waktu MQT, dua sahaja soalan tambahan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini pasal wanita. Ini pasal BAKAT. Pasal BAKAT. Persatuan Isteri...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Putatan, masuk dalam bahaslah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat, saya sudah katakan bahawa dua soalan tambahan.

2. **Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah "*business model*" yang baru untuk menggantikan KR1M yang lama dan apakah peluang-peluang yang boleh diberikan kepada IKS khususnya kepada usahawan-usahawan bumiputera di kampung atau pun luar bandar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah. Tuan Yang di-Pertua, dalam penstrukturan KR1M kepada KR1M 2.0, kerajaan telah memperkenalkan model perniagaan baru atau *new business model* yang berkonsepkan kepada tiga kategori model perniagaan itu.

- (i) kerjasama strategik antara kerajaan dengan pengilang, pengeluar dan pengedar;
- (ii) operasi perniagaan kendalian pemilik atau *owner operator*, dan
- (iii) penjenamaan bersama.

Model perniagaan baru yang diperkenalkan bagi penjenamaan semula KR1M 2.0 ini adalah bertepatan pada masanya serta lebih terbuka dan berdaya maju. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat berpendapatan rendah terutamanya dan juga sederhana, malah turut memberi kelebihan kepada perniagaan yang— peniaga-peniaga yang mengambil bahagian. Kerajaan akan turut membantu usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk usahawan bumiputera luar bandar dengan kerjasama syarikat-syarikat peruncit terlibat dengan KR1M 2.0 untuk menjual produk-produk mereka di *outlet* KR1M 2.0.

Produk-produk IKS yang terlibat itu ialah produk-produk yang berkualiti tinggi dan dapat dibekalkan secara konsisten. Namun perkara ini akan dikaji dengan lebih teliti tentang keadaan pelaksanaannya dan tidak dilakukan dengan tergesa-gesa kerana mengambil kira faktor lain yang berkaitan seperti lokasi, pengangkutan dan pusat pengedaran. Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang cukup cakna kepada rakyat. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah pengusaha kedai runcit bebas ini dapat menyertai inisiatif KR1M 2.0 dan dalam masa yang sama, apakah jaminan kerajaan dalam memastikan

barangan yang dijual di KR1M 2.0 ini bukan barangan yang rendah kualitinya. Jadi akhir sekali Yang Berhormat Menteri.

Pergi ke kedai membeli tong,

Malam ini khabarnya ada manifesto,

Entah apa pakatan hendak kelentong,

Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak jelaskan buat masa ini kita ada mempunyai tiga fasa. Fasa pertama adalah untuk menentukan kedai-kedai yang bekerjasama dengan kita adalah mereka yang mempunyai pasar raya. Ia adalah kerana untuk memastikan produk-produk yang kita keluarkan adalah mempunyai *volume*, kuantiti yang besar. Barulah kita boleh bekerjasama dengan *supplier* atau *manufacturers* dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk menurunkan harganya. Kita hendakkan kuantiti. Dalam waktu yang sama untuk mempertahankan kualiti dan jenama produk-produk tersebut. Itu pertama.

Fasa yang kedua adalah untuk kita memberikan di sesetengah kawasan yang kita rasa boleh *create demand* seperti kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan yang mempunyai kedudukan mereka yang mahu membeli melalui kedai-kedai serbaneka. Kalau fasa ini kita akan lancarkan tidak lama lagi. Dalam masa seminggu dua ini kita akan lancarkan untuk mereka yang dapat bekerjasama kita melalui kedai-kedai serbaneka. Kita telah pun mengenal pasti satu daripada mereka iaitu kedai KK Mart yang akan kita lancarkan tidak lama lagi. Fasa ketiga adalah untuk kedai-kedai bebas runcit. Ini akan juga kita berikan supaya mereka faham bahawa selepas semua kedai-kedai pasar raya yang besar-besar, strategik lokasi itu telah pun ada, maka di sekeliling kawasan lebih kurang 20 kilometer ataupun 15 kilometer daripada pasar raya itu akan kita benarkan kedai-kedai runcit yang bebas untuk bekerjasama dengan semua kedai-kedai yang telah pun kita kenal pasti tadi.

■1030

Maka sebab itu, bila kita sudah lakukan ini kita hendak melihat bahawa segala produk-produk yang kita pertahankan tadi atau kita keluarkan di semua kedai-kedai yang telah pun bekerjasama ini menjual produk-produk jenama yang sama. Contohnya, hari ini saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, kita sudah pun bekerjasama dengan—sudah sampai masa, dengan banyak kedai-kedai...

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan, habiskan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Habiskan, dengan *manufacturer* yang besar-besar seperti Nestle, Etika, Softiedry, Faiza, banyak dan akhirnya segala produk-produk ini akan kita kemuka dan keluarkan di seluruh negara kita melalui kedai-kedai runcit yang bebas. Itulah yang kita akan lakukan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Persoalan saya ialah apakah mekanisme yang akan digunakan oleh KR1M 2.0 untuk memastikan harga ini rendah sama ada daripada dengan cara CSR syarikat tersebut ataupun daripada subsidi yang diberikan oleh pihak kementerian kepada syarikat-syarikat yang terlibat dengan KR1M 2.0 ini. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kalau kita lihat dari segi strategi *hypermarket*, kedai yang besar-besar, pasar raya dan sebagainya, mereka mempunyai produk-produk yang dikatakan *loss leader*. Tiap-tiap minggu ini mereka akan jual satu produk yang diturunkan harga supaya dapat menarik minat ramai daripada kalangan pengguna atau pengunjung untuk datang dan membeli produk itu dan sudah tentu apabila mereka ke kedai, mereka akan cuba mencari barang-barang yang lain. Begitulah konsep yang kita lakukan dalam kedai, KR1M 2.0 tadi.

Kita menjual produk-produk keperluan asas, *that essential goods* seperti gula, tepung, minyak masak, semua ini kita tentukan supaya dia mempunyai *supply* yang mencukupi di kedai-kedai KR1M 2.0, dalam waktu yang sama kita juga bekerjasama dengan kedai-kedai, *supplier* yang saya maksudkan, Nestle, Etika dan banyak lagi yang kita sedang tentukan. Sekarang ini kita ada SKU yang menjadi *loss leader* ini sebanyak 51 semuanya dan kita akan pertingkatkan daripada semasa ke semasa, ia akan mencapai satu angka yang agak besar, mungkin melebihi 100 SKU. Dalam waktu yang sama kita akan bincang lagi dengan banyak syarikat-syarikat yang mempunyai produk-produk yang berjenama, yang memang diperlukan oleh rakyat keseluruhannya.

Kerjasama yang kita lakukan ini adalah untuk memberikan kebebasan daripada satu, dua perkara yang mereka mahukan. Ada lah kriteria-kriteria yang akan kita tentukan apabila mereka dapat bekerjasama dengan kita, kos untuk membawa masuk produk-produk tersebut, kalau ia import, akan lebih rendah daripada sekarang ini, itulah kita lakukan dan sudah tentu apabila ia menjadi *loss leader*, *supply* nya mencukupi dan *demand*-nya tinggi, maka sudah tentulah nanti *competition* yang ada di kalangan kedai-kedai lain juga akan menurunkan harganya.

Jadi, bukan hanya dari segi *direct*, juga *indirect*-nya akan memberikan rasa yang selesa untuk rakyat keseluruhannya apabila kita memberikan *competition* yang agak positif di kalangan mereka yang melakukan perniagaan yang seperti ini. *Insyallah*, saya yakin KR1M 2.0 ini akan mencapai matlamatnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri berakhir.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah *Blueprint* Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera 2017-2050 akan memberi manfaat kepada keseluruhan anggota tentera serta bagaimanakah sambutan yang diterima oleh pihak angkatan tentera mengenai *blueprint* tersebut.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi saya menjawab soalan berhubung kait dengan PERNAMA, dengan usaha MinDef untuk melihat kepada bebanan kos sara hidup, soalan ini kaitan pula dengan kesiapsagaan kita dalam konteks agenda perubatan dan kesihatan. Akan tetapi sebelum saya menjawabnya, saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawabnya bersama-sama pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu pada 15 Mac dan Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Mersing, yang kedua-duanya telah pun ditetapkan pada tarikh 26 Mac kerana ketiga-tiganya menyentuh pada perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, agenda kesihatan ATM bukan sahaja merupakan satu agenda penting bagi memastikan tahap kesiapsagaan setiap individu di dalam angkatan tentera untuk melaksanakan tugas dan amanah bagi memastikan kedaulatan, keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara terpelihara tetapi lebih daripada itu. Agenda kesihatan ATM juga merupakan satu agenda kebajikan apabila ia turut disediakan kepada isteri, anak-anak dan ibu bapa anggota-anggota ATM. Agenda ini juga telah diperluaskan kepada veteran ATM, isteri dan anak-anak mereka dan terkini bila diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri agenda ini turut diperluaskan kepada ibu bapa veteran-veteran ATM kita.

Untuk memastikan agenda kesihatan anggota dan veteran ATM serta ahli keluarga mereka dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, maka Kementerian Pertahanan dan ATM telah mewujudkan *task force* kesihatan di bawah teras kebajikan yang merupakan salah satu daripada enam hala tuju Kementerian Pertahanan Malaysia dan Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan ATM 2017 sehingga 2050 telah pun digubal serta saya telah lancarkan pada 18 Januari tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama mewujudkan pelan transformasi ini adalah sebagai satu usaha *inclusive* ke arah penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan juga yang selamat. Transformasi ini bertujuan memperkenalkan konsep sistem

penjagaan kesihatan tersedia kepada sistem kesihatan yang terjaga. Dengan izin, *transformation from healthcare system to care of health system* melalui kaedah promosi pengalaman cara hidup sihat oleh setiap individu melalui strategi pemeraksanaan masyarakat atau *community empowerment*.

Terdapat enam lonjakan strategik yang telah dikenal pasti dalam transformasi ini iaitu dari aspek profesionalisme, kualiti perkhidmatan, perubatan medan, kesejahteraan komuniti ATM, pembangunan perkhidmatan dan diplomasi kesihatan. Pencapaian, keberhasilan dan impak jangka masa pendek serta sederhana hasil dari pelan transformasi ini bakal dilihat dan dirasai apabila inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Melalui transformasi ini, beberapa manfaat akan dinikmati dan dirasai oleh anggota dan veteran ATM serta ahli keluarga masing-masing.

Pertama, perkhidmatan kesihatan yang lebih kondusif dengan persekitaran komuniti sejahtera bakal dicapai melalui penawaran dan perluasan program-program baru seperti penubuhan poliklinik, perwujudan klinik malam, pertambahan *specialist outreach* klinik, penubuhan pusat rehabilitasi dan pertambahan pusat-pusat dialisis yang baru. Di samping sebuah poliklinik di Kem Penrissen yang sedang dibina, di bajet tahun ini terdapat empat buah poliklinik lagi yang telah pun dipersetujui akan dibina pada tahun ini iaitu di Sungai Petani, Seberang Takir, Kuantan dan Kluang.

Kementerian juga sedang merancang untuk mewujudkan sebuah hospital veteran yang berfungsi sebagai hospital rujukan khas untuk para veteran-veteran kita. Hospital ini dalam jangka masa panjang akan diperluaskan di seluruh negara mengikut zon-zon tertentu dan sebagai permulaannya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, kita sedang merancangkan pelaksanaan hospital veteran yang pertama ini di Tambun, Perak. Hospital ini bakal menjadi sejarah kepada veteran-veteran kita kerana ia adalah yang kedua dibina di Asia Tenggara selepas negara Thailand.

Kedua, menyediakan perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien.

■1040

Ini termasuklah peningkatan kemudahan infrastruktur perubatan dan pergigian, kelengkapan serta latihan kepakaran dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan. Sebagai contoh, peningkatan lima buah hospital angkatan tentera iaitu di Kuala Lumpur, di Terendak, di Lumut, di Gemas dan di Kota Kinabalu, perolehan aset-aset hospital medan, penggunaan teknologi maklumat terkini melalui aplikasi *Military Life and Health Record* (MLHR), dgn izin, kemudahan rawatan kardiovaskular, *burn and trauma* serta rawatan lasik di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan.

Ketiga, para anggota ATM, veteran, ahli keluarga serta ibu bapa mereka bakal menerima kualiti program yang sentiasa ditambah baik melalui aktiviti-aktiviti pencegahan, perawatan, pemulihan, rehabilitasi yang dipertingkatkan. Sebagai contoh,

ATM dengan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia akan melaksanakan Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), Program Jiwa Murni dan Karnival Veteran Sihat di seluruh negara yang melibatkan warga ATM veteran dan keluarga masing-masing juga akan di perhebatkan lagi. Melalui program ini mereka berpeluang mendapatkan perkhidmatan penerangan dan saringan kesihatan secara percuma seperti ujian paras gula, tekanan darah dan pengukuran berat badan. Di samping itu klinik bergerak juga akan disediakan bagi memberi perkhidmatan saringan perubatan, pergigian, oftalmologi, psikiatri kepada para veteran dan ahli keluarga mereka.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, keupayaan dan kesiagaan kesihatan medan akan di perkasakan bagi memberi jaminan tahap kekuatan tempur ATM dari segi *medical readiness* yang optimum dapat dicapai. Jabatan Perubatan Ketenteraan (JPT) di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan dipertanggungjawabkan bagi tujuan ini.

Kelima, Angkatan Tentera Malaysia melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan bakal menjadi pemain global dalam aspek latihan serta penyediaan bantuan bencana kemanusiaan (HADR) melalui kolaborasi serantau dan permuafakatan strategik. Sebagai contoh, perkhidmatan ATM dalam misi hospital medan di Cox's Bazar, Bangladesh telah mendapat pelbagai pengiktirafan daripada badan-badan antarabangsa termasuk WHO, UNHCR dan UNDP. Pada masa yang sama, kita perluaskan pendekatan kita di Bangladesh dengan penglibatan daripada Arab Saudi, UAE, Turki dan juga Indonesia.

Akhir sekali, keenam, manfaat khusus yang bakal dinikmati oleh warga Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM bagi memenuhi keperluan perkhidmatan dengan penambahbaikan struktur dan organisasi dan juga jaminan peluang peningkatan kerjaya melalui pelebaran bidang profesionalisme yang pelbagai juga akan diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan agenda ini, kepimpinan MinDef dan saya memantau serta melihat sendiri perkembangan penerimaan anggota-anggota tentera terhadap transformasi kesihatan yang sedang dilaksanakan. *Alhamdulillah*, sambutan yang diterima daripada anggota tentera dan veteran serta ahli keluarga mereka terhadap transformasi ini amat menggalakkan. Saya yakin bahawa kita berada pada landasan yang benar dan yang betul. Ia memberikan satu semangat kepada kami di kementerian dan ATM untuk meneruskan agenda ini tanpa menoleh ke belakang lagi sekiranya ia dapat disahut baik oleh semua pihak. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di atas kejayaan melancarkan Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia 2017-2050. Ini merupakan suatu langkah yang berpandangan jauh dan pasti akan berikan kebaikan dan kebajikan kepada seluruh anggota tentera yang sangat-sangat berjasa kepada kita, kepada negara, kepada pesara

angkatan tentera, ahli keluarga dan persekitarannya. Semoga warga ATM akan mendapat manfaat daripada pelan ini.

Soalan tambahan saya ialah apakah keistimewaan hospital veteran yang akan ditubuhkan ini berbanding dengan hospital kerajaan dan hospital angkatan tentera yang sedia ada? Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah bersetuju untuk menubuhkan hospital veteran pertama di Tambun, Perak. Terima kasih, *assalamualaikum*.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Perak. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya agenda kita untuk melihat kepada pembelaan anggota dan veteran dan keluarga masing-masing dalam konteks perubatan dan kesihatan ini bukan satu perkara yang baru. Apa yang baru yang kita lakukan ini ialah secara telus. Kita bukukan dan kita beri harapan kepada anggota dan juga veteran-veteran kita bahawa kita mempunyai satu perancangan, kita mempunyai impian yang mereka boleh pegang. *Insya-Allah* secara berperingkat-peringkat satu hari nanti apa yang dirancang ini yang melihat jauh ke hadapan akan menjadi satu kenyataan.

Oleh sebab itu soalan yang berkisar kepada hospital khas veteran tadi, ianya telah pun diambil kira secara teliti apa keunikan, kelebihan yang ada. Ada hospital-hospital veteran di luar sana yang kita mendapat maklum balas dan juga *feedback* daripada mereka bagaimana kita dapat memposisikan hospital veteran yang kedua di wujud dirantau kita ini sebagai di antara yang terbaik. Bukan saja di rantau tetapi di dunia. Perbezaannya mungkin pertama, ia boleh dilihat sebagai *one stop centre*, di mana hospital ini menawarkan khidmat pakar rujuk untuk membantu veteran berhubung kait dengan masalah-masalah kesihatan yang kronik dan kritikal dan memerlukan perhatian yang khusus, pertama.

Kedua, mungkin ianya dapat dilihat sebagai pengekal penjagaan kesihatan, di mana *sustainment of health care*, mungkin keperluan selepas bersara itu berbeza dengan semasa mereka berkhidmat. *Niche* yang kita hendak wujudkan di hospital veteran di Tambun ini dapat memberikan satu keutamaan yang khusus ke arah itu. Kemudahan moden yang lebih mesra pesakit oleh kerana mereka bebas untuk bekerjasama dengan pihak swasta, *the best industrial practices* boleh menjadi amalan kita. Pengurusan perkhidmatan yang efisien berteraskan kepada teknologi ICT dengan wujudnya hospital baru, kemudahan-kemudahan ICT yang dulu mungkin tidak ada di pasaran, boleh diambil kira.

Bidang kepakaran yang ditawarkan akan fokus kepada keperluan veteran kita, geriatrik, kardiologi, ortopedik, onkologi, rehabilitasi dan dialisis. Semua ini mungkin dapat membezakan hospital veteran ini dengan hospital-hospital kita yang lain, *insya-Allah*.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi Yang Berhormat Tanah Merah berpantun, saya hendak jawab pantun Yang Berhormat Tanah Merah.

*Selepas subuh ke pasar borong,
Singgah di pekan membeli nyiru,
Manifesto PH bukan kelentong,
Harap BN jangan tiru.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, semasa Yang Berhormat Menteri datang ke Melaka baru-baru ini hendak mengumumkan tentang Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera, disebut dalam ucapan Yang Berhormat Menteri ialah komitmen kementerian adalah untuk membangunkan sistem penjagaan kesihatan terbaik untuk anggota veteran tentera ATM serta ahli keluarga. Jadi, saya *take out* Yang Berhormat Menteri daripada isu veteran ini. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kementerian telah mengumumkan satu pelan induk veteran angkatan tentera. Jadi, saya ingin bertanya perkembangan pelan ini. Selain daripada kemudahan perubatan dan kesihatan yang disediakan, apa lagi kemudahan yang diterima oleh veteran ini? Bagaimana pendirian kerajaan di atas tuntutan veteran tentera yang hilang upaya untuk mendapat *ex gratia*, pencen kurang upaya dan juga penyeragaman pencen? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Mengenai *ex gratia*, hilang upaya dan pencen, bukan satu perkara yang baru dan kita sedang memikirkan dalam masa terdekat ini. Akan tetapi apa jua keputusan kita mestilah adil kepada pesara-pesara, penjawat-penjawat awam yang lain. Oleh sebab itu kita tidak boleh lihatnya dalam konteks veteran sahaja. Akan tetapi percayalah, cari jalan dan tidak pernah menyerah kalah dalam sesuatu pembelaan kepada veteran-veteran kita yang banyak telah pun berkorban keringat, air mata dan darah demi memastikan kestabilan negara kita akan secara berterusan.

■1050

Ini ada kait rapat dengan mungkin isu-isu semasa yang digembar-gemburkan seolah-olah kita tidak buat apa-apa sebelum ini. Saya hendak tekankan di sini apabila diminta apa lagi yang telah kita bantu veteran kita. Dari segi bantuan perubatan sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk tahun 2017 kita sudah membelanjakan jumlah RM82.56 juta untuk memastikan bahawa bayaran perubatan, alat ortopedik, implan, alat pendengaran, kanta mata, rawatan perubatan dan tuntutan perjalanan di hospital semuanya dibiayai oleh kerajaan.

Bantuan peralatan pesakit sahaja, membeli peralatan kesihatan sokongan seperti kerusi roda, tongkat, katil, tilam dan sebagainya untuk tahun 2017 sahaja lebih daripada RM500,000 telah pun disalurkan kepada para veteran kita. Rawatan hemodialisis jumlah sebanyak RM46.96 juta telah kita belanjakan untuk menampung kos dialisis yang telah beri manfaat kepada 9,314 veteran kita.

Bantuan pengurusan jenazah pun Yang Berhormat di mana kita telah membelanjakan RM10.28 juta untuk membelanjakan dan membantu waris veteran kita. Oleh sebab itulah apa yang telah kita lihat daripada dahulu lagi kita tengok pembelaan kepada veteran kita bermula daripada perkhidmatan bersara dari perkhidmatan sehinggalah mereka meninggal dunia. Ini akan kita perbaiki, kekangan-kekangan tidak ada satu perangan yang 100 peratus *perfect*, dengan izin.

Akan tetapi saya percaya kalau sekiranya ada cadangan-cadangan yang bernas, pandangan-pandangan veteran kita yang tidak beremosi, tidak berkisar kepada pertimbangan-pertimbangan lain, saya rasa MINDEF daripada dahulu lagi terbuka untuk mempertimbangkannya kalau sekiranya sesuai dapat dilaksanakan *insya-Allah*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas kesungguhan memberikan pembelaan kepada tentera-tentera dan ahli-ahli veteran.

Yang Berhormat Menteri telah memperkenalkan pelbagai insentif dan yang terakhirnya satu pelan transformasi perkhidmatan kesihatan untuk angkatan tentera. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah sebenarnya penglibatan daripada agensi-agensi kerajaan dan para swasta bagi kita merealisasikan harapan supaya pelan transformasi ini benar-benar satu kejayaan.

Keduanya, selain daripada perkhidmatan kesihatan adakah aspek cara hidup sihat diperkenalkan supaya kita tidak bergantung sangat kepada hospital. Ini supaya kita dapat memperkenalkan kepada veteran kita. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Jasin kerana saya lihat soalan tadi juga terikat dengan apabila Yang Berhormat turun bersama-sama dengan saya ke Terendak untuk pelancaran baru-baru ini dan boleh melihat sendiri sambutan daripada anggota dan warga kita.

Ini merupakan sesuatu yang tidak datang bergolek, ia tidak datang melayang dan mengambil masa satu tahun ke dua tahun untuk memikirkan sehingga kita betul-betul berpuas hati dan dapat kita jayakannya, baru kita lancarkan.

Akan tetapi apa yang boleh kita lakukan di MINDEF seperti semua sedia maklum terhad. Oleh sebab itu melalui pendekatan Lautan Biru atau NBOS kita kena cari jalan bagaimana pihak-pihak lain dapat bersama-sama dengan kita. Yang Berhormat Jasin tadi

sebut, kementerian mana yang sanggup tampil ke hadapan bersama-sama dengan kita, NGO mana yang telah pun sudi untuk bersama-sama dengan kita.

Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini semasa pelancaran agenda kesihatan kita ia merupakan pelancaran bersama saya dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri, hospital-hospital bukan sahaja hospital tentera telah pun dikenal pasti dan badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah pun menunjukkan minat untuk bersama-sama dengan kita.

Contohnya, *Malaysian Medical Council, Malaysian Medical Association, The National Specialist Register of Malaysia, Malaysia Relief Agency, Islamic Medical Association Relief Team, MERCY Malaysia* dan *Humanity Heroes*. Bermakna bahawa MINDEF tidak berseorangan untuk menjayakan agenda ini.

Apabila kita sudah dapat *tipping point* di mana pihak-pihak lain sudah nampak bahawa agenda kita ini dapat direalisasikan, tidak ada sebab mereka tidak bersama-sama dengan kita. Ini tidak sebut lagi syarikat-syarikat swasta dengan CSR yang boleh membantu menjayakan pelan ini.

Jadi, *alhamdulillah* dengan pelan yang jelas, saya harap lebih ramai lagi akan tampil ke hadapan. Apa yang saya sudah nyatakan sebelum ini, apa orang hendak cakap, cakuplah tetapi yang penting agenda kita ini telah pun berada di atas landasan yang benar.

2. Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) sejauh manakah penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara boleh menangani kenaikan kos sara hidup. Apakah KPI atau *Key Performance Indicators* (Petunjuk Prestasi Utama) yang akan diguna pakai oleh Majlis Tindakan ini; dan
- (b) apakah langkah kementerian untuk memantau kawalan harga bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan. Selain daripada memantau peniaga, apakah komitmen kerajaan untuk mengawal harga barang dan memastikan harga barang dalam tahap yang terkawal.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 10 pertanyaan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rasah pada 14 Mac, Yang Berhormat Tanah Merah 19 Mac, Yang Berhormat Nibong Tebal 26 Mac, Yang Berhormat Sekijang 27 Mac, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Kuala Nerus pada 2 April serta Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat

Temerloh pada 5 April. Ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan kos sara hidup dan harga barang serta langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka di mana kuasa pasaran atau *market forces* memainkan peranan penting dalam menentukan harga barangan di samping pengaruh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain seperti kadar tukaran wang asing dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, bagi barangan keperluan asas seperti gula, minyak masak dan tepung, kerajaan masih mengawal harganya supaya barang-barang tersebut dapat dijual di pasaran pada harga yang berpatutan. Jumlah subsidi yang ditampung oleh kerajaan bagi tujuan ini sudah pun mencecah RM2 bilion setahun. Kementerian juga sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna.

Langkah-langkah kawalan harga barang dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang di samping pelaksanaan inisiatif-inisiatif lain bagi membantu isi rumah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- (ii) melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan pada musim-musim perayaan utama;
- (iii) menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga, Penandaan Harga oleh Penjual Runcit 1993;
- (iv) meningkatkan keberadaan atau *omnipresence* pegawai-pegawai penguat kuasa di tempat-tempat terpilih;
- (v) mewujudkan Skwad Tindakan Aduan dan Resolusi atau STAR dan *Special Action Squad* (SAS) untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat dan pantas;
- (vi) menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah program pemantauan harga oleh pegawai-pegawai pemantau harga kementerian;
- (vii) meneruskan program penyeragaman harga barang perlu bagi membolehkan masyarakat di kawasan pedalaman memperoleh barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak

masak, tepung gandum, LPG- petrol dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;

- (viii) menambah baik pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia melalui KR1M 2.0 yang lebih terbuka dan meluas di seluruh Malaysia;

■1100

- (ix) mengehendkan kadar faedah maksimum bagi transaksi jualan kredit kepada *15 percent* setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40 peratus setahun;
- (x) melaksanakan dasar harga terangkum bagi mengelakkan pengguna terkeliru dengan paparan harga yang tidak termasuk caj- caj sampingan yang berkaitan;
- (xi) mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (xii) mewujudkan *My Farm Outlet* dengan kerjasama MOA juga;
- (xiii) memperkenalkan program *Friends of KPDNKK* sebagai mata dan telinga kementerian;
- (xiv) mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi kerajaan lain serta penglibatan penghulu dan pegawai dalam memantau harga barangan; dan
- (xv) menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7 Februari 2018, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menarik taraf Jawatankuasa Khas Mengenai Kos Sara Hidup Negara kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Penubuhan majlis tindakan ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan bebanan rakyat dengan lebih berkesan. Ianya dilaksanakan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta termasuk golongan akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Struktur dan modus operandi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara direka bentuk untuk membolehkannya berfungsi dengan cekap dan memastikan bahawa keputusan yang diambil dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Justeru kerangka Majlis Tindakan Sara Hidup Negara adalah terbahagi kepada dua peringkat iaitu Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Peringkat Eksekutif. Selain itu, Jawatankuasa Kumpulan Kerja juga akan ditubuhkan berdasarkan isu dan keperluan untuk melancarkan pelaksanaan strategi serta pelan tindakan yang diputuskan di kedua-dua peringkat utama tadi.

Pada peringkat awal ini, majlis tindakan ini akan memberi fokus kepada enam kluster iaitu kumpulan kerja kluster utama yang akan dibentuk kluster makanan, perumahan, pendidikan, pengangkutan, kesihatan dan utiliti. Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster ini akan melibatkan gabungan kepakaran daripada pihak swasta, NGO, akademia dan kerajaan dalam membincangkan isu berkaitan kos sara hidup dan merangka pelan tindakan untuk menanganinya. Hasil serta *outcome* daripada perbincangan setiap enam Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster tadi akan dibentangkan ke mesyuarat Majlis Tindakan Peringkat Tertinggi dan keputusannya akan dibentangkan ke Kabinet nanti.

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bersidang kali pertamanya pada 6 Mac yang lalu. Buat masa ini kita akan melihat pencapaian dan keberkesanan majlis ini melalui Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang merangkumi komponen-komponen seperti pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan serta perumahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat sebagai *caring ministry*, kementerian berharap usaha-usaha yang telah dinyatakan ini akan dapat membantu menangani isu harga barangan dengan lebih baik demi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan tambahan saya ada dua bahagian. Bahagian pertama adalah sejauh manakah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara ini akan dapat membantu meringankan beban rakyat agar mampu makan makanan harian yang berkhasiat dan bernutrisi sekali gus menyelesaikan masalah kekurangan zat kanak-kanak yang dinyatakan dalam satu kajian iaitu kajian kanak-kanak pinggir. Satu lagi kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian kanak-kanak bandar khususnya di *flat* kos rendah di Kuala Lumpur oleh UNICEF baru-baru ini. Ini bahagian pertama saya berkenaan dengan makanan yang berkhasiat dan bernutrisi sebab kualiti makanan kini saya rasa menjadi persoalan secara umum.

Bahagian kedua saya mengenai komitmen kerajaan untuk mengawal harga barang. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan komitmen kerajaan. Adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan permit import (AP) sekali gus menghapuskan monopoli yang dapat mengawal harga barang khususnya kepada barang-barang asas seperti bawang, kentang, kubis, kelapa dan juga kacang dal dan ada beberapa lagi barang-barang yang kita dapati mempunyai permit import.

Walaupun kita saban kali menyalahkan peniaga untuk menaikkan harga dan sebagainya, saya rasa komitmen kerajaan pun perlu ditekankan sebab saya rasa monopoli sebegini sebenarnya menyebabkan kenaikan harga barang juga. Jadi kalau di

satu pihak kita salahkan peniaga dan sebagainya, di satu lagi pihak komitmen kerajaan perlu ke hadapan dan salah satu contoh yang boleh diketarakan oleh kerajaan adalah dengan menghapuskan monopoli dan AP yang boleh mengawal harga barang seperti ini. Apa pandangan dan ulasan Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Kapar di atas soalan yang dibangkitkan. Pertamanya saya hendak jelaskan, untuk kita membantu supaya kita dapat makanan yang mempunyai nutrien yang baik, segala makanan yang telah pun diproses jika hendak dijual terutamanya di pasar raya dan di kedai-kedai, bungkusan itu mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan. Manakala produk-produk yang asalnya daripada barangan-barangan *perishable goods* yang dimasak dan dijual di restoran-restoran dan sebagainya juga selalu mendapat pemeriksaan daripada penguat kuasa PBT masing-masing yang turut melihat dari segi kebersihan tempat dan sebagainya.

Maka sebab itu dalam agenda kerajaan keseluruhannya, makanan di sekolah nutrien juga diberikan satu daripada kepentingan utama. Kerjasama semua kementerian yang ada melalui NBOS kita lakukan melalui Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan KPDNKK serta banyak lagi kementerian-kementerian lain untuk memastikan bahawa segala makanan yang dijual di sekolah-sekolah juga adalah merupakan makanan-makanan yang berkualiti.

Untuk menentukan komitmen kawalan harga barang ini dapat diberikan dengan sebaik mungkin, saya telah jelaskan bahawa buat setakat ini kita memberikan subsidi kepada barang-barang keperluan asas. Saya ingin supaya Yang Berhormat Kapar jelas di sini, kalau kita sebut daripada konsep jualan barangan tersebut, ada tiga perkara yang harus kita fikirkan di sini. Pertamanya, barang-barang keperluan asas iaitu beras, gula, minyak masak, tepung dan gas memasak. Ini sebenarnya adalah barang-barang yang memang sudah kita kawal dengan begitu baik sekali.

Saya hendak beri contoh kepada Yang Berhormat Kapar supaya bukan hanya Yang Berhormat jelas tetapi juga rakyat yang ada di seluruh negara jelas. Pertamanya tentang barang-barang keperluan asas yang kita ambil termasuk juga harga ayam, daging, beberapa barangan yang kita bandingkan di seluruh negara ASEAN. Saya hendak jelaskan di sini supaya Yang Berhormat sedar bahawa kerajaan hari ini adalah kerajaan yang memang tahu untuk membela rakyat terutamanya dalam masalah kos sara hidup yang penting dalam negara kita. Tentang barang-barang yang saya hendak bandingkan dengan harga di seluruh negara ASEAN terutamanya, Singapura, KDNK per kapita mereka USD52,962 dibandingkan dengan Malaysia yang hanya USD9,463.

■1110

Kedudukan KDNK per kapita dalam negara ASEAN, kita nombor tiga. Pertama Singapura, kedua Brunei dan ketiga kita. Tetapi daripada keseluruhan harga-harga barang yang saya jelaskan tadi, dengan strategi yang kerajaan buat, sepatutnya kita begitu bangga kerana harga barangan di Singapura 70 peratus lebih tinggi daripada kita. Manakala Brunei 71 peratus lebih tinggi daripada kita. Thailand pula 23 peratus lebih tinggi daripada kita, walaupun kedudukan KDNK per kapita mereka hanya USD6,000.

Indonesia yang mempunyai KDNK per kapita USD3,599, harga barangan mereka 43 peratus lebih mahal daripada kita. Manakala Filipina yang mempunyai KDNK per kapita USD3,016, harga barangannya 76 peratus lebih tinggi daripada Malaysia. *[Disampuk]* Ha, Laos PDR yang per kapita KDNK hanya USD2,400 tetapi harga barangan mereka 59 peratus lebih tinggi daripada kita. Vietnam USD2,138 KDNK per kapita, perbezaan harga 41 peratus lebih tinggi daripada kita. Myanmar yang KDNK per kapita USD1,297, harga barangan 32 peratus lebih tinggi daripada kita. Kemboja yang KDNK USD1,266, harga barangan 76 peratus lebih tinggi daripada kita.

Ini menunjukkan bahawa strategi kawalan harga yang kita lakukan untuk menentukan harga-harganya berpatutan adalah strategi yang menepati kepada semua yang telah pun kita lakukan. *[Tepuk]*

Jadi, apabila Yang Berhormat mempersoalkan saya tadi bagaimana caranya untuk kita tidak membenarkan monopoli, saya hendak maklumkan, kadang-kadang AP yang kita lakukan yang kita berikan, ada sebab polisi-polisi yang untuk menjaga pihak-pihak terutamanya pengusaha-pengusaha tempatan. Kita tidak benarkan segala-galanya dilakukan sebeb-bebasnya. Ada AP yang kita rasa terutama dalam barang-barang makanan seperti bawang, kentang—sebenarnya tidak ada AP. Semua orang boleh bawa masuk. Ini adalah perbincangan yang telah kita lakukan di antara kementerian saya dan juga Kementerian Pertanian.

Ada perkara-perkara yang lain adalah kerana kita hendak memastikan kualiti yang dibawa masuk. Saya hendak maklumkan, seperti *wheat* atau gandum, sesiapa pun boleh bawa masuk. Tidak ada AP sekarang ini. Tetapi oleh kerana itulah, kita melihat bahawa sepatutnya kita berikan kawalan supaya tidak timbul lagi mereka yang bawa masuk dengan kualiti yang begitu rendah dengan harga yang tinggi. Ini kerana, kadangkala oleh kerana inilah, mereka boleh lakukan strategi di luar negara membawa masuk dengan harga yang begitu tinggi. Sebab itu apa yang kita lakukan adalah untuk *balance*-kan kedudukan ini untuk memastikan harga berpatutan dan strategi kita mengena seperti apa yang kita lakukan dengan harga-harga bandingan yang telah pun saya kemukakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang begitu baik sekali. Saya juga ingin mengambil kesempatan, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana melibatkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam Program Jualan Sentuhan Rakyat seluruh Malaysia dan ini amat menggembirakan para nelayan termasuk juga promosi *Q'Fish*, ikan segar beku untuk tatapan rakyat di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Menteri, soalan saya. Antara persoalan yang bermain di minda rakyat adalah mengapakah harga makanan akan menjadi mahal apabila berlaku kenaikan harga minyak namun harga makanan tidak turun tatkala berlaku penurunan harga minyak? Soalan saya, bagaimana peranan kerajaan dalam memastikan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dapat mengawal manipulasi dan monopoli harga pasaran yang ada kalanya dikawal oleh organisasi atau kumpulan tertentu dalam negara kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor kerana sebagai Pengerusi LKIM banyak membantu dalam Program Jualan Sentuhan Rakyat. Terima kasih, tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Berikan satu tepukan. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam program kita hendak menentukan banyak barang-barang yang dikeluarkan itu— setelah diprosesnya— dengan jualan yang agak murah, kita kena tengok *the total value chain* sebelum kita hendak menyalahi mana-mana pihak. Contohnya, bila kita pergi ke restoran, harga kopi atau kopi tarik atau teh tarik kalau dibandingkan dengan *Starbucks*, sudah tentu harga yang di *Starbucks* lebih mahal daripada di kedai-kedai restoran mamak. Yang menjadi masalah kita adalah apabila Yang Berhormat Kuala Selangor hendak memastikan restoran kedai mamak ini harganya biar semua sama manakala di *Starbucks* ini dia tidak kisah harga melebihi RM10. Kedai restoran mamak ini mesti kurang daripada RM2, sebagai contoh.

Yang penting kepada kita bukan itu. Yang penting kepada kita adalah bekalannya mencukupi. Apabila bekalan mencukupi, maka sudah tentulah akhirnya makanan yang diproses yang dijual di restoran-restoran juga akan mencapai satu tahap harga yang konsisten. Sebab itu kalau dulu— betul— harga minyak naik, kebanyakan daripada restoran-restoran akan menaikkan harga jualan di restoran. Tapi hari ini sudah tidak ada lagi kerana apabila kita mengadakan mekanisme mingguan harga petrol ini, ia menyebabkan restoran tidak boleh turun naik, turun naik pada tiap-tiap minggu. Maka sebab itu kita telah pun memastikan bahawa ia tidak menjadi isu yang besar lagi tentang harga minyak turun naik ini dengan harga makanan di restoran-restoran. Yang penting

kepada kita adalah supaya manipulasi yang selalu dilakukan oleh *middleman* tadi yang sepatutnya kita tangani.

Sebab itu dalam Program Jualan Sentuhan Rakyat yang kita lakukan, ia adalah salah satu strategi untuk menangani mereka yang hari ini banyak telah pun memutar belitkan dan manipulasi harga yang dijual di kampung-kampung. Akhirnya, Program Jualan Sentuhan Rakyat ini dapat memastikan orang tengah yang selalu ini menaikkan harga, hari ini terpaksa menurunkan apabila ada *competition* dengan Program Jualan Sentuhan Rakyat. Saya bersyukur kerana setakat ini, Program Jualan Sentuhan Rakyat yang hanya kita buat baru tidak sampai dua bulan, baru enam minggu, sudah pun dikunjungi sebanyak 1.6 juta pengguna di seluruh negara. Tahniah dan syabas. Seheinggakan ada pihak-pihak seperti pembangkang juga mahu mengikut program yang kita lakukan ini. Ini menunjukkan sudah ada *competition* dan akhirnya yang menguntungkan adalah rakyat di seluruh negara. Bila ada *competition* yang baik seperti ini, harganya akan menurun, rakyat yang akan mendapat *benefit*-nya, manfaatnya. Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapakah jumlah keluaran padi seluruh negara mengikut negeri dan jumlah import beras bagi tahun 2017 .

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran padi negara bagi tahun 2017 ialah sebanyak 2.9 juta tan metrik. Negeri Kedah merupakan pengeluar terbesar pada tahun 2017 sebanyak 1.7 juta tan metrik. Manakala Kelantan sebanyak 333,000 tan metrik dan Perak sebanyak 318,000 tan metrik. Senarai bagi negeri-negeri yang lain ada pada saya, kalau nak dibacakan begitu panjang sekali.

■1120

Jumlah beras yang diimport pada tahun 2017 adalah sebanyak 785,400 tan metrik. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan tambahan. Saya nak mengalu-alukan kedatangan rombongan pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tengku Ampuan Hajah Afzan daripada Jerantut. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, soalan. Apabila kita bercakap soal hasil padi, pertambahan hasil padi sudah pastinya akan dapat meningkatkan pendapatan para petani padi dan saya nak

mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak MARDI yang lebih 40 tahun menjalankan kegiatan kajian, mengeluarkan varieti padi yang baru yang boleh menambahkan hasil yang ada ketahanan serangan serangga dan pelbagai bakteria.

Yang saya nak tanya soalan di sini, apabila kita bercakap dan saya biasa mendengar soal pemodenan penanaman padi di Malaysia untuk menambahkan hasil padi. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah jenis pemodenan yang dilakukan, yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pertanian ke atas petani-petani padi supaya hasil padi bertambah bagi meningkatkan pendapatan kepada para petani padi.

Yang kedua, tentang insentif estet padi. Saya juga mengucapkan terima kasih. Insentif estet padi ini amat berkesan bagi petani untuk meningkatkan pendapatan mereka. Apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan jumlah insentif dan petani yang akan memasuki estet padi di negara kita ini supaya mereka dapat menambahkan pendapatan mereka kerana hasil daripada penanaman itu akan bertambah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang betul untuk meningkatkan pendapatan pesawah, hasil pertanian mereka perlu ditingkatkan. Maksudnya produktiviti perlu ditingkatkan. Dasar Agromakanan kita pada hari ini menyasarkan produktiviti pesawah ini ditingkatkan kepada sepuluh metrik tan per hektar. Ini kita punya sasaran. Untuk mencapai peningkatan produktiviti ini, sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, program pemodenan, *modernization* kawasan sawah dan juga petani sendiri adalah penting.

Bagi pemodenan kawasan sawah, kita membangunkan sistem saliran dan pengairan mereka. Melalui program jelapang padi, kita bangunkan sistem pengairan yang moden. Umpamanya kita perkenalkan apa yang dipanggil *U-Drain* atau *concrete* untuk menggantikan saliran-saliran yang selama ini adalah hanya tanah yang mana runtuh daripada semasa ke semasa dan memendapkan saliran dan menjejaskan bekalan air ke dalam petak-petak sawah.

Manakala *U-Drain* atau *concrete*, dia tidak lagi menghadapi masalah yang sedemikian. Bekalan air yang cukup pada masa yang tepat sangat perlu untuk sawah menjadi satu kawasan yang menghasilkan hasil yang tinggi. Selain daripada itu, sebagaimana yang telah disebut-sebutkan tadi iaitu benih-benih baru yang dihasilkan oleh pihak MARDI. Ini juga membantu untuk meningkatkan produktiviti pihak pesawah.

Selain daripada itu juga, pemodenan kepada sumber manusia. *The farmers themselves* dengan izin, kena moden. Jadi petani moden dan bagi tujuan itu, kita memperkenalkan apa yang dipanggil GAP atau *Good Agriculture Practice*, amalan. Kena tukar amalan, budaya, cara bekerja sebagai petani yang moden perlu diterapkan di

kalangan pesawah. *So, this practice* atau amalan pertanian baik ini diajarkan, dibudayakan di kalangan petani.

Of course, it takes times, Tuan Yang di-Pertua. *Take times but slowly and steadily* dengan izin, *our farmers are changing to be a modern farmers*. Lebih jauh daripada itu, kita menggunakan teknologi-teknologi yang baru, *it's a new technology*. Teknologi yang akan menjimatkan kos seperti kos pengeluaran. Sebagai contoh, penggunaan dron. *Drone is a new technology* yang boleh digunakan di kalangan petani-petani atau pesawah yang boleh menabur baja dengan cekap sekali dengan kos yang rendah dan dapat mengatasi masalah tenaga manusia. *Less manpower when we use drone and it complete a job* dalam satu kawasan yang beribu ekar dalam masa yang pendek dan banyak lagilah teknologi-teknologi yang diperkenalkan untuk memodenkan petani kita.

Itu bagi bahagian pemodenan pertanian sebagaimana Yang Berhormat tanyakan tadi. Manakala insentif, juga kita ada projek NKEA di mana petani-petani akan menyerahkan pengurusan sawah mereka kepada *anchor company* ataupun koperasi, pertubuhan peladang supaya persawahan mereka itu diuruskan secara estetik, mini estetik dan dengan cara ini akan memastikan pengurusan persawahan itu dilakukan secara efisien. *Economic of skills* kita dapati dan juga penjagaan sawah dibuat dengan betul oleh *anchor company* ataupun SPV (*special purpose vehicle*) yang dilantik untuk menguruskan pertanian itu dan selain daripada itu, SPV atau *anchor company* ini tidak pula berterusan selama-lamanya. Ianya merupakan sebagai teraju ataupun sebagai *catalyst* pemangkin kepada pembangunan para pesawah supaya menjadi petani yang baik, yang moden dan maju.

■1130

So, after certain times dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *they will take over, they will take back the responsibility*. *So, this is the strategi, plan of action* yang kita ambil bagi tujuan membangunkan petani-petani kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Persatuan mihun mengadu susah mendapat permit import beras hancur kerana dikawal oleh BERNAS. Memandangkan pengusaha kilang mihun ini susah mendapat beras hancur di pasaran, saya ingin tahu bagaimanakah kementerian boleh menangani kerumitan ini? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Buat apa makan beras hancur? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, import beras kita telah beri *concession* kepada BERNAS yang merupakan pengimport tunggal kepada produk beras ini. Hancur, tidak hancur semua tergolong di dalam *concession* yang diberikan kepada mereka. Kesulitan sedikit sebanyak itu saya rasa tidak ada menjadi masalah besar. Kita boleh beritahu BERNAS

berapa *you* hendak import. Akan tetapi dalam pada itu adalah juga langkah-langkah untuk menjaga kepentingan pihak *local* kalau kita import semuanya sebagaimana yang disebutkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri tadi, *then* kita punya *local entrepreneurs, local producers* kita tidak jaga pula.

This is not wise on our part as a government who care for the citizen, rakyat kita dalam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam kejadian banjir yang berlaku di Sarawak, dan nyatakan keseluruhan perbelanjaan dalam kejadian banjir di Sarawak. Mengapa tidak ada sebarang bantuan khas banjir untuk mangsa-mangsa yang terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:

Tuan Yang di-Pertua, Monsun Timur Laut yang bermula sejak bulan November tahun 2017 dijangka akan berakhir pada bulan Mac tahun ini. Sarawak antara negeri yang telah dilanda banjir bermula dengan Samarahan pada 18 November 2017 dan sehingga 14 Februari 2018 terdapat sejumlah 16 daerah yang telah terlibat dengan bencana banjir merangkumi 172 kawasan dan 9,009 orang mangsa iaitu 2,624 isi rumah.

Hujan lebat selama beberapa hari di awal bulan Februari telah menyaksikan hampir keseluruhan bahagian Negeri Sarawak dilanda banjir. Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras segala bentuk bencana di dalam negara telah bersiap siaga dalam menghadapi banjir monsun di seluruh negara.

Bagi Negeri Sarawak pihak NADMA telah pun menghantar bantuan kelengkapan asas pada bulan Disember 2017 dalam usaha persediaan menghadapi banjir. Sebanyak 2,000 selimut, 2,000 unit bantal, 2,000 unit *toto*, 2,000 unit khemah pengadang, *collapsible tent* telah diserahkan kepada Angkatan Pertahanan Awam selaku sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk agihan bila diperlukan.

Semasa lawatan saya ke Kota Samarahan bersama Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, saya telah berjanji untuk menambah sebanyak 4,000 khemah pengadang dan membaiki semua bilik air dan lain-lain pembaikan kecil yang diperlukan. Kita juga telah melawat Daerah Selangau pada 7 Februari 2018 di mana banjir telah memutuskan hubungan dengan beberapa kawasan. Walau bagaimanapun, pejabat residen dan juga pejabat daerah telah berjaya menghantar bekalan makanan walaupun keadaan banjir agak serius.

Tuan Yang di-Pertua, selain bantuan dalam bentuk keperluan asas di pusat perpindahan NADMA juga telah menghantar bantuan dalam bentuk aset logistik seperti kenderaan pacuan empat roda HILUX sebanyak empat buah, bot aluminium 10 buah dan

rubber inflatable boat sebanyak 10 buah. Negeri Sarawak sebelum ini telah pun menerima sebanyak tiga buah bot Sealegs dan sembilan buah lori jambatan. Semua agensi yang terlibat dalam pengurusan banjir telah pun bertugas dengan sebaik mungkin bagi memastikan agihan bantuan serta urusan berkaitan berjalan dengan lancar.

Sekumpulan pegawai-pegawai daripada NADMA, APM dan SMART sendiri telah tiba ke Sarawak lebih awal setelah menerima laporan kesiapsiagaan daripada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC). Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang memaklumkan hujan lebat di Sarawak bermula 5 Februari hingga 7 Februari 2018. Laporan kaji cuaca diterima daripada Jabatan Metrologi Malaysia.

Selain daripada peralatan bantuan yang dihantar lebih awal NADMA turut membantu dalam menyediakan bantuan mengikut keperluan semasa bagi melengkapkan kekurangan yang ada. Contohnya, bantuan tambahan peralatan memasak di pusat-pusat perpindahan dan juga keperluan logistik seperti bot dan lain-lain lagi. Bagi bantuan khas Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara, sehingga kini pihak NADMA masih belum menerima senarai nama mangsa-mangsa daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk proses pengagihan wang ihsan.

Bagi Negeri Sarawak sejak tahun 2015, Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana telah mengagihkan sejumlah RM22,056,000 dana dalam bentuk wang ihsan kepada mangsa-mangsa banjir. Bantuan wang ihsan diberikan kepada mereka yang berpindah di pusat perpindahan dan didaftarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun APM. Kerajaan akan menguruskan pengagihan bantuan wang ihsan kepada mangsa banjir apabila menerima senarai nama mangsa yang telah diverifikasikan dan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah-daerah yang berkenaan. Agihan wang ihsan Negeri Sarawak 2015 sebanyak RM14,618,500 masa itu ialah semasa MKN, tahun 2016 sebanyak RM5,447,000, tahun 2017 sebanyak RM1,990,500 dan tahun 2018 sedang menunggu. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya diberitahu Sarawak agak besar, kebanyakan peralatan-peralatan pengurusan bencana adalah diletakkan di bahagian Kuching, di bahagian selatan Sarawak. Di bahagian tengah Sarawak di bahagian Sibu pada peringkat awalnya berlakunya bencana ini, jentera pengurusan bencana ini amat kelam-kabut kerana tidak cukupnya peralatan-peralatan pengurusan bencana. Jadi ini mengakibatkan saya ada menerima satu panggilan bantuan di satu kampung di Sungai Arip. Mereka tiga hari tidak menerima apa-apa bantuan makanan sehingga mereka dalam keadaan lapar untuk tiga hari baru sampainya bantuan daripada kerajaan. Jadi saya hendak penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana hendak menambah baik keadaan ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, memang secara umumnya kita hantar ke Kuching selepas itu diagihkan kepada semua kawasan termasuk kawasan Yang Berhormat sebut tadi. Kita telah agihkan peralatan logistik sesegera mungkin malah sesetengah pada barangan itu baru sampai tetapi kita berjaya mengagihkannya pada hari yang kedua. Yang Berhormat, berhubung dengan kes Yang Berhormat sebutkan itu saya perlu laporan bertulis kerana di Selangau saya berada di sana dan mengendalikan sendiri pengurusan bencana bersama dengan Yang Berhormat Selangau. Jadi perkara-perkara yang timbul di peringkat awal itu telah kita selesaikan.

Memang bila banjir berlaku di kawasan pedalaman itu maklumat kita dapat lambat tetapi apabila kita dapat maklumat kita telah laksanakan sesegera mungkin. Ada satu kes yang mana bot agensi tidak mampu untuk pergi ke tempat yang berkenaan kita sewa bot swasta.

■1140

Dalam mengendalikan pengurusan bencana, kita membenarkan pihak residen ataupun daerah untuk melakukan apa saja untuk memastikan supaya bantuan sampai ke tempat berlakunya bencana. Jadi, mereka boleh menggunakan bot agensi, menyewa atau apa saja, ia tidak ada masalah. Pada keseluruhannya, kita telah uruskan dengan baik.

5. Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan faktor-faktor Malaysia kekal menjadi 25 negara terbaik bagi ekonomi paling berjaya apabila menduduki tempat ke-23 dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2017/2018 yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera, salam negara ku 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Libaran, Tuan Yang di-Pertua. Malaysia telah berjaya mengekalkan kedudukannya di kalangan 25 ekonomi paling berjaya di dunia dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2017-2018 yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF). Kajian ini mengukur daya saing sesebuah negara melalui penilaian ke atas 12 teras yang melibatkan 114 kriteria iaitu institusi, infrastruktur, persekitaran ekonomi makro, kesihatan dan pendidikan rendah, pendidikan tinggi dan latihan, kecekapan pasaran barangan, kecekapan pasaran buruh, pembangunan pasaran kewangan, kesediaan teknologi, saiz pasaran, kecanggihan perniagaan dan inovasi. Laporan GCR yang terkini menunjukkan Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak dua kedudukan, 25 kepada 23 berbanding tahun sebelumnya, daripada 138 ekonomi dan berada di kalangan 25 ekonomi paling berdaya saing.

Malaysia mengatasi Ireland, Qatar, Korea, China, India, Rusia, Arab Saudi, Sepanyol dan Itali, antara contoh. Petunjuk yang berada di kedudukan 10 teratas yang menyumbang kepada prestasi Malaysia:-

- (i) Daya saing global;
- (ii) Kekukuhan perlindungan pelabur;
- (iii) Perolehan kerajaan pada produk berteknologi tinggi;
- (iv) Beban peraturan kerajaan;
- (v) Kedudukan;
- (vi) Gaji dan produktiviti;
- (vii) Dasar pertanian tidak membebankan;
- (viii) Ketersediaan para saintis/jurutera;
- (ix) Tahap latihan kakitangan;
- (x) Ketersediaan modal teroka;
- (xi) Tahap pemasaran kedudukan; dan
- (xii) Inflasi dengan kedudukan pertama kerana kadar 2.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif untuk meningkatkan daya saing telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan, termasuk meningkatkan daya saing di mana produktiviti telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan. Prestasi daya saing sangat bergantung kepada prospek pertumbuhan ekonomi 5.9 peratus pada tahun lalu dan produktiviti dalam jangka masa panjang.

Blueprint Produktiviti Malaysia telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Mei 2017. Kedua mewujudkan kumpulan kerja daya saing atau, dengan izin, *competitiveness working group*. Ketiga, menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang dianggotai oleh sektor awam dan swasta. Keempat, mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif melalui aplikasi Amalan Baik Peraturan (GRP). Kelima, menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Daya Saing (OCC) dan Pengurusan Data. Keenam, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bekerjasama dengan Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan yang boleh diambil bagi memperbaiki kedudukan negara melalui program pengurusan data.

Ketujuh, memperkenalkan pendekatan berfokus dan *targeted approach* dalam R&D untuk menarik pelaburan. Kelapan, memberikan kemudahan khas kepada syarikat terkemuka yang dikenal pasti dalam sektor nilai tambah tinggi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi. Kesembilan, menambah baik dasar-dasar semasa, termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan. Kesepuluh, menaik taraf, memodenkan infrastruktur, termasuk rangkaian telekomunikasi terbaru Taman Sains Teknologi Tinggi bagi memenuhi Industri 4.0. Terima kasih.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang panjang. Saya ingin tahu, selain daripada senarai ke-25, kita juga ditakrifkan sebagai negara ke-15 dalam pengurusan perbelanjaan paling efisien, tidak seperti mana yang dikatakan oleh orang-orang yang tertentu. Kedua, apakah kedudukan Malaysia juga dalam *ranking* yang lain? Di manakah kedudukan Malaysia ini di dalam Asean dan kalau ada negara-negara lain menjadi contoh yang kita boleh ikuti? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Libaran. Antara *ranking* lain yang saya boleh sebut di sini:-

- (i) *The Global Talent Competitiveness Index* - 28 daripada 118;
- (ii) *Index of Economic Freedom* - 27 daripada 180;
- (iii) *Global Information Technology Index* - 31 daripada 139 negara;
- (iv) *Global Peace Index* - 29 daripada 163 negara;
- (v) *Travel and Tourism Competitiveness Report* - 26 daripada 136 negara;
- (vi) *Human Capital Report* - 33 daripada 130 negara;
- (vii) *World Competitiveness Year Book* - 24 daripada 63 negara;
- (viii) *Global Competitiveness Report* - 23 daripada 137 negara;
- (ix) *Doing Business Report, World Bank* - 23 daripada 190 negara; dan
- (x) *World Talents Report* - 19 daripada 61 negara.

Jika kita purata kan 10 ini, kedudukan Malaysia ialah dalam angka 26, Tuan Yang di-Pertua. Angka 26 daripada ratusan negara, dalam dunia ini ada 195 negara dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia kalau kita purata kan daripada 10 indeks yang saya sebut tadi ialah nombor 26. Hasrat kita ialah untuk menjadi negara 20 terbaik dan termaju dalam dunia. Sekarang ini dalam pelbagai indeks, kita nombor 26, bererti hasrat itu bukanlah sesuatu perkara yang mustahil.

Tadi disebut tentang perbelanjaan kerajaan paling cekap. Ia adalah satu komponen daripada Laporan *Global Competitiveness Report* oleh *World Economic Forum* ini, satu komponen. Memang betul, nombor 15 dari segi perbelanjaan kerajaan paling cekap, kalau kita lihat skornya 4.8, yang terbaik ialah United Arab Emirates. Ditanyakan negara-negara lain yang kita boleh contohi. Daripada *ranking* yang saya sebut tadi, antara negara yang kedudukan teratas - Switzerland, Hong Kong, Singapura, Iceland, Sepanyol, Norway dan New Zealand. Itu antara negara-negara yang boleh dicontohi dan dalam kebanyakan *ranking* itu Malaysia di dalam ASEAN sentiasa nombor dua, nombor satu sentiasa Singapura dan Thailand sentiasa nombor tiga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak rujuk kepada angka *Global Competitiveness Report* ini, di mana Malaysia telah mencapai kedudukan yang 18 dalam tahun 2014, selepas jatuh kepada 25 dan sekarang berada dalam kedudukan 23. Saya juga nak rujuk kepada kedudukan Malaysia sebelum Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri, di mana Malaysia terletak dalam kedudukan 21, sekarang sudah jatuh kepada 23.

Jadi, selepas berbanyak-banyak juta dan juga bilion dibelanjakan di atas Program Transformasi, kenapa kedudukan Malaysia dalam *World Economic For Forum Competitiveness Report* ini masih lagi mundur berbanding dengan apa yang dicapai sebelum Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri iaitu kedudukan 21 pada tahun 2008 sampai 2009? Terima kasih.

Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan: Ya, kita tidak boleh melihat Yang Berhormat Serdang ya, tidak boleh melihat daripada satu indeks sahaja. Kita ada *Global Competitiveness Report* satu, kita ada *Doing Business* lagi, kemudian *World Competitiveness Year Book* ya. Ini ada daripada IMD, ada *World Economic Forum*, ada daripada World Bank dan agensi-agensi dunia yang lain. Saya telah membaca 10 tadi. Apabila saya membaca 10 itu, ada yang lebih baik daripada dulu. Saya tidak perlulah nak menyebut kedudukan sebelum setiap indeks 10 yang saya baca tadi. Apa yang kita pentingkan sekarang ialah dari segi rumusan terhadap indeks-indeks tersebut. Adakah kita boleh mencapai tahap negara terbaik dan termaju 20 dalam dunia itu? Itu yang lebih penting. Kedudukan kadang-kadang ia turun naik, kedudukan turun naik dan kita sentiasa nak memperbaiki kedudukan kita itu.

Kadang-kadang misalnya, apakah yang berlaku misalnya, pendidikan tinggi dan latihan, itu satu kriteria dalam *Global Competitiveness Report* ini.

■1150

Kadar kemasukan pendidikan *tertiary*, kadar kemasukan pendidikan menengah, kadang-kadang setahun itu mereka memberikan data yang kurang tepat misalnya. Apabila data kurang tepat, maka indeks kita akan jatuh di banding pada tahun sebelumnya. Sebagai contoh, apa yang kita lakukan sekarang kita mewujudkan 10 kluster, 10 kementerian dan kita ada Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam di bawah KSN, JPM yang telah bertugas tiga bulan untuk memastikan data-data yang kita bagi kepada agensi peringkat dunia ini adalah data-data yang tepat. Mungkin ranking sesuatu itu turun dari segi persepsinya kerana data-data yang tidak tepat. Bukan sangat sebagaimana tuduhan daripada Yang Berhormat Serdang tadi.

6. Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta Menteri Kerja Raya menyatakan kos pembinaan setiap lebuhraya serta kos semasa yang perlu ditanggung dan jumlah tol yang telah dikutip oleh syarikat konsesi berkenaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Disember 2017, terdapat 31 lebuhraya bertol di negara ini. Kos pembinaan bagi setiap lebuhraya mengikut tahun bermulanya operasi antara tahun 1988 hingga tahun 2016 adalah di antara RM45 juta hingga RM5.9 bilion bagi setiap lebuhraya.

Manakala kos operasi dan penyelenggaraan tahunan berdasarkan kos semasa tahun 2016 pula adalah antara RM6.82 juta hingga RM1.5 bilion bagi setiap lebuhraya yang perlu ditanggung oleh syarikat konsesi. Kos ini bergantung kepada antaranya kategori dan panjang lebuhraya, geometri lebuhraya, jumlah trafik dan faktor geografi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah tol yang telah dikutip oleh syarikat konsesi pada tahun 2016 adalah antara RM27 juta hingga RM2.867 bilion. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya percaya bahawa jumlah kutipan tol ini kebanyakan syarikat konsesi telah melepasi kos pembinaan. Sekarang kebanyakannya telah mula mengutip hasil dan untung daripada projek tersebut. Baru ini pula kita mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan bahawa tol itu sesuatu yang buruk bagi rakyat Malaysia dan seolah-olah memberi gambaran akan dihapuskan selepas PRU ke-14.

Maka, adakah kerajaan berhasrat sebelum PRU ke-14 ini untuk menunjukkan komitmen itu dengan menurunkan terlebih dahulu kadar tol di semua lebuhraya yang telah mendapat untung ini? Adakah lebuhraya yang sedang dibina sekarang seperti di *Damansara-Shah Alam Elevated Expressway* dan juga tiga lebuhraya bertingkat Sungai Buloh dan Ulu Klang akan tidak dikenakan tol? Ini kerana kita lihat plaza tol sedang dibina sekarang. Adakah syarikat-syarikat tertentu daripada syarikat konsesi ini yang diberikan tambahan tempoh perjanjian konsesi disebabkan oleh pemansuhan beberapa plaza tol yang sedang dibuat sekarang? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Nerus, pada tahun ini seperti yang kita ketahui tidak ada kenaikan tol. Bagi menjawab secara terperinci Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya tuntutan ke arah menjadi sebuah negara maju, keperluan pertumbuhan ekonomi serta kemampuan kewangan kerajaan,

kaedah penswastaaan digunakan di mana perlu. Untuk memastikan pembinaan infrastruktur lebuhraya dapat dilaksanakan bagi memenuhi keperluan rakyat dan juga negara.

Sebagaimana kita maklum, bagi mewujudkan lebuhraya yang berkualiti dan moden Yang Berhormat, ia akan melibatkan kos yang amat tinggi. Justeru, dasar untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta masih diteruskan supaya dana kerajaan boleh disalurkan bagi keperluan lain yang lebih mendesak seperti pembinaan hospital, pendidikan dan kebajikan yang melibatkan rakyat secara keseluruhannya Yang Berhormat.

Walaupun dasar penswastaaan sejak tahun 1988 diteruskan, Kerajaan Barisan Nasional pada masa kini telah banyak melaksanakan penambahbaikan terhadap terma-terma dalam perjanjian konsesi bagi memastikan keperluan rakyat dapat dipenuhi, kepentingan kerajaan dapat dipelihara. Pada masa yang sama, berlaku adil kepada syarikat konsesi berbanding dengan terma-terma perjanjian di bawah legasi kepimpinan terdahulu. Sebagai contoh, diwujudkan klausa perkongsian hasil tol dengan pihak kerajaan apabila melebihi jumlah unjuran trafik *exit clause* yang memperuntukkan, *“Sekiranya pihak syarikat konsesi mencapai IRR, perjanjian konsesi boleh ditamatkan lebih awal dan klausa toll review mechanism, level of service, penetapan KPI dan lain-lain”* diwujudkan Yang Berhormat ya. Kalau sebelum ini kita tidak ada klausa-klausa ataupun terma-terma sedemikian.

Pada masa yang sama Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mendengar suara rakyat bagi mengkaji struktur dan juga kadar tol melalui penangguhan kenaikan kadar tol yang dilaksanakan secara beberapa kali Yang Berhormat ya. Juga melaksanakan pemansuhan beberapa tol plaza seperti yang dilaksanakan sebelum ini, *“Janji Ditepati”* Yang Berhormat.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang saya hormati, kerajaan kita mampu membina lebuhraya tanpa tol tetapi ia dilaksanakan secara berperingkat dan sudah tentu akan mengambil masa mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Seperti contoh Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dan Lebuhraya *Central Spine Road* (CSR) yang melalui Pahang ke Kelantan. Bagi enam lebuhraya baharu yang sedang dalam pembinaan pada masa kini, kebanyakan ia dibina di kawasan bandar Yang Berhormat. Di mana pembinaannya merupakan keperluan yang amat mendesak di kawasan tersebut dan melibatkan aliran trafik yang sangat tinggi.

Ia perlu dibina dalam tempoh masa yang singkat untuk menampung aliran trafik. Adalah tidak adil sekiranya kerajaan memperuntukkan sumber kewangan yang terlalu tinggi bagi lebuhraya-lebuhraya ini yang mana ia hanya memberi manfaat kepada segelintir penduduk berbanding dengan keseluruhan penduduk. Sebagai sebuah

kerajaan yang bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua, sumber kewangan kerajaan hendaklah diagihkan secara saksama mengikut keperluan rakyat secara keseluruhan.

Pada masa yang sama, kerajaan juga mengimbangkan pembangunan infrastruktur yang lain Yang Berhormat. Contohnya MRT, yang dibina untuk melihat kepada sistem perhubungan yang jauh lebih baik. Yang Berhormat, suka juga saya maklumkan apa yang pasti Yang Berhormat ya, pembangunan dan pengurusan lebuhraya oleh Kerajaan Barisan Nasional kita laksanakan secara telus dengan kaedah pembinaan dan pengurusan yang telus Yang Berhormat ya, berbanding dengan kaedah pengurusan pihak lain. Contoh Kerajaan Pulau Pinang. Di mana kajian awalan bagi pembinaan terowong sahaja Yang Berhormat dianggarkan sebanyak RM300 juta. Malah sehingga kini saya difahamkan laporan kajian kebolehlaksanaan projek tersebut juga masih belum dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan. Ketidaktelusan ini Yang Berhormat sudah pasti akan merugikan rakyat. Jadi kita lebih bertanggungjawab terutama sekali dalam pengurusan kewangan kerajaan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulai, Hari Wanita.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, Hari Wanita. Saya harap bukan hari ini sahaja dapat soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa untuk mansuhkan tol itu bukan satu *mission impossible*. Ini kerana Yang Amat Berhormat Pekan sendiri pun sudah umumkan bahawa pada tahun ini ada empat tol yang telah dimansuhkan. Memandangkan bahawa tol di Batu Tiga, Sungai Rasau di Selangor, EDL di Johor dan juga Bukit Kayu Hitam di Kedah telah dimansuhkan tetapi sampai hari ini kita tidak tahu berapa pampasan yang telah dibayar.

■1200

Jadi, saya minta Timbalan Menteri boleh memberikan sedikit maklumat tentang itu. Selain daripada itu, saya rasa untuk masa yang akan datang ini, bolehlah Kementerian Kerja Raya ini memikirkan untuk bagaimanakah kita boleh memansuhkan tol yang paling *profitable*. Paling *profitable* iaitu tol – memandangkan syarikat konsesi ini telah mengutip cukup banyak tol untuk *cover* kos pembinaan, kos operasi mereka seperti LDP, bagaimanakah kita boleh mansuhkan tol di LDP juga untuk memanfaatkan lagi rakyat jelata. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih, Yang Berhormat Kulai di atas soalan tambahan. Yang Berhormat, saya nyatakan tadi, kita boleh laksanakan Yang Berhormat. Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang bertanggungjawab yang mampu untuk melaksanakan tindakan-tindakan demi untuk kesejahteraan rakyat secara keseluruhan, ya. Oleh sebab kita menjaga seluruh rakyat Malaysia, kita tidak jaga segmen-segmen tertentu sahaja Yang Berhormat.

Namun pada masa yang sama, kita perlu menjadi seorang yang realistik di sini. Apa sahaja tindakan, contoh penangguhan tol, kita telah laksanakan Yang Berhormat. Bukan sahaja bercakap, kita tidak *u-turn*. Kita tidak pernah buat *u-turn*. Akan tetapi kita tangguh, selepas itu kita mansuhkan. Baru sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pemansuhan kita telah mansuhkan. Jumlah pampasan Yang Berhormat adalah soal dasar yang akan dibincangkan dan seterusnya akan diumumkan oleh Kementerian Kewangan. Hal ini adalah perkara yang masih dalam proses perincian, Yang Berhormat. Diharapkan Yang Berhormat sabar menanti, rakan-rakan Yang Berhormat tidak mengambil pendekatan untuk memanipulasikan apa sahaja kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Saya mohon sebagai rakan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya telah menerima satu surat penolakan mengenai satu Usul di bawah 18(1), untuk membincangkan kemiskinan kanak-kanak di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan juga di Putrajaya. Saya telah diberitahu bahawa oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, bahawa isu ini tidak perlu disegerakan dan juga tidak melibatkan kepentingan orang awam. So, saya minta keputusan ini diulang kaji memandangkan keseriusan isu ini berkait dengan anak-anak yang di bawah lima tahun yang dikatakan tinggal di dalam isu kemiskinan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini, pada ketika ini harus dengar. Saya sering kali diminta untuk buat *ruling*, tetapi apabila saya buat *ruling* kalau *ruling* saya itu berkenan di hati Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya itu dia gembira. Akan tetapi kalau *ruling* saya tidak menepati rasa, ada Ahli-ahli Yang Berhormat tergamak untuk buat kenyataan di luar, selepas itu, mencabar saya untuk meletakkan jawatan.

Akan tetapi, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bukan untuk letak jawatan, saya minta...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 41, Peraturan Mesyuarat 42, Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan Mesyuarat 44. Baca itu semua! Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangkitkan isu itu, malangnya adalah kadang-kadang – Bukan lagi kadang-kadang mereka ini adalah pengamal undang-undang. Itu sebab setiap kali saya baca *[Sambil menunjukkan senaskhah buku]* dalam membuat tafsiran kepada Peraturan Mesyuarat. Tidak payah

Tuan Yang di-Pertua berikan alasan dalam mana-mana Parlimen yang mengamalkan sistem seperti kita, saya baca.

Di India, *Ruling of the Speaker*, "It is the right of the Speaker to interpret the constitution rules so far as matters in or relating to the House are concerned and no one including the government can enter into any arguments or controversy with the Speaker over such interpretation. The Speaker's rulings, constitute precedents by which subsequence Speakers, members and officers are guided. Such precedents are collected and in the course, time formulated there is a rule of procedure or followed this convention. The Speaker's ruling is already stated, cannot be questioned except on the substantive motion. A member who protest against the ruling of the speaker, commit contempt of the House and the Speaker".

Saya masih ingat, di suatu ketika dulu ada *ruling*, *Speaker of the House* iaitu Allahyarham Tun Mohamed Zahir. Apabila Beliau menolak satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Yang Berhormat Batu Gajah kalau tidak silap saya, baru buat kenyataan bahawa dia tidak bersetuju dengan *ruling Speaker* telah diambil tindakan. *Contempt to the House and contempt with the Speaker*. Sekarang ini ada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bukan sahaja tidak mengikut arahan *ruling Speaker* tetapi mencabar *Speaker* untuk meletakkan jawatan. Jadi yang saya mahu tunggu ini, mudah-mudahan saya panjang umur, manalah tahu aspirasi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu duduk sebelah kanan saya ini nanti, kalau ada *Speaker* mereka duduk di atas sini, selepas itu ada orang pula, yang mencabar seorang *Speaker* itu letak jawatan kalau *ruling*-nya tidak mengikut selera Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau – Yang Berhormat duduk! Saya belum habis berhujah! Kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang terima daripada saya, satu *ruling* melalui *writing*. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat itu protes juga, yang berdiri seperti sekarang ini, saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Cuba Ahli Yang Berhormat berdiri lagi sekali. Ahli Yang Berhormat. Sila Setiausaha teruskan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat! Mahu saya rehatkan? Yang Berhormat Kapar apa lagi Yang Berhormat Kapar?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, kita hargai semua pendekatan yang diambil oleh Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar! Apabila saya membuat *ruling* sama ada *verbal* ataupun di *Chamber in writing*, bermakna saya sudah buat keputusan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, apa yang kita perlukan adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar! Yang Berhormat Kapar mahu juga keluar?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya minta penjelasan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar! Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan-bukan. Hal lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hal lain apa? Peraturan Mesyuarat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ia berkenaan satu soalan yang saya telah kemukakan beberapa sidang yang lepas. Soalan saya adalah mengenai untuk menanyakan apakah perkembangan tentang perbincangan atas tuntutan Kerajaan Negeri Sarawak terhadap 20 *percent* roti, minyak dan gas. Bilakah Kerajaan Persekutuan akan bertujuan memulangkan 20 peratus roti, minyak dan gas kepada Kerajaan Negeri Sarawak? Soalan saya ditolak sebab yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua adalah sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan cakupannya sekira-kiranya harus melencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah dan tidak boleh ditanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam timbangan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang telah digunakan untuk menolak soalan saya telah diberikan kepada saya beberapa tahun lalu. Saya ada bangkitkan dalam Dewan ini dan menanyakan kepada Tuan Yang di-Pertua apakah kes mahkamah yang sedang dibicarakan dalam mahkamah sehingga soalan saya telah ditolak.

■1210

Tuan Yang di-Pertua pun ada berjanji akan memberitahu saya nama kes yang dibicarakan itu beberapa tahun sudah. Sampai hari ini saya belum terima nama kes yang disebutkan. Oleh itu, saya minta Tuan Yang di-Pertua, bolehkah bekalkan saya apa kes yang digunakan untuk menolak soalan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ambil maklum dan sudah saya jawab persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat lebih kurang dua hari yang lalu mengenai dengan soalan mereka

yang ditolak. Walaupun ditolak dan penolakan itu saya sendiri persetujui, saya telah mengatakan bahawa saya akan lihat kembali.

Tetapi pada waktu itu, sewaktu saya menolak usul di bawah P.M.18(1) oleh Yang Berhormat Alor Setar, ada dua tiga orang Ahli Yang Berhormat yang ada berada di Dewan, pada ketika itu mereka tidak buat apa-apa pun bantahan waktu saya duduk di sini. Tetapi apabila saja saya keluar, keluar di sana membuat *statement* mencabar saya untuk meletakkan jawatan. Jadi, baca ini Ahli-ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang saya pun sudah mulai sakit mengingatkan. Baca P.M.23(1)(c)... [*Membaca petikan*]

“Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini:

(c) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmah, puji atau keji...”

Sangkaan, tohmah, fikiran. Fikiran. Kalau soalan Yang Berhormat itu dalam fikiran kamu menurut tafsiran saya adalah ia sindiran kah, mengaibkan kah, saya boleh tolak. *Meaning, I have the right to read your question from your perspective from your mind. It's stated here.* Kalau tidak setuju dengan saya punya takrifan atau tafsiran atau petua, ikut peraturan mesyuarat iaitu buat *substantive motions*, notis dua hari, masuk dalam *order paper*.

Tetapi kalau pula Ahli-ahli Yang Berhormat *argue* lagi dengan saya bahawa tidak kami buat oleh sebab Peraturan Mesyuarat 15, kekangan, iaitu urusan kerajaan didahulukan, ini peraturan mesyuarat bukan saya buat, Yang Berhormat. Ini sudah ada di sini sebelum saya menjadi speaker pun. Sehingga ini diubah, sehingga itu saya akan tafsirkan peraturan mesyuarat mengikut seadil-adilnya yang saya fikirkan.

Kadang-kadang saya terfikir bahawa ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kalau mereka punya pendapat itu seolah-olah itulah yang tuntas, mesti diikuti. Kalau tidak diikuti, tidak boleh. Seolah-olah ada satu lesen besar. Yang mempunyai lesen besar dalam peraturan mesyuarat ini adalah Speaker. Peraturan Mesyuarat 41, 42, 43, 44. *It is the speaker* yang mempunyai lesen besar menggunakan buku biru ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah. Kalau mengenai dengan soal tindakan yang saya pernah buat, jangan lagi...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang saya sebut...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah saya dengar. Saya kata saya akan lihat kembali. *I will write to you.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Okay, I hope you will write to me truly before the dissolution of the Parliament*

Tuan Yang di-Pertua: *I will write to you. If I say I will write to you, I will write to you.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama dengan Yang Berhormat Bandar Kuching. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ada tanya tentang minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan jumlah royalti minyak yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu mengikut tahun 2008 sehingga 2017. Berapakah pula yang disalurkan kepada Kelantan daripada 2008 sehingga 2017.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua juga menolak soalan tersebut atas sebab perkara yang dalam pertimbangan mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, saya pun mohon kalau boleh Tuan Yang di-Pertua bagi kes tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: *Okay, I will respond to you...*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Satu lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan respons seperti apa yang saya kata kepada Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya rasa kemusykilan sebab— terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi nasihat kepada kami semua hari ini tetapi saya rasa kemusykilan kerana saya tanya fakta sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sebab, fakta ini kalau kita katakan menolaknya kerana ada kes dalam mahkamah, maka semua laporan daripada kerajaan tidak boleh keluar termasuk bajet pun tidak dicatat bahawa ada royalti kepada Sabah dan Sarawak.

Jadi, saya mintalah kalau boleh dipertimbangkan kerana saya cuma tanya fakta sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena mengena— memang duit akan bagi kepada Sabah, Sarawak dan juga Terengganu. Saya tanya berapa nilai. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada sangkaan jahat, sangkaan apa-apa— tidak ada. *Neutral question.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sebelum ini ada berjanji dengan saya. Saya ada satu soalan yang ditolak. Tuan Yang di-Pertua kata akan bagi jawapan. Itu pertama. Saya tanya bilakah saya akan dapat jawapan itu? Kerana soalan

saya ditolak, Tuan Yang di-Pertua— Tuan Yang di-Pertua tadi kata kita kena ikut *law*. Saya setuju, kita semua kena ikut *law*. Tetapi kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak ikut *law* macam mana? Tuan Yang di-Pertua sendiri *committed contempt*.

Contoh, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tolak soalan saya sebab ada kes mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedangkan tidak ada kes mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya. Saya hormat Tuan Yang di-Pertua tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Di situ yang kadang-kadang saya sakit untuk memikirkan. Soalan seperti, “*Kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak ikut law*”. Jadi adakah soalan Yang Berhormat itu adalah juga mengatakan bahawa yang ini tidak payah diikuti? [*Sambil mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat*] Itu sebab saya kata yang cuma boleh mentafsir adalah Speaker. Sama ada tafsiran itu mengikut selera masing-masing atau tidak, ikut peraturan mesyuarat juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya belum habis bercakap, Yang Berhormat. Saya sudah cakap tadi bahawa seolah-olah kalau daripada sebelah sini, apa yang *you* cakap semua itu adalah perkara yang tuntas, seolah-olah kamu mempunyai lesen A atau *super license*. Cuma yang ada lesen A ini untuk *interpret* adalah Speaker kerana itu disebut oleh peraturan mesyuarat. Tidak perlu pun Speaker beri *reason* panjang lebar kerana itu praktis di mana-mana Parlimen yang mengamalkan seperti sistem kita. Tetapi, pun demikian, saya mengambil masa untuk dengar dan saya mengambil masa untuk *explain*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Penjelasan sebab Tuan Yang di-Pertua bagi *reason* dalam kes saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat ganggu lagi, saya arah Yang Berhormat keluar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You give a reason...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You give a reason...*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *A reason...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah, duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *The idea is to facilitate justice.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau lagi Yang Berhormat berdiri sekali lagi, saya akan arah bentara untuk hantar Yang Berhormat keluar. Sila Setiausaha.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keenam, Parlimen Yang Ketiga Belas”. **[7 Mac 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pasir Gudang 30 minit, selepas itu Yang Berhormat Bukit Katil 30 minit.

12.18 tgh.

Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Menjunjung Titah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bersempena dengan hari ini merupakan sambutan Hari Wanita untuk membaca dua rangkap pantun.

Sambutan hari wanita di sana-sini,

Tambah berseri dengan hadiah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

Kepada wanita genggam hati,

Apa lagi yang dinanti,

Ke medan perang kita turuti,

Perang untuk menang semat di hati.

Kepada wanita khusus di Pasir Gudang kesayangan hamba, apa dihirau tiga kuntum bunga kiriman pembangkang, sejambak ros merah saya hadiahkan untuk semua. Kita wakil rakyat daripada kerajaan Barisan Nasional bukan turun bermusim ketika memerlukan daripada rakyat. Kita bekerja terus-menerus untuk membuktikan Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang prihatin.

Bersyukur kita diberi peluang oleh kepimpinan. Bersyukur saya ke hadrat Allah yang tidak terhingga di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan, saya diberi peluang untuk berada di sini.

■1220

Begitu juga dengan semua rakan-rakan di dalam ini. Kita wajib bersyukur kerana dengan dasar kerajaan Barisan Nasional yang ada inilah semua daripada kita dapat berada di sini. Saya bersyukur kerana saya anak kampung, saya merasa susah, saya merasa mengangkat air, saya merasa menunggu air mata air, keluar untuk ditimba, saya merasa masuk ke reban menangkap ayam, saya merasa dan melihat bagaimana ibu saya melurut kan gelangya untuk bapa saya, ayah saya meneruskan perjuangan di dalam parti ini.

Ayah saya tidak meninggalkan ribuan ringgit, ayah saya tidak meninggalkan jutaan ringgit untuk diwarisi, namun kesetiaan saya kepada parti, kepada kepimpinan negara tidak pernah berbelah bagi. Bersyukur kita semua, kerana kita berada di dalam Dewan ini dengan berkat yang diberikan kepada kita, jangan sampai bila satu hari nanti kita akan dipersoalkan seperti mana diulang-ulang di dalam surah Ar-Rahman, *'Maka nikmat yang mana di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu yang kamu hendak dustakan'*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbincangan saya dengan menyentuh beberapa perkara. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional, kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah

mendengar denyut nadi rakyat, dengan permintaan daripada rakyat, maka telah diluluskan gaji minima untuk mereka yang bekerja. Jikalau dahulu, ini merupakan satu perkara yang agak mustahil, tetapi dengan keberanian walaupun dimarah, walaupun dicaci, walaupun tidak dipersetujui oleh syarikat-syarikat, kementerian telah dengan langkah berani dan Yang Amat Berhormat telah meluluskan agar gaji minima ini diberikan kepada semua warga kerja di Malaysia ini.

Saya percaya, setiap kali sesuatu keputusan yang dibuat, pertimbangan sewajarnya telah diteliti kan. Sebagai contoh kita semua maklum, sahabat-sahabat di sebelah sana pun maklum, bahawa jika berlaku kenaikan gaji secara mendadak akan berlakulah *cost push inflation* dengan tiba-tiba. Kita tahu ramai yang akan mengambil kesempatan dengan perkara ini, harga barang akan naik kerana dikatakan gaji telah naik.

Pihak-pihak majikan mungkin akan mengatakan juga bahawa mereka terpaksa menutup operasi mereka kerana gaji minimum yang sangat tinggi yang sekarang ini digunakan sebagai alasan untuk tidak memberi gaji minimum kepada sebahagian daripada pekerja-pekerja kita. Saya juga menyeru kepada semua agar memahami perkara ini kerana kita tahu dan sedar, setiap penelitian itu amatlah penting. Janganlah kita bercakap hanya mencari popular sahaja, jangan kita bercakap kerana kita ingin kita disokong. Akan akan tetapi sepuluh tahun *down the road* dengan izin, impaknya datang kepada kerajaan juga, yang harus menyelesaikan masalah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal cukai GST yang dikenakan. Saya kira bertepatan dengan saat ini, masa ini, bayangkanlah jika tidak ada cukai ini, apa yang akan jadi kepada negara kita dengan keadaan, pelbagai di luar sana. Jikalau ini merupakan satu tindakan yang salah, mana mungkin baru-baru ini di televisyen, di mana-mana kerajaan Singapura pun akan menaikkan cukai mereka juga. Arab Saudi pun akan memperkenalkan dan yang paling hebat kerajaan kita mengambil inisiatif untuk membayar BR1M yang semuanya mengatakan bahawa BR1M bukan di sini, di sana mengatakan BR1M adalah rasuah. Jikalau rasuah mengapa kerajaan Arab Saudi juga hendak bagi, Singapura pun akan bagi juga untuk mengimbangi perbelanjaan rakyat mereka.

Saya percaya ini adalah instrumen terbaik dan kita semua akan sentiasa memberi sokongan padu kepada rakyat kita. Jika tidak ada dengan pertambahan-pertambahan pendapatan seperti yang biasa saya katakan di dalam kawasan saya, bagaimana kita hendak menampung perbelanjaan dengan permintaan yang pelbagai? Jikalau boleh kita hendak *parking* kereta dekat depan rumah, kalau boleh dekat mana-mana kita tidak hendak cerita kereta api lama lagi. Kita hendak cerita semua kereta api laju.

Kita hendak cerita hospital terbaik, kita hendak minta jalan terbaik, kita hendak minta sekolah terbaik. Jikalau boleh kita hendak sekolah anak kita, tidak payah bawa beg

lagi sudah. Tengok pakai komputer sahaja, ini cita-cita kita. Kita baru 60 tahun merdeka, akan tetapi kita ingin mengikut contoh kepada negara yang sudah beratus tahun mencapai kemerdekaan. Akan tetapi ini adalah sesuatu yang baik. Justeru itu ruang sewajarnya patutlah diberikan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita sangat prihatin menyedari dengan keluhan rakyat yang tidak berhenti, diberikan juga diminta kementerian KPDNKK untuk mengetuai Jualan Sentuhan Rakyat. Di dalam jualan ini, di dalam kawasan saya sendiri sudah dua kali saya buat, mendapat sambutan sangat baik dengan pelbagai agensi untuk membantu mengurangkan perbelanjaan isi rumah oleh rakyat. Ramai yang datang, sambutannya sangat baik dan ini usaha yang patut kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini hendak cerita jikalau kos sara hidup, saya hendak ambil contoh kerajaan yang sudah memperkenalkan macam-macam untuk membantu rakyat dan kita sebagai warganegara, sebagai Ahli Parlimen yang berpendidikan, saya kira perkara ini yang benar, kita patut katakan bagus. Jangan kita kerana politik kita menidakkan semua usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Jikalau tidak kerana kerajaan yang prihatin, lebih kurang tiga minggu yang lepas, perumahan di dalam kawasan saya oleh Kerajaan Pusat pun diluluskan. Perumahan untuk rakyat bagi golongan B40 sebanyak 330 unit, Tuan Yang di-Pertua. Ini menandakan kerajaan dengar apa rakyat perlukan, dia buat, tahun 2021 siap. Sudah berderet orang tanya saya.

Bagi membantu Kerajaan Pusat, sebuah Kerajaan Negeri Johor aman makmur dengan Sultan nya, dengan Menteri Besar nya yang sangat berwarisan, apa hal hendak diganggu gugat. Seorang pemimpin, kalau dalam Kerajaan Negeri Johor yang sentiasa memikirkan bantuan-bantuan untuk rakyat. Selain daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri yang bertanggungjawab membina rumah-rumah mampu milik. Ada kerajaan negeri lain sibuk membuat rumah mampu milik? Berapa banyak dia membuat mampu milik? Kita rumah mampu milik dekat tempat kita RM42,000, RM80,000, RM150,000. Kerajaan negeri di bawah kepimpinan orang sana ada buat? Berapa banyak buat? Ini kita kena tengok. Jikalau di Johor sampai sudah ada bas percuma, kitab-kitab percuma untuk sekolah agama, macam-macam diadakan untuk membantu rakyat.

Terkini bantuan untuk hospital juga diberi, bukan sekadar kepada orang Islam, tetapi kepada orang bukan Islam juga. Faedah-faedah kematian juga diberi. Jadi apa yang hendak kata, kita memerlukan ditukar kerajaan kerana mereka tidak mengambil berat soal rakyat. Jangan kita kufur nikmat, bersyukur lah kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tahun memperkasa wanita, saya mengambil baik titah Tuanku untuk memastikan 30 peratus daripada wanita berada di peringkat pembuat keputusan. Ini selaras dengan amanat yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, bahawa tahun 2018 adalah merupakan tahun

memperkasakan wanita. Apa lagi yang kita hendak, terang terang sudah cakap tahun memperkasa wanita, *insya-Allah* antara salah satu inisiatif selepas penggal ini ramai lagi wanita dekat dalam Dewan ini, *insya-Allah*. Kita sama-sama berharap dan berdoa bahawa kerajaan kita mengotakan apa yang dikata.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh tentang nilai diri rakyat Malaysia dan kestabilan negara. Perkara utama adalah tentang kestabilan negara. Negara yang stabil sentiasa menjadi prasyarat kepada kemajuan sesebuah bangsa, ia juga adalah sesuatu yang di mahukan oleh semua rakyat termasuk saya dan rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain, semua orang mahukan negara yang aman dan damai, semua orang mahukan anak-anak mendapat pendidikan bertaraf tinggi semua orang mahukan perkembangan pesat dalam ekonomi dan pastinya semua orang mahukan keadilan dan kedaulatan undang-undang terus ditegakkan serta dihormati.

Nilai ini yang perlu kita fikirkan, kita kadang-kadang terlepas pandang tindak tanduk dan sikap kita tidak mencerminkan hasrat kita untuk memiliki negara yang stabil saya pun tidak tahu sifu mana yang mengajar untuk menyebarkan berita yang belum tentu sahihnya sifu mana yang mengajar kata-kata makian di dalam *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* dijadikan bahan jenaka serta menjadi sarapan kepada minda. Kita mula belajar menafikan mengajar kebaikan manusia, kita ghairah mendedahkan keaiban yang direka, disebabkan tamak kita seolah-olah hilang kepercayaan kepada ketentuan rezeki.

Ramai antara kita yang sanggup menjamah wang rasuah, menabur fitnah berbanding mempertahankan nilai baik dalam diri. Apa yang hendak kita ajar kepada anak-anak muda kita, yang saya lihat kita mengajar mereka untuk tidak menghormati pemimpin sedangkan pemimpin-pemimpin inilah yang menentukan nasib bangsa kita. Apa yang hendak kita ajarkan kepada anak-anak kita untuk belajar menabur fitnah seperti fitnah terkini yang ditujukan kepada Yang Berhormat Baling kita dengan jelas. Fitnah apakah ini? Sanggup kita mengaitkan sesuatu untuk mencari sokongan dan *alhamdulillah* kita berharap Yang Berhormat Baling kita lawan tetap lawan, lawan sampai menang. *[Dewan riu]* Tuan Yang di-Pertua saya ingin memperkatakan soal nilai murni dalam masyarakat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Idea pun tiru, slogan pun tiru

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar duduklah

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Jika kita lihat tidak sedikit pun sebilangan rakyat Malaysia yang menggunakan bahasa yang tidak sesuai, mereka bercakap dengan tidak mengira adab, mereka dengan mudah menggunakan

perkataan kesat dan lucah di media sosial bagi melepaskan kemarahan budaya apakah ini? Budaya apakah ini yang cuba kita tanamkan dalam jiwa anak-anak kita.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Budaya Jamal Sekinchan.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Kini lebih mudah kita untuk menyebarkan perkara-perkara yang tidak pernah dan perlu dilaksanakan

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, mencelah dengan tertib Yang Berhormat.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Saya tidak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak mencelah dengan tertib...

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Saya percaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Pasir Gudang?

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Dengan mempromosi nilai-nilai murni secara agresif seperti bersyukur, berbudi bahasa dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan akan mampu untuk membentuk kembali sebuah masyarakat yang sayangkan keharmonian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar duduk.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Saya amat percaya kepercayaan rakyat kepada sistem perundangan merupakan salah satu tunjang kepada kestabilan negara tanpanya sebuah negara bakal berdepan dengan keadaan huru-hara. Saya yakin jika kita tidak menerap kepercayaan kepada nilai yang patut kita percaya dalam sistem perundangan kita, di manakah diletakkan kredibiliti badan kehakiman kita yang sering diperlekehkan. Bertindaklah demi sebuah kehormatan, bertindaklah dengan sewajarnya agar kita tidak diperlekehkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah meluluskan sebuah UTC yang telah beroperasi di Pasir Gudang, ini merupakan satu hikmat masyarakat yang sangat-sangat dihargai di dalam kawasan saya dan sekali gus ia juga telah meningkatkan sumber ekonomi kepada peniaga-peniaga di sekitar kawasan tersebut. Sebuah lagi pembinaan yang sedang di nanti-nantikan adalah pembinaan Hospital Pasir Gudang yang dipermainkan, yang di olok-olokkan oleh pihak-pihak pembangkang di dalam kawasan saya.

Tidak pernah datang kawasan, tiba-tiba datang kawasan cakap kerajaan bohong, mana ada hospital, yang kita bercakap dalam Parlimen sampai hilang suara minta hospital dia tidak dengar. Sampai berjeleh air liur kita minta hospital dia senang-senang cakap hospital bohong. Mana saya boleh terima, kita berusaha dan akhirnya dalam bulan enam pertengahan tahun *insya-Allah*, hospital kita akan mula dibina. *[Disampuk]* Terima kasih Kerajaan Barisan Nasional, *you* tak hendak hospital kah? Kalau boleh *you* pun hendak kat tempat *you* hospital. Lebih raya Pasir Gudang, terima kasih fasa 2A akan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Lepas pilihan raya Pakatan Harapan yang bina hospital.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mencelah dengan tertib Yang Berhormat

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Itulah kacau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tidak membenarkan gangguan kepada saya. Saya hendak ucap terima kasih lagi sekali fasa Pasir Gudang *highway* fasa 2A akan siap bulan September, yang ini saya kena balon cukup-cukup dengan rakyat. Jalan lubang saya kena, orang jatuh basikal saya kena dan akhirnya akan siap. Adalah lampu jalan akan dibuat, sudah dipasang tunggu menyala, *wiring* siap, jalan-jalan berlubang akan ditampal. Apa hal orang lain pergi sana pula ambil gambar ada satu lubang, hendak kira lubang sahaja dalam Pasir Gudang, kiralah selama ini buat apa?

Saya ini yang bercakap, kita yang berusaha agar perkara ini dapat dilaksanakan, saya hendak jelaskan di sini sekarang orang Pasir Gudang senyum jalan, dua lorong sudah jadi tiga lorong, dia sudah lupa masa hari itu jalan berlubang dia marah saya. Akan tetapi kita bersyukur kerana kita bawa perkara ini dan kerajaan kita sebuah kerajaan yang prihatin telah pun memberikan apa yang diperlukan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kepada semua rakyat kita, marilah kita sama-sama berganding bahu, marilah kita sama-sama menumpukan dan memberikan sokongan kepada kerajaan kita. Kita sokong perkara yang baik dalam setiap tanggungjawab kita, dalam setiap undi kita, itu adalah penentu suara kita. Itulah adalah penentu tanda hati kita bersyukur. Kita bersuaralah untuk kebenaran, kita bersuaralah untuk kita mempertahankan hak kita, kita bersuara untuk kita memperjuangkan dan memperkukuhkan untuk mengekalkan apa yang telah diperjuangkan datuk nenek kita daripada kita belum merdeka sehingga sudah 60 tahun kita merdeka dengan pelbagai perkara sudah kita nikmati.

Jangan kita perkasakan kata-kata nista, jangan kita perkasakan mereka yang suka menabur fitnah. Kerajaan Barisan Nasional suda lama memberi kuasa kepada rakyat untuk menjadi penentu kepada kerajaan maka kita gunakanlah sebaiknya, kita tumbangkanlah perkara-perkara yang tidak seharusnya diberi keutamaan. Sedarlah yang

kita patut bersyukur, apa yang hendak lagi dalam negara kita? Keamanan kita perolehi, anak-anak pergi sekolah ada tempat, hendak kerja ada, hendak meniaga, kayalah sekaya mana, tidak ada siapa pun menahan. Bekerjalah, berusaha lah, tidak pernah ditahan untuk mencari kekayaan, yang difikirkan bagaimana untuk terus membantu dan membantu, berpolitiklah kita tetapi biarlah politik yang sihat. Justeru itu, saya juga ingin mengingatkan kepada semua dengan apa yang berlaku di seluruh pelosok dunia, sedarlah, pelihara lah kerajaan ini.

■1240

Jangan sampai kita terpedaya dengan mereka seperti mana mereka telah berjaya menumbangkan sebuah kerajaan yang dulu disegani. Ingat kembali bagaimana Iraq tumbang, bagaimana Libya tumbang, bagaimana Mesir tumbang dan Syria menghargai zaman kehancurannya. Hari-hari kita lihat bagaimana mereka, anak-anak ini dibunuh. Ini semua kerana diayah siapa? Oleh kerana apakah perkara ini berlaku? Ingat, kita tidak mahu perkara ini berlaku. Kehancuran, kelaparan, kerakusan berlaku di dunia, negara lain. Sebuah negara Islam, negara Malaysia. Jangan kita terpengaruh agar negara kita pun sama berada di tahap ini untuk dimusnahkan oleh mereka. Kita tahu. Kalau hendak bercerita soal kesempurnaan kerajaan, kerajaan mana yang sempurna? *Even* Kerajaan Amerika yang didebar-debarkan dengan kegagahannya. Ini hari Presiden Trump juga mengatakan mereka akan menaikkan tarif untuk *stainless steel* dan juga *steel*. Aluminium. Ini kita kena ingat bahawa bila untuk *protection*, untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Selamat Hari Wanita kepada Yang Berhormat Pasir Gudang juga. Saya tertarik dengan perbincangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Daripada apa yang Yang Berhormat katakan tadi, Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya apabila kita katakan Kerajaan Barisan Nasional ini adalah kerajaan yang terbaik? Oleh kerana mempunyai satu pelan jangka panjang, terutamanya untuk orang-orang muda, termasuklah Pelan Transformasi TN50. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini? Bukan semua kerajaan boleh buat ini dan inilah kelebihan Kerajaan Barisan Nasional. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Memanglah saya setuju sangat. Inilah sebuah kerajaan yang sangat berwawasan. TN50. Sesuatu yang sentiasa di nanti-nantikan dan diambil kira

dengan secara tersusun bagaimana aspirasi orang muda disampaikan dan akan direalisasikan kepada rakyat dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen yang telah berada di sini hampir sepeppagal tidak berapa hari lagi, saya merasa bersyukur. Kita dapat bersidang dengan baik, dengan bijaksana di bawah kawalan Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua kedua-duanya. Sangat kami berterima kasih dapat mengawal keadaan dengan sebaik-baiknya. Kepada rakyat di luar sana, inilah wadah kita, inilah Parlimen kita. Kita mestilah sentiasa menghargai keamanan ini dan jangan sekali-kali kita menukarkannya dengan satu keadaan yang akhirnya kita tidak boleh jawab kepada anak cucu kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah memberi keutamaan kepada inflasi rakyat. Kos sara hidup rakyat apabila telah memberi satu lagi penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Inilah kerajaan yang bertanggungjawab. Dengar apa yang patut dibuat, akan terus diadakan bagi memastikan hal-hal yang berkaitan dengan rakyat dapat diselesaikan. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada tengah hari ini, izinkan saya membaca dua rangkap pantun. Pantun pertama saya:

*Pergi ke kolam mengail ikan,
Masak sayur campur cendawan,
BN tetap kami pertahankan,
Lawan tetap lawan'.*

*Wahai rakyat di mana-mana,
Jangan gundah jangan gulana,
Bila hari sampai masa,
Sokong BN tenteramlah jiwa.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mencilah. Minta mencilah.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Banyak masa tidak bagi mencilah pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar, hari ini Hari Wanita, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oleh sebab itu saya hendak mencilah. Memberi input kepada wanita Malaysia tetapi tidak dibenarkan. Tidak apa, nanti saya mencilah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita kena... Tidak apalah ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Katil.

12.45 tgh.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillaahi Rahmaani Rahim. Alhamdulillah robbil alamin. Wassola tuwassala muala ashrofil ambiya iwalmursalin. Waala alihi wasohbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam reformasi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang kepada saya untuk berbahas pada tengah hari ini. Tentulah saya bersama-sama dengan Ahli Parlimen yang lain ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Wanita, khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen wanita. Kita harapkan *insya-Allah* pilihan raya yang akan datang akan bertambah lagi Ahli-ahli Parlimen wanita dalam Dewan ini. *[Tepuk]* Juga kepada para isteri Ahli-ahli Parlimen yang juga sentiasa berkhidmat bersama-sama dengan suami. Sebagai Ahli Parlimen, saya juga mengucapkan Selamat Hari Wanita, khususnya kepada isteri saya yang mungkin sedang menonton secara *live* ucapan saya hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seorang isteri sahaja, Yang Berhormat?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang isteri sahaja, Yang Berhormat?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Setakat ini seorang, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Hari Wanita ini, saya ingin kongsi sedikit kisah kerana tadi kita dengar ucapan Yang Berhormat Pasir Gudang yang begitu berapi-api, jadi hari ini saya hendak jadi macam bomba sedikit. Sejukkan sedikit. Saya ingin menceritakan detik-detik wafatnya Siti Khadijah, isteri tercinta Rasulullah S.A.W. Siti Khadijah adalah merupakan isteri Rasulullah. Isteri pertama. Orang yang pertama sekali beriman kepada Allah dan juga kenabian Rasul. Orang yang sangat berjasa bagi dakwah Rasulullah dan juga penyebaran agama Islam. Siti Khadijah ini Tuan Yang di-Pertua, wafat pada hari kesebelas bulan Ramadhan tahun kesepuluh kenabian. Tiga tahun sebelum Rasulullah berhijrah ke Madinah, Siti Khadijah wafat dalam usia 65 tahun, saat usia Rasulullah sekitar 50 tahun.

Diriwayatkan ketika Siti Khadijah sakit menjelang ajal, Siti Khadijah berkata kepada Rasulullah S.A.W., *"Aku memohon maaf kepadamu Ya Rasulullah. Kalau aku sebagai*

isterimu belum berbakti kepadamu.” “Jauh dari itu ya Khadijah. Engkau telah mendukung dakwah Islam sepenuhnya.”, jawab Baginda. Kemudian Siti Khadijah memanggil Fatimah Azzahrah dan berbisik, “Fatimah puteriku, aku yakin ajalku segera tiba. Yang ku takutkan adalah seksa kubur. Tolong mintakan kepada ayahmu. Aku malu dan takut memintanya sendiri agar beliau memberikan serbannya yang biasa untuk menerima wahyu agar dijadikan kain kapanku.”

Mendengar itu, Rasulullah berkata, “Wahai Khadijah, Allah menitipkan salam kepadamu dan telah dipersiapkan tempatmu di syurga.” Ummul mukminin Siti Khadijah pun kemudian menghembuskan nafas terakhirnya di pangkuan Nabi. Didakapnya isteri itu dengan perasaan pilu yang teramat sangat. Tumpahlah air mata Baginda dan semua orang yang berada di situ. Rasulullah berkata dekat jasad Siti Khadijah, “Wahai Khadijah isteriku sayang, demi Allah, aku tidak akan pernah mendapatkan isteri sepertimu. Pengabdianmu kepada Islam dan diriku sungguh luar biasa. Allah Maha Mengetahui semua amalanmu. Semua hartamu kau hibahkan untuk Islam. Kaum Muslimin pun ikut menikmatinya. Semua pakaian kaum Muslimin dan pakaianku ini juga darimu. Namun begitu, mengapa permohonan terakhirmu kepadaku hanyalah selembur serban?”

Tersedu dan menangis Rasulullah mengenang isterinya semasa hidup. Seluruh kekayaan Siti Khadijah, Tuan Yang di-Pertua, diserahkan kepada Rasulullah untuk perjuangan agama Islam. Dua per tiga kekayaan Kota Mekah adalah milik Siti Khadijah tetapi ketika Siti Khadijah hendak menjelang wafat, tidak ada kain kapan yang bisa digunakan untuk menutupi jasad Siti Khadijah, bahkan pakaian yang digunakan ketika itu ialah pakaian yang sudah sangat lusuh dengan 83 tampalan di antaranya dengan kulit kayu.

Ini ibrah ataupun hikmah daripada pengajaran ini, bagaimana pentingnya peranan isteri itu di sebalik, di sisi seorang pemimpin. Siti Khadijah mengajar kita bahawa dalam konteks mendidik isteri, peranan suami itu begitu penting. Oleh sebab itulah kita lihat kejatuhan pemimpin-pemimpin dunia ini adalah kerana isterinya.

■1250

Misalnya seperti Marcos. Marcos Emelda isterinya. Mereka lari daripada Filipina pagi Februari tahun 1986. Rekod menunjukkan bahawa Emelda Marcos, isteri kepada Presiden Filipina pada waktu itu di dalam kapal dua biji, dua buah kapal C141, kapal terbang pengangkut ini, mereka bawa bersama-sama 23 barangan-barangan kayu, antik, 12 beg yang penuh dengan pakaian, 413 *jewellery* termasuk 70 pasangan *cuff-links* yang dibuat daripada *diamond*, 24 *gold*, *gold bricks* ini dan dibawa bersama-sama mereka jumlah lebih kurang pada itu USD15 juta di mana mahkamah agung, *Supreme Court* Filipina dengan izin menyatakan pada ketika itu jumlah harta yang dibolot pasangan ini mencecah USD10 bilion.

Suzanne Mubarak teman baik kepada isteri Yang Amat Berhormat Pekan baru-baru ini didedahkan kekayaannya bagaimana. Ada *cash deposit* USD300 juta. Ini belum lagi campur pelbagai lagi akaun termasuk di *Paris Bank, Society General*. Inilah contoh-contoh yang sepatutnya menjadi pengajaran kepada kita bagaimana isteri-isteri pemimpin ini kalau tidak dididik dengan baik, maka mereka boleh menjatuhkan bukan sekadar pemimpin itu tetapi juga membankrapkan negara, memiskinkan rakyat di dalam negara ini. Sebab itulah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana kerajaan mengemukakan konsep *wasatiyyah*, kesederhanaan. Kita semua sedia maklum bahawa *wasatiyyah* ini, saya masih ingat sewaktu saya masih belajar di Universiti Islam Antarabangsa, yang mempopularkan *wasatiyyah* ini, tentulah Datuk Sri Anwar Ibrahim pada ketika itu. Akan tetapi nampaknya, mungkinlah, mungkin ditiru sekali lagi selepas saya dengar tadi lawan tetap lawan. Saya ucap terima kasihlah kepada ahli Parlimen Barisan Nasional yang mempopularkan, yang telah pun saya wirid dan zikirkan sejak tahun 1998 lagi. Lawan tetap lawan, lawan sampai menang.

Akan tetapi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah ada pendidikan-pendidikan dan tarbiyah seperti ini kepada isteri-isteri pemimpin khususnya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sekarang ini menjawat jawatan sebagai orang yang berkuasa, *executive*, mendidik mereka untuk bersikap sederhana. Kalau hendak beli janganlah beli beg yang mahal sangat.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat lanjut dalam perbahasan, saya ingatkan Peraturan 36(9) Yang Berhormat, perkara-perkara yang dibahas tidak boleh menyentuh tentang kelakuan dan sifat ahli-ahli lain. Jadi jangan lari daripada Peraturan 36, jangan terlanggar daripada Peraturan 36(9) Yang Berhormat dalam perbahasannya. Jadi kalau menyentuh isteri, itu saya rasa terangkum dalam Perkara 36(9), *please*. Saya cuma ingatkan pada peringkat ini.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah. Saya *rephrase* balik, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri apakah modul kesederhanaan ini dilaksanakan di semua pegawai kerajaan termasuk keluarga mereka agar semangat *wasatiyyah* ini bukan saja diamalkan atau bukan saja ditorikkan, dislogankan tetapi diamalkan. Janganlah dalam keadaan kita bercakap tentang *wasatiyyah* tetapi dalam masa yang sama kita menyamun bilion ataupun ratusan juta duit rakyat. Ini perkara yang penting kerana pada saya, saya tidak banyak pengalaman dalam politik Tuan Yang di-Pertua. Saya masuk politik waktu tahun 1998 ketika reformasi, baru tamat belajar daripada UIA.

Pada ketika itu, dalam krisis itu sebelum daripada yang krisis itu yang saya tengok waktu itu adalah isteri dua pemimpin. Yang pertama Dr. Mahathir, Siti Hasmah isteri dia. Yang kedua Datuk Sri Anwar Ibrahim, Wan Azizah isteri dia. Jadi kita lihat bagaimana murninya, bagaimana contoh yang baik, *qudwah hasanah* yang diberikan kepada isteri-isteri yang lain-lain. Jadi kita sebagai pemimpin pelajar tengok, eh! bagus bagaimana pemimpin-pemimpin ini mendidik, bawa isteri mereka dan tunjukkan contoh yang baik kepada rakyat. Sebab itu dalam konteks ini, saya bersyukur kerana pada hari ini gabungan kedua-dua ini, Tun Siti Hasmah dan juga Datuk Sri Dr. Wan Azizah berada di dalam Pakatan Harapan hendak memberikan contoh, hendak menunjukkan kepada rakyat terutamanya golongan wanita dengan izin *this is a very good example of women leadership* dalam negara ini.

Mereka berada di sisi suami mereka dan tetapi mereka juga tahu adab dan budaya dan perkara-perkara yang harus diberikan keutamaan sebagai isteri pemimpin. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang wanita ini, saya kasihan kerana di bawah ini yang terkesan dengan kenaikan harga barang ini Tuan Yang di-Pertua adalah wanita. Saya ialah tidaklah seharian kita setiap hari kita pergi ke pasar. Tidak, berbanding dengan isteri kita. Begitu juga dengan isteri-isteri di bandar, di kampung dan sebagainya. Mereka pergi ke pasar itu *almost every week*. Mereka melihat bagaimana kenaikan harga barang. Mereka tahu hari ini mungkin harga barang, tahun ini mungkin harga ikan RM10-RM20 satu kilo, tahun depan mungkin naik. Mereka tahu harga-harga ini dan mereka terkesan dengan perkara ini.

Sebab itulah saya merasakan bahawa apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini seolah-olah mempersendakan apa lagi barang, tolong namakan barang yang tidak naik. Pada saya Yang Berhormat Menteri Kewangan berada di awang-awangan sekarang ini. Pergilah ke bawah tengok bagaimana keadaan dan keluh kesah masyarakat. Bagaimana keluh kesah rakyat di bawah ini yang pada saya menuntut kita pada suatu *solution*, satu penyelesaian yang terbaik.

Sebab itulah baru-baru ini bila saya dengar tadi ucapan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang bercakap dengan begitu teruja tentang jualan sentuhan rakyat. Saya tengok beberapa komen di dalam *Facebook*, misalnya *Facebook* beberapa pimpinan UMNO sama ada di peringkat bahagian ataupun di peringkat cawangan yang mengkritik program ini. Yang menyatakan bahawa Program Jualan Sentuhan Rakyat ini perlu dihentikan.

Kenapa Tuan Yang di-Pertua, perlu dihentikan? Kerana kalau kita pergi jualan sentuhan rakyat, saya tengoklah ada video klip ketua bahagian UMNO di kawasan saya, di Bukit Katil, dia pakai mikrofon dia jual, ini harga ikan murah, harga ini murah. Di jualan itulah harga barang boleh murah kenapa? Kerana adanya subsidi, adanya dukungan daripada kerajaan. Itu bermakna apa? Bermakna jualan sentuhan rakyat ini menunjukkan

bagaimana kegagalan kementerian dengan 15 inisiatif tadi, dengan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Kita kalau masuk dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri boleh sesat kerana banyak sangat dia punya cabang-cabang dia, cawangan-cawangan dia, tetapi tidak selesai masalah.

Kenapa tidak selesai masalah Tuan Yang di-Pertua? Kerana UMNO terpaksa buat program jualan sentuhan rakyat seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi. Kita baca kritik-kritik oleh pimpinan UMNO sendiri yang mengatakan program ini mesti dihentikan kerana ianya *mokri* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan kita melakukan pelbagai inisiatif, kita terpaksa adakan program ini sempena hendak pilihan raya. Lagi satu, dua bulan hendak pilihan raya, memujuk hati rakyat dengan harga barang yang mungkin murah dan kita tengok tidak ramai pun pengundi-pengundi yang pergi. Kebanyakannya adalah orang, peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk membeli barang dengan harga murah, secara pukal dan kemudiannya menjual di pasaran-pasaran yang lain.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua pada saya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Tadi saya meneliti ucapan Yang Berhormat berkaitan dengan konsep *wasatiyyah*. Saya telah bangkitkan isu ini beberapa kali dalam Parlimen, telah berucap tentang konsep *wasatiyyah*. Saya memahami, saya meneliti dan saya memperhalusi. Akan tetapi saya ingin dapatkan ulasan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa konsep *wasatiyyah* di Malaysia selalunya ditekankan dan diseru diamalkan untuk masyarakat biasa. Akan tetapi pemimpin-pemimpin tidak menunjukkan satu model atau satu teladan bahawa mereka sendiri mengamalkan konsep *wasatiyyah*. Ini sekadar atas bibir sahaja. Akan tetapi tidak dalam naluri ataupun sikap ataupun prinsip diri sendiri. Jadi konsep *wasatiyyah* ini jangan sekadar disebut tetapi perlu diteliti dan diperhalusi dan dijadikan prinsip hidup masing-masing. Apa ulasan Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya setuju apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar tadi yang saya sebut di peringkat awal perbahasan ialah kesederhanaan itu mesti diterjemahkan di dalam kehidupan pemimpin kerana pemimpin itu contoh, ikutan. Orang lihat kepada pemimpin. Akan tetapi kalau dijadikan hanya slogan, slogan retorik, slogan politik, jadi pada saya tidak gunalah kita mengungkapkan perkataan sederhana ataupun

wasatiyyah ini. Misalnya saya ingin ingatkan dan juga Yang Berhormat Kapar ingin berkongsi sedikit bahawa dalam konteks *wasatiyyah* ini, ini adalah amalan, amalan Nabi.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Sikit saja.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Okey, silakan.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Bukit Katil. Saya cuma hendak membuat sedikit pembetulan pada Yang Berhormat Bukit Katil tadi berkenaan dengan jualan murah yang Yang Berhormat Bukit Katil kata banyak pemborong-pemborong yang datang mengambil kesempatan membeli barangan di situ. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Bukit Katil tidak pergi *kot* program itu. Sebenarnya barang-barang murah itu hanya dijual jumlah-jumlah tertentu. Contohnya, seorang boleh beli sardin hanya dua tin sahaja dengan harga beberapa puluh sen dan beras pun sekampit. Jadi pemborong-pemborong saya rasa dia tidak pergilah hendak beli sardin dua tin. Jadi yang beli itu adalah rakyat-rakyat biasa kita. Jadi itulah pembetulan saya hendak bagi supaya Yang Berhormat Bukit Katil faham. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor tadi yang memberikan pandangan. Saya rasa mungkin itu berlaku di tempat Tasik Gelugor. Saya harap ada *standardization*...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima tahun sekali dua tin sardin, murah. [*Ketawa*]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Itu pun ada poin juga itu Yang Berhormat Pokok Sena kan. Minta dimasukkan dalam ucapan sayalah. Poin saya ialah saya sebutkan tadi bermakna kalau kita boleh menganjurkan program yang bersifat untuk menjualkan barang secara murah, kenapa kita tidak boleh laksanakan dalam satu skala yang lebih menyeluruh. Ada orang bercakap tentang fakta-fakta yang menunjukkan bahawa ekonomi negara sekarang berada *in direct direction* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dalam hal yang sama yang penting itu adalah suara rakyat di bawah ini. Bagaimana mereka setiap hari terus dibelenggu dan ditekan dengan kenaikan harga barang yang cukup dahsyat.

Jadi pada saya ini merupakan perkara yang mustahak dan saya minta Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian yang berkaitan jangan secara retorik menyatakan bahawa kita sudah buat itu, sudah buat ini dan sebagainya. Kita hendak

tahu *what is the actual on the ground* kerana itulah sebenarnya isu dan suara yang dibawa dari bawah yang sentiasa kita bertemu. Itulah perkara yang diulang-ulang, diwiridkan kepada kita yang memerlukan kepada satu penyelesaian. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sambung petang.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Bukit Katil untuk menyambung perbahasan 12 minit 41 saat.

2.32 ptg.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung kepada perkara yang seterusnya iaitu berkaitan dengan GLC ataupun *Government Link Companies*. Saya ingin bertanya kepada kerajaan. Memang kita semua sedia maklum bahawa kebanyakan GLC di peringkat federal atau di peringkat Persekutuan ini kebanyakan yang dilantik oleh orang-orang politik. Sebahagiannya mempunyai pengalaman dalam bidang tertentu yang berkaitan dengan GLC. Sebahagiannya mungkin tidak ada pengalaman dan tidak ada kaitan dengan GLC yang dilantik sebagai pengerusi kebiasaannya.

Saya ingin tanya kepada kerajaan. Bagaimana pemantauan dibuat terhadap prestasi GLC ini dan bagaimana dari segi keuntungannya kepada negara terutamanya GLC-GLC yang berkaitan langsung yang membabitkan kepentingan rakyat dan juga negara.

Saya nyatakan perkara ini ialah kerana pada sidang kali ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang beberapa perkara yang pada saya telah pun mengganggu gugat tata kelola ataupun *governance* yang mana ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah beliau bahawa aspek tata kelola, aspek penambahbaikan dari segi pengurusan negara terutamanya pembanterasannya penyelewengan, kebocoran dan juga rasuah ini bukan sahaja perlu difahami dalam konteks mengurus negara tetapi

juga mengurus syarikat-syarikat milik negara atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan.

Saya agak terkesan apabila baru-baru ini saya mendapat dokumen yang berkaitan dengan satu badan syarikat GLC yang dipanggil PUNB. Di mana PUNB ini seperti mana yang kita semua sedia maklum, operasi perniagaan PUNB ini tertumpu kepada pakej ataupun penawaran pakej-pakej keusahawanan yang bersepadu yang dirangka khusus untuk membantu usahawan Bumiputera.

Hendak mantapkan perniagaan, hendak kekalkan keuntungan ataupun hendak bentuk perniagaan mereka ke arah kecemerlangan. Pada saya inilah asas kewujudan PUNB. Kita tengok objektifnya, menambah jumlah dan meningkatkan kualiti usahawan Bumiputera dalam sektor industri dan komersial, menggalakkan pembentukan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dalam industri yang strategik, menyalurkan budaya keusahawanan di kalangan usahawan Bumiputera dan sebagainya.

Akan tetapi maklumat yang saya terima ini Tuan Yang di-Pertua agak membimbangkan saya. Ini kerana saya lihat PUNB ini yang dipimpin sekarang ini pengerusinya oleh Ketua UMNO Bahagian Bukit Katil. Ini kerana saya lihat seolah-olah PUNB ini dijadikan salah satu cawangan UMNO. Kenapa saya katakan begitu Tuan Yang di-Pertua? Saya terima suatu program yang baru sahaja dilakukan pada hari Sabtu yang lepas. PUNB Membina Jati Diri.

Saya percaya ini adalah satu program latihan. Penceramah-penceramah ini siapa? Dato' Haji Khairuddin, Pegawai Khas JASA. Kemudian tajuknya Integriti dan Fitrah Diri. Penceramahnya siapa? Exco Wanita UMNO Malaysia. Tajuk Perlembagaan Malaysia, Pengarah Bahagian Gerakan Saraf JASA. Ketua UMNO Bahagian Bukit Katil pun berucap juga. Ini apa kaitannya dengan penubuhan PUNB?

Kalau hendak latih jati diri, hendak latih *skill* dan sebagainya, panggillah mereka yang betul-betul berkemahiran dalam bidang ini. Kenapa hendak panggil orang yang kita tahu ada kaitan dengan usaha untuk *brain wash* kerana hendak pilihan raya ini. Oleh sebab itu saya hendak tanya kepada kementerian. Adakah perkara ini dipantau? Bukan perkara ini sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini baru saya cerita pasal program. Belum lagi saya cerita tentang penerbitan buku '*Kepimpinan Negara Najib Tun Razak Di Sebalik Nama*'.

Mungkinlah ketua atau Pengerusi PUNB hendak bodek Yang Amat Berhormat Pekan untuk jadi calon tidak ada masalah. Akan tetapi janganlah salah guna kedudukannya di PUNB. Ini ada memo ini yang menyatakan bagaimana buku ini belum siap lagi, duit sudah bayar RM400,000. Paling menyedihkan saya Tuan Yang di-Pertua dan saya yakin Tuan Yang di-Pertua akan memberikan pertimbangan yang serius terhadap isu ini, *as presented in the board paper* dengan izin *of 3rd November the budget*

for this purchase will be taken from entrepreneur marketing and development section unused budget of RM509,300, 100 plan for Pan Borneo activity in 2018.

Bajet untuk rakyat di Pan Borneo Sabah dan Sarawak tidak pakai setengah juta guna untuk buat buku. Buku pun tidak nampak lagi Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahu mana bukunya. Bukan sekadar itu. Kita juga dapat maklumat sekarang ini sedang giat dibuat PUNB Properties Sdn. Bhd. Ini sama modelnya macam FELDA. Pengerusi PUNB buat satu anak syarikat yang dipanggil sebagai saya sebutkan tadi PUNB Properties Sdn. Bhd. yang dipanggil sebagai PPSB dijadikan sebagai satu *property* am.

Dalam bulan Oktober saya hendak tanya kepada Kementerian Kewanganlah khususnya tolong semak dalam bulan Oktober 2017 sebanyak RM1 juta telah dikeluarkan dari PUNB salur kepada PPSB. Wang tersebut asalnya peruntukan EPU kepada PUNB untuk beli aset-aset komersial di bawah tanggungjawab *prosper property* ini. Akan tetapi sekarang kita difahamkan RM50 juta wang telah dipindahkan dari akaun PUNB kepada PUNB Properties Sdn. Bhd. ini.

Ini teknik membalun duit cara kreatif. Pada saya, perkara ini mesti dihentikan. Kenapa pula Pengerusi PUNB jadi pengerusi anak syarikat yang kita tahu tujuannya untuk apa? Untuk membuat kreatif menyelewengkan secara kreatif. Akhirnya itulah yang berlaku kepada FELDA. Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, konon kita ada satu pelan transformasi untuk menambah baik dari segi syarikat dan sebagainya. Adakah perkara ini dipantau dengan telitinya?

Saya juga ingin ...

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat bangun Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sila.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Ringkas sahaja. Memandangkan apa yang kita dengar sebentar tadi penyelewengan wang kerajaan, *creative accounting* dan sebagainya.

■1440

Adakah Yang Berhormat Bukit Katil bercadang untuk membuat laporan secara rasmi kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan lain-lain jabatan-jabatan, agensi yang sesuai supaya perkara ini dapat kita sama-sama teliti dan betulkan *Insyah-Allah* nanti. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil baik saranan daripada Yang Berhormat Tumpat sebagai Ahli Parlimen yang cukup berpengalaman dalam Dewan ini. *Insyah-Allah* kita akan kemukakan laporan rasmi. Cuma saya minta satu Tuan Yang di-

Pertua, saya minta kerajaan tolong jangan tekan kakitangan PUNB yang memberikan maklumat kepada saya. Tolong. Saya dah dapat maklumat tadi, dia kata Yang Berhormat tolong, tolong padam semua *communication* kita. Kenapa? SB dah masuk, *special branch* dah masuk. Saya *report* ini, saya tahu mungkin sebahagiannya tengok secara *live* kerana saya kata saya akan bela saudara dalam Dewan ini.

Kita ada akta *whistle blower*, kerajaan buat akta ini dengan tujuan untuk melindungi orang yang memberikan maklumat. Justeru hari ini saya hendak rekodkan. Kalau ada kakitangan-kakitangan PUNB ataupun bekas kakitangan PUNB yang tahu maklumat-maklumat ini boleh menyampaikan kepada saya dan *Insyah-Allah* saya yakin ada jaminannya untuk kita uruskan perkara ini agar kebejatan ini dapat dihalang. Mereka malah sebut Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rekod di sini.

Mereka kata dulu waktu Menteri Belia dan Sukan menjadi Pengerusi PUNB, *everything is okay*, dengan izin *there is no such interfere into the management of PUNB*. *But now* dengan izin bila pegang kepada Ketua UMNO Bahagian Bukit Katil, semua jadi politik. Jadi saya harap perkara ini dapat diambil serius oleh kerajaan kerana kita tidak mahu satu lagi skandal seperti FELDA yang sekarang ini terpaksa diurus. Saya pun kasihan dengan Yang Berhormat daripada Johor Bahru yang terpaksa urus sekarang ini dengan pelbagai isu dan sebagainya. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku lagi.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara-perkara ini dapat diambil dengan serius oleh kerajaan dan saya akan menunggu jawapan kerajaan dan saya akan ambil tindakan yang selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dua tiga hari bermula daripada hari Selasa yang lepas ketika kita mula berbahas, riuh bahawa isu yang disebut berkaitan dengan tanah Ijok ini, yang berkaitan dengan Selangor. Saya sebagai Naib Presiden Keadilan kita hendak jelaskan, mengambil forum di sini, tempat di sini untuk menjelaskan, riuh di Ijok seolah-olah tanah Ijok ini ada penyelewengan. SPRM terus masuk dan siasat. Kita terbuka, hendak siasat, siasat, tidak ada masalah. Tanggungjawab kerajaan iaitu Kerajaan Pakatan di Selangor, di Ijok ini ialah untuk menyelamatkan peneroka-peneroka, bukan syarikat-syarikat besar.

Di Ijok Tuan Yang di-Pertua, 20 tahun peneroka ditipu oleh kerajaan pada ketika itu. Ada hak milik tanah, tanah dapat tahun 1987, tahun 2000 peneroka diberikan pelbagai jaminan, serah tanah ini pada kerajaan, kerajaan akan beri RM180,000 kerajaan akan bagi rumah, tidak payah penat-penat lagi usahakan tanah tiga ekar ini. Jadi mereka pun serah. Daripada tahun 2000 sampai sekarang, 18 tahun, berapa ramai peneroka yang terlibat? Seramai 981 orang peneroka. Daripada 981 orang peneroka Tuan Yang di-Pertua, 385 orang dah meninggal, satu pertiga dah meninggal.

Jadi sebab itulah kerajaan negeri campur tangan dan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Gombak kita uruskan perkara ini. Bukan maknanya kita hendak *claim* waktu pilihan raya, tidak. Tuan Yang di-Pertua boleh semak, boleh *google* isu tanah Ijok ini, tengok apa kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak dalam kes ini, dengar suara peneroka, dengar suara rakyat. Jadi sebab itu bila saya dengar ucapan terutamanya Yang Berhormat Kuala Selangor, Ijok bawah Kuala Selangor, kena jawab. Kenapa tak turun tengok masalah, selesaikan masalah ini. Dalam masa dua, tiga tahun, kita selesaikan perkara ini, alhamdulillah bersyukur. Kita bagi RM180,000. Bagi lagi rumah RM250,000 walaupun harga pasarannya RM400,000 bagi untuk membantu menyelesaikan. Menangis, menitik air mata, kalau tadah dalam baldi itu penuh baldi kerana hendak tunggu 18 tahun Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebab itulah saya minta supaya kita ada *dhamir*, ketuklah pintu hati, tidak boleh selesai, cakap tidak boleh selesai. Bila orang lain boleh selesai, jangan hina, jangan hendak perlecehkan. Kita semua ada tanggungjawab.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Jangan fitnah.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Jangan fitnah, betul. Jangan buat *fake news*. Jadi sebab itu bila saya baca kenyataan-kenyataan kerajaan tentang *fake news* ini, saya ingin tanya kepada kerajaan apa yang sebenarnya dianggap sebagai *fake news* ini. Apakah kita melaporkan benda yang betul dianggap *fake news* ataupun kita melaporkan perkara yang kita rasa kita tidak boleh jawab, oh ini terus *fake news*. Contoh kita tidak boleh jawab RM2.6 bilion masuk dalam akaun Yang Amat Berhormat Pekan, oh tidak boleh, ini *fake news* kerana kita tidak boleh jawab. *How you define that?*

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, dalam negara demokrasi ini akhirnya saya hendak sebut bahawa di sana wujud pembangkang dan juga kerajaan. *Democracy is noisy*, bising, masing-masing beri pandangan. Janganlah bila kita beri pandangan yang sedikit berbeza, kita dianggap pengkhianat, durjana dan sebagainya. Kita memberikan pandangan untuk sama-sama mengkritik perkara yang tidak betul dalam konteks ini, dalam hal perdebatan perbahasan ini kita mengkritik kerajaan kerana cara dan pendekatan mereka itu tentunya bercanggah dengan tata kelola yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak mengambil kesempatan ini kerana ini merupakan sidang Parlimen yang akhir. Saya hendak mohon maaf kalau ada terkasar bahasa sebab saya ini memang kadang-kadang cakap kasar sebab orang Melaka, Tuan Yang di-Pertua. Orang Melaka ini makhluk kasar, dia cakap kasar. Kalau dia makhluk halus, dia cakap halus. [*Ketawa*] Jadi untuk itu saya mohon maaf. *Insyah-Allah* kita berjumpa lagi selepas pilihan raya mungkin di sebelah sana, *Insyah-Allah*. Sekian terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee): Yang Berhormat Limbang.

2.46 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta berucap membahaskan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V.

Kita mengucapkan tahniah dan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang begitu prihatin kepada pembangunan negara dan mengingatkan untuk menyejahterakan kehidupan rakyat adalah matlamat utama dalam pembangunan sesebuah negara. Dari Titah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda berpuas hati atas segala usaha yang telah dan sedang dibuat oleh kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi adalah menjadi satu tanggungjawab untuk semua kita rakyat Malaysia untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam usaha untuk mengekalkan dan menambah baik segala usaha dan pencapaian baik dan cemerlang yang telah dicapai baik dari segi keamanan negara kita, perpaduan rakyatnya, keselamatannya, ekonominya, pembangunan fizikal, modal insannya dan sebagainya.

Jadi saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di samping melaksanakan kepimpinan yang cemerlang negara, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah berjanji untuk melihat semula isu berkaitan dengan MA63 dan juga untuk mengembalikan apa yang terhakis dan yang terambil dari negeri Sarawak dan Sabah baik dari segi *resources*-nya, bidang kuasa dan sebagainya.

Saya telah pun berada dalam Dewan ini hampir 10 tahun, penggal kedua *Alhamdulillah* dan saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Saya dari Limbang, saya tahu apa yang ada di Limbang, saya masih ingat apa yang saya sebut masa mula-mula masuk di Dewan dulu, ungkapan rakyat kami di sana, '*Limbang macam baru semalam merdeka*'. Akan tetapi *alhamdulillah* sepuluh tahun ini, hampir sepuluh tahun ini saya dan rakyat di Limbang amat bersyukur atas segala pemedulian, keprihatinan kerajaan selama ini. Memang nampak perubahan. Kalau ada yang kata tidak ada berubah, antara dua, kalau tak buta, pekak ataupun saja-saja nak *condemn*, saja-saja untuk menafikan tiada perubahan.

Akan tetapi saya, kami daripada Limbang memang merasakannya, *Alhamdulillah*. Namun apa yang berlaku pada hari ini bermacam-macam usaha sebagaimana disentuh

oleh Duli Tuanku iaitu tentang memastikan kerajaan kita ini terus melaksanakan dasar-dasar ini. Dasar-dasar transformasi fizikal, menguruskan ekonomi, menurunkan defisit fiskal dan memastikan kutipan-kutipan ataupun pendapatan untuk negara demi untuk meneruskan pembangunan di seluruh pelosok negara ini.

■1450

Mungkin perkara ini kadang-kadang tidak nampak di bandar-bandar besar, di pekan-pekan tetapi bagi kami wakil-wakil rakyat dengan rakyat sekali yang berada di luar bandar, di pinggir bandar, ianya amat ketara. Memang ia membawa banyak perubahan kepada kami selama ini, *alhamdulillah*.

Duli Tuanku telah pun menyarankan untuk mementingkan mempertingkatkan usaha kerana mengekalkan suatu kejayaan lebih sukar daripada untuk mencapainya. Kita semua tahu keperluan rakyat makin bertambah, keperluan bertambah, *demand* bertambah, cita rasa bertambah. Kalau kita nak kata tidak bersyukur, mungkin setengahnya tidak bersyukur, tidak pandai puas hati ataupun kita tidak boleh nak puaskan semua orang. Dan kita kerajaan menuju untuk melaksanakannya mengikut sasaran-sasaran. Bukannya semua— mesti "*Tempat aku dulu*", "*Tempat aku dulu*". Bagaimana tempat yang terpencil, bagaimana tempat yang belum membangun ataupun sedang membangun?

Jadi semua ini mestilah dilihat. Secara ungapannya, janganlah kita melihat yang mega sahaja tetapi lihatlah juga lembah dan danau dan kampung-kampung di luar bandar sana. Malahan, kalau kami di Sarawak, kami di luar bandar ini adalah penyokong-penyokong kuat kepada kerajaan di Sarawak.

Berkaitan dengan isu-isu kos sara hidup, saya mengalu-alukan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun menubuhkan Majlis Kos Sara Hidup Negara. Ini amatlah bertepatan sebab dunia sekarang kalau kita lihat, nak cari barang turun susah. Naik itu ada. Mungkin minyak turun naik sedikit mengikut pasaran dunia tetapi secara umumnya— barulah nak dengar gaji ini mungkin kerajaan akan naikkan gaji, harga di kedai sudah naik harga sudah. Bila sudah naik, tak nak turun-turun. Jadi inilah apabila kerajaan mengadakan ini, saya berharap Majlis ini akan memberi kesan tentang permainan harga yang dibuat dalam *everyday life* kita *especially* ianya berkaitan dengan rakyat jelata, rakyat orang biasa. Ini yang sangat terasa dengan kenaikan turun naik harga ini. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mewujudkan Majlis Kos Sara Hidup Negara ini.

Pada masa ini, saya tahu di tempat saya juga telah diadakan dua kali sudah sesi Jualan Sentuhan Rakyat ini. *Alhamdulillah*, rakyat sangat-sangat bersyukur. Malahan kita ubah *venue*nya kepada tempat-tempat di luar lagi. Yang ketiga ini akan dibuat di luar bandar supaya semua rakyat jelata dapat menikmati. Mungkin orang kata ini nak *election*

lah, apa lah. Tidak ada lah, sebabnya kita tahu— *insya-Allah*, kita juga akan melihat perkara ini. Pihak sini, pihak sebelah sudah pasti. Kita juga akan memastikan perkara ini akan berterusan hinggalah apabila kami kembali masuk Dewan ini, *insya-Allah*.

Jadi mudah-mudahan, *insya-Allah*, dengan apa yang dibuat oleh kerajaan, usaha-usaha ini akan memberikan impak dan memberikan keyakinan kepada rakyat, kepada kita, kepada rakyat jelata bahawa kita sungguh-sungguh dalam melaksanakan untuk membantu rakyat menangani kos kehidupan ini.

Perkara yang disentuh oleh Tuanku lagi ialah perpaduan. Perpaduan adalah inti pati keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat pada kita. Kita tahu negara kita merdeka di Semenanjung ini 60 tahun, di Sarawak kami baru 55 tahun. Saya masih ingat mula-mula kita dulu, Sarawak tidak sampai satu juta orang pun rakyatnya dan kita di Malaysia tidak sampai 10 juta. Hari ini sudah 30 juta lebih. Sudah pastinya segala-galanya bertambah. Semua nak sekolah, nak jalan raya, kereta makin bertambah— segala-galanya. Walaupun orang kata kita ini nak bankrap, rasanya tidak cun lah cakap itu.

Malahan, kita tengok hari ini masih banyak orang kita yang— setengah yang bersuara mengatakan yang kita bankrap ini rasanya tidak patut-patutlah sebab kadang kita jumpa juga dia makan angin selalu. Ini semua. Tapi yang bising ini— ya lah, kadang-kadang yang cakap macam itulah— bankrap sana, bankrap sini. Tetapi kita mengharapkan perkara itu tidak berlaku. Tetapi kalau ia selalu dikatakan, ia seolah-olah mengharapkan negara kita bankrap pula. Seolah-olah begitulah. Itu *nauzubillah min zalik* lah. Mudah-mudahan tidak berlaku dan mudah-mudahan harapan-harapan sedemikian tidak akan menjadi.

Satu perkara lagi ialah tentang keamanan, kesejahteraan ini yang dititahkan oleh Duli Tuanku. Kita tahu pada masa ini macam-macam usaha dibuat entah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, sengaja nak menimbulkan isu agama, isu murtad, isu itu, isu ini dan sebagainya. Perkara ini bukannya perkara baru sebenarnya. Hanya sa nya sekarang ini media sosial sudah pun menyeluruh, seluruh dunia, petik jari sini, satu dunia boleh baca dan di situlah juga fitnah ditabur, cerita palsu dimasukkan, cerita sensasi dimasukkan, hasut pun dimasukkan.

Dulu kadang-kadang saya terfikir— ustaz-ustaz kita di sini banyak lagi. Rasanya saya pernah terbaca. Kita terfikir apabila melihat apa yang dikatakan oleh Rasulullah SAW, akhir zaman ini fitnah berleluasa— akhir zaman. Kadang terfikir kita macam mana fitnah ya. Kadang-kadang kita tahu dalam kelompok kita, di kampung kita, di sekolah kitalah. Apabila tiba zaman ini, rupa-rupanya fitnah ini berleluasa rupanya teknologi berubah. Kita boleh buat cerita fitnah, tekan satu *button*, satu dunia boleh baca.

Rupanya itulah yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW 1,400 tahun dulu. Itulah ia berleluasanya fitnah. Petik jari, ketip, tekan— dari mana? Dalam bilik air pasang fitnah

pun boleh. Duduk sambil buang air, buat cerita, tekan, satu dunia boleh baca. Rupanya inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW fitnah berleluasa. Dan yang sebenarnya semua kita tahu, ia digunakan untuk menyebarkan yang baik untuk memajukan negara, memajukan rakyat, memajukan dunia ini, rantau ini, pun guna itu juga. Jadi terpulanglah kepada kita.

Saya menyambut baik kerajaan kita untuk menggubal undang-undang untuk menghukum yang menyebarkan berita palsu ini. Saya amat menyokong 100 peratus, 1,000 peratus. Memang patut pun, harus pun. Takkan kita nak bela orang suka buat fitnah? Semua orang tahu. Kalau orang Islam, dia tahu memfitnah sama seperti membunuh 1,000 orang Islam. Itu perbandingannya. Lebih dahsyat dari membunuh. Jadi, memang sudah bertepatan. Rasa-rasanya kalau sayalah secara peribadi, ini pun sudah kira terlambat. Sepatutnya penggal lepas sudah buat. Tapi *alhamdulillah, better late than never*.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Tuanku juga menitahkan tentang penambahbaikan sistem pengangkutan awam. Memang nampak ianya memang kita tahu kalau di Kuala Lumpur ini MRR2, MRT dan sebagainya. Kita di Sarawak, *alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kami telah pun merencana untuk mengadakan juga LRT ini untuk di kawasan-kawasan yang berdekatan— Serian, Samarahan dan Petra Jaya. Jadi, ini amat bertepatan dan saya di sini....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: LRT Limbang tidak ada?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Alamak. Tidak payahlah. Itu Brunei ada. Dekat. Susah mahu masuk Brunei dulu. *You* kena *settle* itu dulu, baru boleh cakap.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh '*pace-setter*' sempadan ini tadi, Yang Berhormat Seputeh, kalau boleh kita nak buat *train* dari Sarawak sampai KK, lagi bagus. Betul tidak? Kalau sini boleh terus sampai Johor, KL sampai *Singapore*, apa salahnya? *I looked at it positively but unfortunately, there are things to be settle*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Time will come, don't worry, you know. Our country will be, you know, we are getting richer. Insya-Allah, you know, insya-Allah*. Tidak ada orang nak minta jadi miskin.

Kadang-kadang kalau cerita fasal miskin, fasal yang buat bising, fasal ini semua tidak betul, ini tidak betul di bawah kerajaan, saya masih teringat ini ada cerita orang tua-tua.

■1500

Ini cerita orang pergi kenduri kahwin. Dia pergi kenduri kahwin, dia cukup makan. Ada daging hitam, macam-macam, kenyang sudah, puas, kenyang, balik rumah tertidur. Akan tetapi dalam perjalanan balik itu dia kutuk kurang garamlah, ini tidak cukup gulalah,

kompelinnya. Padahal perutnya sudah kenyang pun, sudah kenyang. Balik rumah tersandar atas kerusi tertidur. Ini yang tidak bersyukur tetapi yang tadi sudah kenyang makan ayam, apa semua segala-galanya sudah dapat sudah, semua dapat. Akan tetapi semuanya tidak betul, apa pun.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun].*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Sila, sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang kompelin banyak fasal makanan itu, siapa itu? Saya fikir itu ahli pembangkang ya? Betul, setuju dengan saya, yang sengaja mencari fasal dengan orang yang berada.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Umum lah Yang Berhormat Putatan, terima kasih. Ini cerita orang pergi kenduri kahwin lah. Dia macam itu kebanyakannya ada yang tidak juga. Ada yang tidak, tidak semua macam itu. Alhamdulillah dia bersyukur, ya lah mungkin kurang garam sedikit, kurang gula. Akan tetapi balik kenyang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, sudah daftar Yang Berhormat Putatan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Daftar kehadiran ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa].*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Selepas ini dia Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini saya ulangi jangan kita amalkan ini, perangai pergi kenduri kahwin, yang balik kenyang, bawa kadang-kadang sekarang ini balik pun bawa barang lagi, kena bagi *goodies* lagi balik kenduri kahwin tetapi punya kompelin masam lah tadi, macam-macam pedas lebih, inilah, itulah. Akan tetapi perut sudah kenyang itu. Sepanjang jalan sendawa tidak berhenti, sampai rumah tersandar tertidur nyenyak. Jadi ini yang kena buang sikap-sikap ini daripada yang ada pada kita.

Kalau boleh sepanjang jalan tadi kalau dia komen ini kurang sedikit bagus yang *positive think*. Dia nasihat patutnya tadi tuan rumah buat lebih cantik, yang ada cantik dibagi cantik lagi. Ayamnya begini-begini, tambah lagi. Itu yang patut kita hendak dengar bukannya tadi kompelin macam-macam, padahal sudah kenyang perut sudah. Kadang-kadang setengahnya kalau paling teruk, dia balik dia salah makan tempat lain, dia cirit-birit, dia salahkan pula yang kenduri kahwin. Itu sudah kira kes teruklah. Dia sakit perut,

cirit-birit sudah berhenti, salahkan pula orang kahwin pula. Tukang masak ini, ini, ini. Itu sudah lebihlah itu.

Juga yang disentuh dalam titah Duli Tuanku iaitu tentang perkhidmatan kesihatan. Kami di Limbang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Itu saya katakan tadi 10 tahun hamba berada di sini, alhamdulillah perubahan yang begitu ketara di tempat kami. Dari segi kesihatan ini juga hanya memang saya selalu menyuarakan iaitu klinik pakar, klinik pakar, klinik pakar dari dahulu sampai sekarang memang tiap-tiap *session* kita minta.

Kita tahu di Miri ada, di Miri hendak diperbesarkan lagi. Akan tetapi kerajaan berusaha juga untuk memudahkan perjalanan kami. Dari Limbang ke Miri, dari Limbang ke KK untuk tujuan ini. Kita faham dari segi ekonominya kenapa keperluannya dan sebagainya. Namun kalau ada Limbang, klinik pakar minor ini masih kami perjuangkan di peringkat negeri, di peringkat Persekutuan ini. Kita mengharapkan kerajaan melaksanakannya di penggal hadapan. Walaupun dua penggal ini saya tidak dapat memintanya dan tidak berhasil untuk klinik pakar minor ini, *insya-Allah* mudah-mudahan saya menyeru kepada kerajaan supaya kita buat dalam penggal hadapan. *Insya-Allah*.

Di samping itu pada masa ini ada juga kekurangan-kekurangan sedikit iaitu contohnya di Limbang sekarang ada sebuah klinik di pedalaman, di kawasan orang Penan, Long Napir, klinik di Desa Long Napir. Ini berkaitan dengan juga apa yang disentuh oleh Duli Tuanku tentang integriti, ketirisan, kebocoran dan sebagainya. Klinik di Long Napir ini sudah mula bangun sudah. Sudah naik tiang, apa semua. Sekarang kontraktor cabut lari. *So, it means delay*. Kalau hendak kata kerajaan tidak buat, kerajaan sudah buat. Sudah laksanakan, sudah sahut suara kaum Penan, minoriti penduduk asli di tempat saya.

Akan tetapi pelaksanaan ini saya berharap bab-bab pelaksanaan, dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan ada menyuarakan tentang pencapaian diutamakan. Rasanyalah secara umumnya, alhamdulillah negara kita bergerak tetapi untuk saya rekod, masih ada lagi juga terutamanya di kawasan-kawasan dan saya yakin di kawasan-kawasan Yang Berhormat yang lain pun sama.

Ada juga projek-projek untuk rakyat ini terbengkalai. Kenapa? Kalau saya hendak kupas satu persatu sepatutnya tiada alasan hendak terbengkalai. Mengapa boleh jadi demikian saya mintalah kepada kerajaan supaya memastikan pencapaian ini seperti Klinik Long Napir ini. Rakyat tunggu lima tahun, bila sudah bina *delay*. Inilah itulah, jangan hendak banyak bagi alasan. Jadi saya mintalah kepada agensi yang berkaitan, kementerian yang berkaitan tengoklah perkara ini. Ini bukan salah ini, ini pelaksanaan, orang yang melaksanakan dan dalam proses melaksanakan ini ada agensinya, ada pegawai-pegawainya, ada manusia-manusianya yang melaksanakan ini. Dari peringkat

perancangan sampai terbinanya, sampai *completion*-nya sepatutnya. Jadi saya berharap semua peringkat ini, di mana sahaja di negara ini pastikan penyampaian yang dahulu disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Ini kita kena ingat. Bukan hanya masa dahulu, masa beliau suarakan pencapaian diutamakan, masa itu sahaja hangat-hangatnya. Selepas beberapa tahun sudah lupa sudah. Bila tukar satu negaraku tidak sebut pencapaian diutamakan, sudah sana *delay*, sini *delay*, ini tidak senonoh, ini tidak buat, tidak berkualiti dan kita minta semua agensi yang dipertanggungjawabkan memastikan apa pun projeknya, apa pun fizikal kah, modal insan kah, memastikan semuanya dilaksanakan dengan sesungguhnya-sungguhnya untuk rakyat.

Duli Tuanku Agong kita boleh, dia sebagai payung negara kita dia mengharapkan semua ini berjalan lancar, memang. Dia bukan tengok pun semua itu, tidak mampu hendak tengok semua pun. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sama, Ketua Menteri pun sama juga. Dia orang tidak akan dapat, kita sendiri pun janganlah kita hendak cakap besar. Kita sendiri pun kadang-kadang tidak boleh habis semua hendak *check*. Kadang-kadang terlebih *check* orang cakap, tidak percaya pula. Kalau Yang Berhormat tidak percaya, Yang Berhormat buat sendirilah, macam tidak percaya dengan kami ini. Bukan begitu, rakyat yang suarakan. Kasihan rakyat.

Jadi saya mintalah Agong, Sultan kita, Raja kita mengharapkan semuanya berjalan lancar. Pimpinan negara kita harapkan semuanya berjalan lancar. Rakyat begitu juga. Jadi siapa-siapa yang dipertanggungjawabkan *from all levels make sure* laksanakan tugas yang telah pun diamanahkan ini.

Satu lagi sebagai contoh, sudah berapa kali juga saya suarakan. Rasanya terpaksa sebab kalau tidak saya suarakan kena ingat orang kata Yang Berhormat pula. Yang selalu saya sebut Jalan Meritam-Telahak-Bong Abai Fasa 2, Fasa 4 sudah hendak mula esok lusa sudah naik sudah. Fasa 2 sampai hari ini dalam Dewan ini, kontraktor penyelamat diumumkan akan menyiapkannya, sekarang yang menyelamatkan pun sudah terpaksa diselamatkan. Sampai bila saya duduk sudah hampir 10 tahun di sini, tidak siap-siap enam kilometer sahaja, R3.

Sampai bila? Saya harap masa ini rakyat saya di Limbang buka *Facebook*, buka RTM. Jangan kata saya tidak buat sebab ada yang cakap tidak senonoh sedikit. Dia kata mungkin ini Yang Berhormat punya projek, ini punya projek. Boleh *check*, saya tidak risau punya. Kalau saya punya memang takut tidak berani cakap saya tidak takut. Yang saya takut adalah apabila kita melihat projek tidak siap. Rakyat kasihan berapa tahun yang kita perjuangkan. Jadi saya minta. Dari sini kita bukan hendak menegur, bukan hendak mengajar. Kita bukan baru semalam merdeka. Di sini 60 tahun merdeka, di Sarawak 55 tahun merdeka.

■1510

Pastikan. Bukan menafikan sebab selama ini memang kalaulah bukan ertinya, jangan disalah ertikan. Kita mencapai apa yang ada pada kita hari ini, yang bawa Porsche, bawa Mercedes, bawa Ferrari, hasil titik peluh cari makan di periuk bumi Malaysia yang tercinta ini. Kalaulah kita ini apa kata orang, seolah-olah meniadakan, tidak. Kalau bukannya kerja yang diberi amanah yang sepatutnya, sekumpulan-sekumpulan tertentu yang dipertanggungjawabkan. Kita tahu bukan semua buat kerja tak betul, bukan semua. Itu kita mengaku. Kita menerima hakikat tersebut. Ini, yang sepatutnya yang buat tak elok ini, pastikan hentikan. Buat kerja elok balik-balik. Pastikan amanah yang diberikan itu supaya dapat rakyat ini yang tadi dititahkan oleh Duli Tuanku mengingatkan supaya menyejahterakan rakyat. Kita semua adalah sebahagian daripadanya untuk menyejahterakan rakyat ini, bukan nak menyusahkan rakyat, bukan nak menghampakan rakyat.

Jadi jalan tersebut sampai hari ini, jadi saya minta kepada kementerian yang dipertanggungjawabkan supaya penggal baru nanti *insya-Allah* kalau kita masuk sini lagi, mudah-mudahan. Jangan ada cerita baru lagi, belum siap lagi. Kita dah masuk tiga penggal, enam kilometer sampai tiga penggal. Jadi nanti orang kata *the longest road*. Oh! Berapa ribu kilometer ini? Enam tahun, hampir sepuluh tahun buat itu. Payah itu. Seperkara lagi yang disentuh ialah tentang ancaman dadah siber, judi siber, berita palsu, pemerdagangan manusia ini. Itu kita semua tahu kerajaan kita, kita dalam Dewan ini telah pun menggubal pelbagai undang-undang untuk memastikan gejala-gejala ini dan syukur *alhamdulillah*, gejala-gejala ini akan terus dapat dibendung dengan adanya undang-undang yang digubal dalam Dewan ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada PDRM, agensi kerajaan, PDRM dan agensi-agensinya yang berkaitan kerana *alhamdulillah* di Limbang, saya boleh katakan hampir 90 peratus, mungkin 100 peratus dah tak ada lagi dah cerita judi haram, judi siber di Limbang. *Alhamdulillah*. Saya ucapkan terima kasih kepada semua agensi, PDRM, apa lagi, semualah agensi yang berkaitan ya.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya ini sahaja apa yang saya ingin nak sentuh berkaitan dengan apa yang telah pun dititahkan oleh Duli Tuanku dan ini mungkin untuk penggal ini adalah terakhir mungkin, ucapan kita, saya di Dewan ini dan saya juga seperti kawan-kawan yang lain, Yang Berhormat Bukit Katil, mohon maaf kepada semua pihak dalam Dewan, pegawai-pegawai kerajaan di kiri kanan, sekiranya apa yang kami sampaikan, saya sampaikan terlebih kata, menyinggung hati, menyinggung perasaan.

Namun kami hanya menyuarkan apa yang telah pun disuarakan oleh rakyat kepada kami dan disampaikan di sini dan kami cuba, saya cuba untuk menyampaikan apa yang ada pada otak saya ini, apa yang ada dalam hati saya untuk diluahkan, untuk

difikirkan. Bukan untuk kita, bukan untuk kami tetapi untuk rakyat jelata di mana pun juga mereka berada di negara ini. Jadi saya mengambil kesempatan ucapkan terima kasih atas segala bantuan, sokongan daripada pegawai-pegawai kerajaan, kawan-kawan semua dalam Dewan ini. Apatah lagi dengan Tan Sri Speaker dan kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan juga Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said kerana memberi laluan-laluan kepada saya selama hampir sepuluh tahun berada di dalam Dewan ini.

Jadi rasanya itu sahaja apa yang nak saya sampaikan dan mudah-mudahan negara kita *insya-Allah* akan dirahmati, diberkati kerana kita melihat keadaan sekarang ini terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab cuba untuk menghuru-harakan, membakar hati-hati rakyat, dibakar. Apa tujuan? Sudah pastinya untuk membakar hati ini, dua. Nak menaikkan semangat ataupun nak menyuruh orang bergaduh, berkelahi di mana sahaja di negara ini dan yang akan menjadi mangsa memang betul, adalah rakyat, anak-anak muda, anak-anak kecil kita yang telah pun dirancang masa depan mereka oleh kerajaan kita pada hari ini, Transformasi Nasional 50 sebab ini adalah untuk mereka.

Saya kira-kira sendiri tahun 2050 rupanya umur saya 87 tahun. *Insya-Allah* umur panjang boleh sampai, dapat melihat apa yang berlaku pada masa itu di negara kita. Bagaimana kehidupan generasi kita dan hasil apa perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan pada hari ini yang telah pun merangka semua ini untuk anak-anak ini bukan untuk kita pada hari ini. Kita *alhamdulillah*, dah balik kenduri kahwin dah. Macam-macam dah. *Alhamdulillah*, semua cukup. Tinggal sendawa sahaja tak berhenti-berhenti. Sendawa tak apa tapi jangan kutuk tukang masak, jangan kutuk tuan punya majlis.

Kita ingat-ingatlah diri kita dan juga mungkin kadang-kadang kita terlupa, saya sendirilah barangkali, saya terlupa rupa-rupanya bila masuk Dewan ini saya ingat malaikat kiri kanan ini tinggal dekat pintu Dewan sahaja, tak turut masuk tapi rupanya masuk Dewan ini, mereka masuk sekali bukannya tinggal dekat pintu ya. Yang tak boleh masuk, orang lain sahaja. Kita punya malaikat masuk ke dalam ini juga.

Saya minta maaf ya. Jadi rasanya terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun mempedulikan Limbang daripada dulu sampai hari ini saya berada di Dewan ini. *Alhamdulillah*. Maka dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan saya menjunjung kasih Titah Duli Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Temerloh.

3.16 ptg.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Auzubillahi Minas Syaitani Rajim, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Berselawat atas Nabi SAW]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang telah pun diberikan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan ucap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara apa yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang boleh saya petik di sini ialah *“Kerajaan Beta akan terus menyediakan peruntukan bagi melaksanakan lebih banyak program dan projek yang berpaksikan rakyat demi kesejahteraan mereka”*. Tuan Yang di-Pertua, tentu sahaja untuk mencapai kesejahteraan ini sama ada negara sejahtera ataupun rakyat sejahtera, dia tidak hanya terhenti pada isu-isu politik semata-mata ataupun isu ekonomi semata-mata dan kebetulan pula sahabat-sahabat saya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah banyak mengemukakan isu-isu politik dan juga isu-isu pilihan raya termasuk isu GST, 1MDB, kos sara hidup dan lain-lainnya dalam perbahasan mereka.

Maka atas maksud yang sama, yang serupa iaitu untuk membina Malaysia yang sejahtera, saya mengambil satu sudut yang lain dalam perbahasan ini dengan melihat kepada satu daripada apa yang telah pun diucapkan ataupun dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Antaranya, ini yang saya hendak fokus iaitu kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan yang mana disebut juga akan dipertingkatkan dengan nilai tambah dan juga nilai cipta terkini menerusi kelestarian pelbagai inovasi dan idea yang kreatif.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya ingin utarakan beberapa perkara yang berkait dengan isu kesihatan yang sangat penting untuk pemerhatian dan juga untuk perbahasan rakan-rakan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

■1520

Sebelum itu, saya mulakan dahulu dengan satu peringatan ataupun sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Al-Hakim daripada Abdullah Ibnu Abbas r.a. Sabda Rasulullah SAW *[Membaca sepotong hadis]* Maksudnya, *‘Peliharalah oleh mu sebelum datang lima perkara yang lain. Pertamalah masa muda kamu sebelum datangnya waktu tua. Kedua, waktu sihat kamu sebelum datangnya waktu sakit. Ketiga, waktu kaya kamu sebelum datang waktu miskin. Keempat, waktu lapang kamu sebelum datang waktu sibuk dan kelima, waktu hidup kamu sebelum datang waktu mati’*.

Apa yang saya hendak fokus di sini mudah Tuan Yang di-Pertua, waktu sihat kamu sebelum sakit kamu. Maka, antara tanggungjawab negara, tanggungjawab kerajaan ialah

menjaga kesihatan rakyat, termasuklah pemimpin-pemimpinnya di semua peringkat. Kalau kita lihat hari ini, negara kita ini sedang berdepan dengan satu isu kualiti kesihatan yang sangat serius. Saya ulang semula untuk perhatian semua. Negara kita sedang berdepan dengan satu isu kualiti kesihatan yang sangat serius.

Kita meneliti satu data yang dikeluarkan melalui satu *survey* yang dikeluarkan oleh *National House* pada tahun 2015. Dalam statistik yang dikeluarkan ini, 3.5 juta di kalangan rakyat yang berusia 18 tahun ke atas mengalami ataupun menghidap penyakit diabetes. Ini satu angka yang sangat memmeranjatkan kita. 3.5 juta dari kalangan rakyat yang berusia 18 tahun ke atas. 9.2 juta di kalangan mereka ini mereka tidak pernah diagnosis apakah penyakit yang sedang mereka alami dan mereka tidak tahu pun mereka sedang menghidap penyakit diabetes ini, 9.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, ertinya angka ini sangat membimbangkan. Itu penyakit diabetes. Melalui statistik yang saya sebutkan tadi juga, *survey* yang dikemukakan juga di pameran kepada kita bahawa negara kita juga mengalami satu situasi di mana *hypertension* yang tinggi. Situasi *hypertension* yang tinggi di kalangan masyarakat, 6.1 juta mengalami *hypertension* ini. Saya tidak tahulah apa *backgroundnya*, apa gejalanya tetapi menunggu tarikh pilihan raya ini pun boleh naik darah juga setengah-setengah di kalangan ahli politik kita ini. 9.6 juta mempunyai kolesterol yang tinggi dalam darah. Ini angka yang dikemukakan dan 38.6 peratus daripada 9.6 juta itu mereka tidak tahu bahawa mereka mempunyai kandungan kolesterol yang begitu tinggi dalam darah mereka. Ini satu kedudukan yang menunjukkan bagaimana keadaan tahap kesihatan rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, lebih serius ada 4.2 juta di kalangan mereka yang berusia 16 tahun ke atas dalam negara kita ini mempunyai masalah mental. Saya lihat statistik ini mungkin dipandang kecil oleh sebahagian tetapi rupanya serius tahap kesihatan rakyat dalam negara kita. Berdasarkan kepada statistik kesihatan yang sangat membimbangkan ini dengan masa yang terbatas dalam perbahasan saya pada petang ini...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Temerloh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Saya sudah tentu terpanggil apabila mendengar perbahasan Yang Berhormat Temerloh yang sudah tentu lain daripada perbahasan-perbahasan lain yang saya dengar dua tiga hari ini. Apabila bercakap tentang penyakit-penyakit kronik dengan penyakit-penyakit seperti kencing manis, darah tinggi dan sebagainya, kita semua tahu kerajaan sudah buat macam-macam, ilmu pun sudah

ada macam-macam, hospital pun banyak, pakar-pakar pun banyak, maklumat-maklumat pun banyak.

Akan tetapi saya dengar daripada Yang Berhormat Temerloh tadi, berkali-kali Yang Berhormat Temerloh katakan ramai yang tidak tahu. Bermakna, ramai yang tidak ambil peduli untuk periksa sehingga sudah terlambat. Itu yang kata rebut lima sebelum lima tadi. Seperkara lagi ialah ramai yang tahu tetapi ramai yang tidak buat apa-apa sehinggalah terjadi. Maka, sekali lagi peringatan, rebut lima sebelum lima tadi. Jadi, saya berpendapat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Temerloh, betul kah rupanya manusia hari ini dia tahu tetapi dia tidak mengamalkan? Dia tahu tetapi dia tidak ambil tindakan untuk mencegah. Inilah sebabnya statistik itu meningkat. Apakah pendapat Yang Berhormat Temerloh?

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih. Saya bersetuju sebahagian daripadanya ialah barangkali mereka ada ilmu, mereka tahu tentang apa yang sedang mereka hadapi tetapi gagal untuk mereka mempraktikkan cara hidup yang sihat. Di samping tentu juga kita perlu mempertingkatkan usaha-usaha yang bersepadu daripada pihak kerajaan, pihak kementerian untuk meningkatkan tahap kesedaran berhadapan dengan isu kesihatan yang saya bangkitkan ini.

Nanti saya akan sebut dan juga melihat bagaimana sikap yang sedang dialami oleh rakyat dalam negara kita. Cuma sebelum itu, saya hendak fokus tentang satu topik berkaitan dengan isu kesihatan ini ialah berkenaan dengan isu tabiat pemakanan yang saya kira inilah banyak menyumbang dan juga banyak berkait rapat dengan pelbagai isu dan juga masalah kesihatan yang sedang dialami oleh rakyat dalam negara kita pada hari ini. Oleh sebab itu kalau kita lihat dalam al-Quran al-Kareem. Allah SWT berfirman [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. *'Wahai manusia makanlah oleh mu apa yang ada di atas muka bumi ini, halal dan toyyiban'* Halal dan baik. Dia tidak sebut halal sahaja, dia sebut *halal toyyiban*. Maksudnya, bukan sahaja halal daripada segi hukum tetapi mestilah *toyyiban*, makanan yang baik. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] *'...Dan jangan sekali-kali kamu mengikut jejak langkah syaitan [Membaca sepotong ayat al-Quran] kerana sesungguhnya syaitan itu bagi kamu adalah musuh yang sangat nyata'*.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sebut soal isu pemakanan ini. Saya sebut tadi yang pertama dari ayat yang saya baca tadi, ia bukan sahaja minta supaya kita makan yang halal dari segi hukumnya tetapi juga mesti baik, *toyyiban*. Baik ertinya pada kualiti makanan, termasuklah juga baik pada penyediaan makanan dan yang paling penting disebut juga mestilah tidak mengikut jejak langkah ataupun cara gaya syaitan laknatullah yang mana kita tidak boleh makan benda-benda yang haram, tidak boleh melampau dalam pemakanan kita dan tidak boleh membazir dalam pemakanan. Termasuklah juga

tidak boleh makan makanan-makanan yang merosakkan seperti makanan yang ada racun, ada toksik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit isu di sini ialah isu tabiat pemakanan yang buruk di kalangan rakyat, di kalangan masyarakat kita. Buruk dengan maksud tabiat pemakanan yang tidak sihat dan perkara ini serius dan sangat membimbangkan. Saya lihat terdapat beberapa *point* yang perlu diberikan perhatian dan juga tindakan oleh pihak kementerian ataupun pihak kerajaan. Pertama tadi, gagal untuk mengawal pemakanan seharian untuk mendidik rakyat supaya makan secara seimbang. Oleh sebab apa yang berlaku dalam negara kita ini, rata-ratanya kita tengok pantang jumpa, jumpa makan. Ini saya setuju tadi soal sikap yang memerlukan bimbingan, yang memerlukan motivasi, yang memerlukan satu kesedaran yang berterusan dan mesti digerakkan oleh pihak kerajaan, di samping kepekaan daripada pihak rakyat, itu yang pertama.

■1530

Kemudian, yang kedua ialah mereka tidak tahu bagaimana untuk mengenal pasti kualiti makanan. Sebahagian tahu, sebahagian lagi mereka tidak tahu. Macam mana mereka hendak kenal pasti kualiti makanan itu? Maka ini perlu kepada taklimat perlu kepada *information* yang betul dan juga kempen yang berkesan. Itu yang kedua. Ketiga, ialah tidak ada suasana ataupun *environment* yang mendorong dan membantu mereka untuk mengambil pemakanan yang sihat ataupun menjalani gaya hidup yang sihat. Suasana itu juga penting. Saya lihat beginilah – Dalam kampung-kampung dalam daerah-daerah di negara kita di taman-taman perumahan di FELDA-FELDA, di desa-desa, ada KR1M iaitu Kedai Runcit 1Malaysia untuk menyediakan keperluan rakyat tempatan.

Kalau di tempat yang agak moden sedikit, dia ada 7-Eleven. Hampir setiap daerah ada 7-Eleven. Kalau aspek keselamatan kita ada pondok RELA untuk bantu rakyat supaya mereka selamat. Baik, kenapa tidak dalam soal pemakanan yang sihat ini – Mungkin pihak kerajaan ataupun kementerian menubuhkan kelab atau pusat nutrisi di daerah-daerah ini supaya masyarakat tempatan boleh dibimbing dan diwujudkan satu suasana dan dorongan untuk mereka mengamalkan cara hidup yang sihat. Saya ambil contoh, sebab saya ada pengalaman kebetulan di daerah tempat saya tinggal di Indera Mahkota, Taman Bukit Setongkol berhampiran dengan Masjid Bukit Setongkol di Kuantan. Ada satu pusat dinamakan sebagai pusat Kelab Sarapan Sihat. Kelab Sarapan Sihat, Coach Idaman yang mana dia ni pagi-pagi dia akan panggil orang dan orang pun datang setelah mereka tahu tempat ini untuk menikmati sarapan secara sihat dengan pengambilan makanan yang seimbang. Kemudian mereka diberikan taklimat, diberikan satu kesedaran, satu maklumat berkenaan dengan cara pemakanan yang betul secara percuma.

Hal ini diadakan oleh pihak swasta ataupun individu yang mempunyai kesedaran untuk mengajak rakyat dan masyarakat berubah. Kalaulah, saya fikir, kalaulah ini diangkat menjadi satu program ataupun agenda bersepadu oleh pihak kementerian untuk diadakan di seluruh negara, *insya-Allah* dia akan banyak membantu untuk melahirkan masyarakat dan juga rakyat yang mampu menjalani kehidupan yang sihat, terutamanya yang bermula daripada pemakanan yang sihat. Oleh sebab saya tahu— Kita semua tahu bahawa daripada pemakanan itulah sebenarnya, berakarnya segala macam penyakit. Salah ambil makanan, berlebihan ambil makanan, menyebabkan penyakit yang kronik itu berlaku di dalam negara kita. Itu yang ketiga.

Kemudian, keempat ialah lambakan makanan yang berisiko tanpa sebarang kawalan. Antaranya seperti, makanan segera. Makanan segera yang begitu banyak di dalam pasaran yang tidak terkawal akhirnya sudah tentu ia jangka panjang akan memberikan kesan kepada kesihatan rakyat.

Kelima, ialah berkenaan dengan ilmu pemakanan. Ilmu pemakanan ini sama ada ilmu berkait dengan ilmu pengambilan makanan untuk ambil makanan yang seimbang, makanan yang betul, makanan yang sihat. Kedua ialah ilmu berkaitan dengan penyediaan makanan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Temerloh, pandang speaker. Pandang speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Baik, memang isu ini doktor sahaja yang biasa bahas. Akan tetapi apabila ustaz macam saya cuba bercakap soal isu ini agak gharib dan juga agak asing. Akan tetapi saya ada satu seperti testimoni kenapa perlu saya bercakap perkara ini. Apabila kita terkena sakit, tiba-tiba waktu itulah barangkali Allah berikan kesedaran dan keinsafan untuk kita menghargai makna sihat. Jadi saya percaya semua kita pernah alami sakit. Jadi apabila rasa sakit, kita berdepan dengan usaha untuk memulihkan diri kita daripada sakit ini. Maka akhirnya kita nampak betapa perlunya kita bercakap tentang sihat dan juga kita mengajak supaya wujudnya satu suasana sihat yang sewajarnya dalam negara kita ini.

Baik, saya sambung. Pertama tadi saya sebut tentang cara pengambilan makanan yang betul, supaya menepati sukatan yang seimbang dan seumpamanya sebagai mana yang trend sekarang ini yang sudah *trending* dalam media sosial, “#sukusukuseparuh”. Budak-budak sekarang sudah bercakap soal suku-suku separuh. Mula-mula saya pun berasa tidak faham juga apa makna suku-suku separuh ini, apabila kita *check* kita tengok, rupa-rupanya ia telah *trending* di dalam media sosial sekarang ini ialah berkenaan dengan *portion* makanan yang seimbang untuk melahirkan generasi yang sihat. Itu yang pertama.

Kemudian, ialah ilmu berkenaan dengan penyediaan makanan. Ini termasuklah di kedai-kedai, di restoran-restoran yang mesti kena pantau. Bukan sahaja pantau dari sudut logo halal nya, hukum halal nya tetapi juga mesti pantau pada kualiti penyediaan makanan, bahan makanan dan juga kebersihan makanan, tempat menyediakan makanan tersebut, kedai tersebut, peralatan memasak dan seumpamanya.

Ini adalah perkara yang perlu diberikan pemantauan yang serius untuk menyediakan makanan yang sihat. Lebih terasa bagi saya, beberapa hari yang lalu, saya pergi menziarahi pesakit, kebetulan yang sakit itu ialah ibu saya sendiri di hospital di Kuantan. Apabila tiba masa saya hendak turun ke bawah hendak beli makanan untuk makan tengah hari ataupun untuk ibu saya yang sedang sakit di hospital ini, dengan darah tingginya, dengan kencing manisnya. Saya turun ke bawah pergi ke kantin, pergi ke kafe, pergi ke kawasan jualan gerai makanan di bawah hospital hendak cari makanan yang rendah GI-nya. Rendah *Glycemic Index (GI)* untuk pesakit. Hampir tidak bertemu. Masuk kedai ini tidak ada, masuk kedai ini tidak ada.

Pada saya, sekurang-kurangnya hospital inilah tempat yang terbaik untuk menyediakan makanan yang sihat ini ataupun makanan-makanan yang sesuai untuk kita menjaga dan memelihara kesihatan kita iaitu makanan yang rendah GI. Itu kepada pesakit, apatah lagi kepada orang yang sihat. Seterusnya – Ini sebenarnya *relate* dengan apa yang di kempen oleh Kementerian Kesihatan pun agar kurang mengambil gula, jangan banyakkkan manis di dalam makanan, manis dalam senyuman. Akan tetapi apabila kita pergi ke kedai, hampir tidak ada makanan yang tidak manis.

Seorang Ahli: Betul. Setuju.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Termasuk di kawasan hospital sendiri. Kenapa tidak wujudkan satu galeri ataupun satu gerai ataupun satu koperasi khusus untuk menyediakan makanan yang sihat ini. Kalau pihak kerajaan ataupun pihak berkuasa boleh buat iklan seperti rokok umpamanya, "*Ini kawasan larangan merokok*". Kalau di hospital itu di setiap sudut, di surau ada, di tempat *parking* ada, "*Merokok RM500 kompaun*". Sehingga jaga-jaga ataupun mereka yang mahu menghisap rokok keluar daripada pagar hospital untuk menghisap rokok. Kenapa tidak kepada pemakanan yang sihat ini juga diambil tindakan yang serupa? Ini, pengalaman saya lah. Saya sebut tadi, setidak-tidaknya di hospital kena ada menyediakan makanan yang sihat seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain yang saya hendak sebut di sini, yang saya hendak bentang di sini ialah juga satu data untuk menyokong isu yang saya bangkitkan ini iaitu berkenaan dengan trend pemakanan masyarakat kita di Malaysia yang saya sebutkan sebagai buruk ataupun membimbangkan ini. Contohnya ialah kita lihat kepada isu pembuangan sisa makanan. Isu pembuangan sisa makanan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Setiap hari negara kita menghasilkan 38,000 tan sisa buangan. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rompin.

■1540

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya teruja dan sangat menyokong satu ucapan yang jarang diucap oleh Ahli-ahli Parlimen bahawa negara kita sememangnya menghadapi masalah ini. Kita mudah meluluskan restoran-restoran, kita mudah mendapatkan pekerja asing untuk membuka restoran-restoran yang tidak diperlukan kerana untuk memenuhi selera masyarakat Malaysia. Ini satu budaya bukan sahaja makanan, budaya makanan ini ada hubung kaitnya dengan perkara-perkara lain. Pembukaan restoran-restoran yang tidak dirancang, pembukaan gerai-gerai yang tidak dikawal dan pendatang-pendatang asing makan bersama-sama dengan rakyat kita makanan yang tidak baik.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua beri masa lebih kepada Ahli Parlimen Temerloh ini untuk bercakap soal ini supaya dia memberi satu dimensi baru kepada masyarakat Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin, orang kampung saya itu. Baik, saya sebut tadi melalui data pembuangan sisa makanan dalam negara kita, kita dapat lihat setiap hari 38,000 tan sisa buangan. Daripada jumlah itu, 15,000 tan adalah sisa daripada makanan daripada 38,000 tan tersebut. Jadi saya sebenarnya melihat data ini dikeluarkan oleh SWCorp Malaysia yang mana ia adalah merupakan satu situasi yang menunjukkan bagaimana cara rakyat kita makan. Daripada jumlah sisa makanan tadi, yang saya sebutkan tadi 8,000 tan sisa makanan yang boleh elak dan 3,000 tan daripadanya pula adalah kalau diberikan kepada orang lain boleh jamu dua juta rakyat dalam negara kita. Pembaziran yang begitu ketara hasil daripada cara dan corak makan yang tidak baik dan juga tidak sihat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, daripada data dan fakta inilah kita lihat trend pemakanan rakyat Malaysia dalam soal pemilihan makanan ini sangat tidak berasas. Sangat tidak terurus dan inilah yang menyebabkan rakyat kita tidak sihat dan sangat membazir. Kita tahu tadi membazir adalah merupakan saudara syaitan. Ayat yang saya baca tadi terang Allah sebut jangan kita ikut jejak langkah syaitan ini. Maknanya jangan lakukan pembaziran kerana bukan sahaja bazir dari segi kewangan tetapi juga menghilangkan keberkatan dan kasih sayang Allah SWT kepada kita semua. Tambah-tambah lagi kalau kita lihat daripada sisa makanan tadi, sisa-sisa buangan dalam negara kita ini 50 peratus daripadanya adalah merupakan sisa makanan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi isu yang saya bangkitkan ini mungkin dianggap terpencil oleh sesetengah pihak. Namun pada saya, ia adalah merupakan isu besar dan perlukan komitmen daripada semua pihak untuk melahirkan sebuah masyarakat yang sejahtera. Untuk melahirkan sebuah negara yang sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kerajaan telah pun merangka apa yang disebut sebagai Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan 2016 sehingga 2025. Di sini saya ambil kesempatan untuk dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh mana implementasinya pelan ini. Bagaimana pemakanan rakyat selama ini dipantau melalui Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan yang telah pun ditubuhkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya lihat berbangkit daripada isu yang saya timbulkan ini, ada cadangan di luar sana. Ada cadangan yang telah pun saya pantau supaya restoran-restoran 24 jam dan juga kedai-kedai makanan segera ini hendaklah ditutup pada waktu-waktu tertentu supaya rakyat dapat dididik dengan tabiat makanan yang betul dan juga baik. Bukan sahaja pada sukatan makanan itu tetapi juga pada *timing*, pada masa makan. Supaya tidaklah nanti makan sampai lewat malam. Pukul dua pagi ada lagi orang makan. Ini *style* Malaysia. Saya rasa perkara ini diakui. Mungkin sebahagiannya terlibat dengan kita semua. Saya tidak kata orang lainlah, saya sendiri pun sebelum memahami perkara ini walaupun tahu tetapi sukar untuk mempraktikkannya. Kita pergi ceramah orang politik, ceramah. Pukul 12 baru habis ceramah. Balik tengah malam singgah di *highway* pukul dua pagi nasi lemak lagi. Sudah nasi lemak 24 jam.

Jadi ini satu tabiat yang saya dengan ini menggesa supaya pihak kerajaan mengambil satu langkah pendidikan yang tegas supaya isu ini bukan hanya kita bahas dalam Parlimen ini, ataupun bukan hanya sekadar melalui Kementerian Kesihatan, melalui brosur-brosurnya yang dihantar kepada rakyat melalui klinik-klinik kesihatan ataupun hospital. Akan tetapi biarlah pendidikan tentang pemakanan yang sihat ini dapat dipergiatkan dengan begitu gigih.

Kalau boleh bawa masuk sebagai satu *syllabus* di peringkat sekolah sebagaimana dilakukan oleh negara-negara maju yang lain. Bawa topik ini ke masjid dan surau. Mungkin para *assatizah* kita boleh mula bercakap bukan sahaja soal sembahyang, puasa, haji, zakat tetapi juga soal pemakanan yang sihat berdasarkan kepada ayat tadi *halalan toyyiban* tadi supaya kita dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera. Di samping itu, saya sarankan tadi supaya kerajaan ambil perhatian kalaulah boleh wujudkan pusat-pusat komuniti kita ataupun kelab-kelab pemakanan sihat ini di komuniti kita dan itu saya rasa lebih berkesan dan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya jika ramailah pemimpin dan juga rakyat dalam negara kita ini sakit, sebetulnya kerajaan juga yang terpaksa membelanjakan kos yang tinggi untuk menampung kos rawatan, kos ubat-ubatan dan sebagainya. Kita pun tahu

antara perbelanjaan kerajaan ini, 10 hingga 19 peratus adalah belanja di sektor perubatan ini. Jadi maknanya kos begitu tinggi. Jadi kalau rakyat kita sihat, *insya-Allah* kita dapat mengurangkan kos ini. Juga akhirnya tidaklah lahir golongan oportunistik yang memperdagangkan industri kesihatan ini mengambil kesempatan di atas penderitaan rakyat dengan mereka eksploit suasana ini, rakyat yang sakit memang mereka tidak banyak pilihan. Mereka datang jual ubat dengan testimoni macam-macam. Jadi orang sakit ini, nampak orang jual ubat dia beli sahaja tanpa mengira kualiti apa semua sekali. Hendak ke hospital *queue* bukan main panjang. Hospital pun begitu ramai. Saya tengok hospital sekarang ini sudah jadi macam *shopping mall*, begitu ramai. *Parking* pun payah, ramai orang sakit dan tentunya kos pun tinggi walaupun hospital kerajaan tidak lepas juga daripada kos yang terpaksa ditanggung.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu baru kita cakap soal aspek kesihatan itu. Belum lagi kita bercakap saingan di peringkat antarabangsa. Bagaimana kita hendak bersaing dengan masyarakat antarabangsa menuju status negara maju kalau rakyat kita, pemimpin kita ramai yang sakit. Jadi saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan, pihak kementerian dan pihak pemimpin-pemimpin masyarakat, Ahli-ahli Parlimen dan seluruh rakyat semua dalam negara kita ini dengan kita mengangkat satu tema...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:...Bahawa kesihatan adalah juga merupakan sebuah perjuangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, boleh mencelah?

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Masa saya sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis masa ya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Okay, all right.*

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

3.48 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk berbahas kali yang terakhir mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hmm.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak hendak bertanding sudah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Mungkin akan datang saya baru ada di sini lagi. *[Ketawa]*

Berbanyak-banyak kesyukuran dan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Dewan Parlimen penggal yang keenam pada hari Isnin yang lalu. Saya juga bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Temerloh, ucapan yang begitu hebat. Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Saya pun terharu dengan ucapan Yang Berhormat Temerloh.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan *congratulation* kepada semua wanita sempena Hari Dunia Wanita hari ini termasuk isteri Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hari Wanita Sedunia Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, wanita dunia. Terima kasih. *[Ketawa]* Kebetulan, secara kebetulan. Saya terus kepada titah ucapan itu kita bagi rakyat negeri Sabah sungguh menyambut baik dan bersetuju bahawa kerajaan hari ini yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita cintai adalah kerajaan yang berjiwa rakyat dan sungguh komited untuk memperkuatkan ekonomi negara kita.

■1550

Walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu, Kerajaan Barisan Nasional yang sungguh komited untuk melaksanakan dasar-dasar transformasi fiskal...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:...serta – ini baru mukadimah, kacau. Nanti saya bagi ruang, sabarlah dulu sahabat saya. Duduk dulu, nanti saya habis.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Hari Wanita.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Habis ini saya bagi. Jangan susah saya orang baik. Serta pengurusan wang negara yang sungguh mampan dan hutang negara terkawal dan terurus begitu baik sekali, sistem penyampaian kerja yang begitu cekap untuk Malaysia dalam kelompok aman 20 negara yang teratas.

Saya sebagai wakil rakyat dari Sabah mengalu-alukan saranan dalam Titah Diraja itu bahawa penurunan kuasa Kerajaan Pusat atas perkara yang tertentu untuk membolehkan keputusan segera kepada agensi-agensi dan kementerian-kementerian di negeri Sabah dan Sarawak ke atas program-program dan projek-projek untuk rakyat Sabah dan Sarawak. Saya ini saya rasa rakyat negeri Sabah akan begitu meriah, nadi parti rakyat Sabah begitu terbuka. Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih kawan saya Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat sedikit penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya selaras dengan Hari Wanita Sedunia seperti di usul saya 17 dan 18 khususnya di mana ramai wanita menderita bila ada isu penukaran agama. Ramai di antaranya adalah ibu-ibu, anak-anak perempuan mereka yang sangat menghadapi krisis ini.

Saya telah – sebenarnya sebelum ini Yang Berhormat pun ada menyokong perkara ini pada tahun dahulu. Akan tetapi saya hendak pengisytiharan hari ini kerana hari ini hari istimewa, adakah Yang Berhormat setuju atau bantah bahawa keperluan untuk membawa rang undang-undang untuk menentukan bahawa kes yang diputuskan di Mahkamah Persekutuan pandangan itu patut menjadi undang-undang di negara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya. Soal wanita ini memang kami bersetuju. Apa keputusan daripada mahkamah itu kita mesti hormati sebab itu mahkamah. Kerajaan Barisan Nasional sedang meneliti perkara yang sedemikian dan bukan sahaja berasaskan daripada tohmahan ataupun yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang tetapi kita pun ada perasaan seperti begitu juga. Jadi kita memang memerhati. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun prihatin dengan keperluan sedemikian. Kita sudah pun meminta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meneliti perkara yang disebutkan Yang Berhormat tadi. Kalau dalam bahasa Islam, *Insyah-Allah* kita akan lakukan apa yang sepatutnya dibuat. Itu kita punya harapan. Saya harap perkara ini dapat juga masukkan dalam manifesto dalam Barisan Nasional. Jangan masukkan dalam manifesto kamu sebab itu kami punya perjuangan daripada rakyat Negeri Sabah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Putatan, sebenarnya kebetulan malam ini pada pukul lapan malam Pakatan Harapan akan melancarkan manifesto. Satu di antaranya adalah kalau kita mengambil kerajaan untuk menghapus *unilateral conversion* dan mengambil kira semua yang terdapat di kes Indira Gandhi. Nombor dua Yang Berhormat, saya sedihlah Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau hendak masakan untuk memperkasakan perkara yang saya bangkitkan takkan dari tahun 2009 Yang Berhormat, bila perkara mula-mula dibangkitkan di Parlimen ini di mana *Cabinet committee* telah membuat keputusan untuk membanteras *unilateral conversion* tidak cukup masa kah lagi? Berapa lagi mahu? Apa lagi mahu?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, saya faham lah itu Yang Berhormat. Kami sedang laksanakan itu Yang Berhormat. Tidak perlu pembangkang yang buat, kita juga rakyat yang mewakili rakyat bukan pembangkang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau kita tidak buat, langsung tidak jadi apa-apa. DAP tidak membawa perkara ini ke mahkamah, *nothing would happen*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kami sedar perkara ini memang penting. Tidak perlulah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekarang sudah sembilan tahun. *You are sleeping, every MP's is sleeping*, sembilan tahun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kami tidak pernah tidur bukan macam...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Please*-lah, sembilan tahun tidak cukup Yang Berhormat? Kalau saya, katakanlah saya tidak, saya membawa kes itu *pro bono* Kalau kes itu tidak bawa ke mahkamah, keputusan ini mustahil untuk kita capai.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sudah Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Asas dia Yang Berhormat, Yang Berhormat mesti berkata saya sokong tetapi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *You* jangan ganggu *floor* saya Yang Berhormat. Habis tadi banyak isu rakyat mahu dengar ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sengaja, Yang Berhormat Putatan, saya sengaja tidak tegur Yang Berhormat Putatan fasal tadi awal tadi Yang Berhormat Putatan kata Yang Berhormat Ipoh Barat sahabat Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, sahabat. Saya sudah bagi laluan sama sahabat ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Lawan tetap lawan tetapi sahabat juga.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya bagi pihak rakyat Sabah dan Sarawak sungguh berbangga dan berterima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas segala bantuan dan persetujuan beliau kepada semua permohonan dan permintaan rakyat Negeri Sabah. Untuk menceriakan rakyat kami ini banyak lagi yang kita pohon termasuklah kawasan Beluran. Banyak lagi kita minta. Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu baik hatinya. Semua permohonan kita dibagi. Antara Parlimen terbesar peruntukkan yang dia bagi, Menteri ada di sini Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sendiri turun di Putatan untuk merasmikan tebatan banjir, peruntukkan yang begitu terbesar di negara kita.

Betul, ini saya tidak bohong. Jadi Pan Borneo, dua Pan Borneo di *plus* satu lagi, tiga Pan Borneo yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putatan. Ini tidak bangga dengan Kerajaan Barisan Nasional? Oleh sebab itu rakyat di

Kota Kinabalu, rakyat di Penampang sudah muak dengan pembangkang. Janji-janji yang kosong wakil-wakil rakyat yang gagal seperti mana yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat Shah Alam tadi seorang wakil rakyat yang bermain wayang, bersandiwara di dalam Dewan ini kononnya dia yang membawa pembangunan di Shah Alam.

Minta maaf lah pembangunan di Shah Alam semua dilaksanakan oleh pihak Barisan Nasional. Wakil Shah Alam dia tiada sini, minta maaf saya. Tengok apa pembangunan dalam Barisan Nasional. Apa keadaan di Penampang? Apa jadi di Kota Kinabalu? Apa sudah jadi di Sandakan yang dipegang oleh pembangkang? Rakyat sudah muak, muak sudah Yang Berhormat Seputeh. Jadi rakyat sana yang dulu penyokong kuat DAP berhubung kepada saya tidak mahu lagi undi DAP. Ini dengar, mereka tinggal di kawasan ini tidak undi, dia akan undi dengan Barisan Nasional.

Jangan buang masa di Sabah Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Seputeh, jangan buang masa kamu di Sabah sebab masyarakat kaum Tionghoa sana tidak undi DAP lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu sekarang di Sabah itu angin perubahan sangat kencang sekarang. Yang Berhormat Putatan mungkin tidak selamat lagi. Jadi mungkin ada ubah di Sabah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tidak bagi laluan. Nanti saya bagi kamu laluan. Saya tahu saya baik dengan Yang Berhormat. Nanti saya bagi Yang Berhormat laluan kemudian. Biar saya habiskan dulu, biar saya habiskan dulu.

Semua janji Barisan Nasional kepada PRU13 Yang Berhormat Seputeh dengar ini. Semua telah ditunaikan dan ditepati. Itulah slogan kata kita "*Janji ditepati*" itu Kerajaan Barisan Nasional. Ada juga yang bukan dalam janji tetapi dilaksanakan juga, yang minta secara spontan pun kena bagi. Rakyat di Sabah begitu meriah. Betulkan Yang Berhormat Tawau? Yang Berhormat Tawau setuju. Yang Berhormat Menteri sendiri. Dalam kawasan saya, dalam masa satu tahun ada enam Menteri penuh lawat kawasan saya termasuk Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Penampang dan juga kawasan-kawasan bersekali. Ini rakyat Sabah telah begitu meriah dengan Kerajaan Barisan Nasional.

Minta maaf lah DAP dan PKR tidak boleh pakai lagi di Sabah, rakyat dengar ini. *So, thank you* kepada Perdana Menteri, *we love you*. Bagi lagi. Kalau cerita PRU14 ini ramailah keluar daripada yang berhibernasi dulu. Ya Yang Berhormat Seremban, dulu dalam lubang tidur sekarang keluar semua hendak beria-ia, berfoya-foya keluar mahu jadi calon parti ini, parti itu. Siapa rakyat yang percaya pembangkang yang berkecai ini,

bercelaru. Betul Yang Berhormat Temerloh, berkecai. Semua mahu jadi calon. Nanti tidak kena bagi jadi calon bertumbuk, bergaduh, bertendang nanti.

So, I advise pembangkang don't waste your time, don't waste your money in Sabah.

■1600

Banyak lagi parti yang timbul macam kritikan kepada kerajaan. Macam-macam kritikan yang remeh-temeh, sampah tidak pungut, lubang jalan *diviralkan*. Itu perkara yang remeh-temeh. *Sorry* lah, *I am sympathizing with the* pembangkang. Isu-isu yang diutarakan, *diviralkan* memang banyak penipuan, temberang, pembohong. Orang Sabah bilang *pembuyuk...*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Putatan, hendak minta pandangan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Pembuyuk* nombor satu. Penipu, main wayang, itu sahaja kerja dia. Mengelirukan rakyat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, dia kena berdoa duduk di Jasin, kena doa untuk lubang jalan itu diisikan oleh PBT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Putatan hendak beri jalan, Yang Berhormat Putatan? Hendak bagi Yang Berhormat Seputeh?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, okey, saya bagi jalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan mesyuarat]

Puan Teresa Kok Suh Sim Seputeh]: Saya tanya apakah pandangan Yang Berhormat Putatan, sebab Timbalan Menteri Pengangkutan, dia kena duduk atas jalan kerana itu lubang jalan tidak diisi oleh kerajaan? Jadi Yang Berhormat Putatan kata pembangkang ini main *social media* cakap pasal longkanglah, jalanlah yang kita selalu bangkitkan, apa komen Yang Berhormat Putatan terhadap Timbalan Menteri yang juga kena berdoa dan keluar dalam *social media* baru lubang jalan itu diisi. Apakah pandangan Yang Berhormat? Ini di negeri Barisan Nasional, Melaka.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Seputeh sudah berada dalam Dewan ini berapa penggal? Masih lagi tidak faham-faham. Yang Berhormat Seputeh mahu kawasan-kawasan dibangun atau tidak? Bila dibangun, lori-lori yang berat itu masuk, itu fasal lah jalan rosak. Itu secara sementara. Apa salah? Siapa

salah? Jadi, kita baiki jalan itu, Kerajaan Barisan Nasional membaiki. Orang yang *berbusiness* untung, senang hati...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia kena guna *Facebook* tahu untuk sampaikan rintihan dia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu kerja pembangkang. Penipu, pembohong, *pembuyuk*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia kena doa, kena ambil gambar, baru itu lubang jalan diisi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia *viralkan* lubang-lubang yang sementara. Ini kerja— sampah daun jatuh dari pokok, dia ambil gambar, majlis daerah tidak buat kerja. Itu kerja kamu. Tidak ada isu yang lain? Itu isu yang kamu permainkan. Cara menipu rakyat, mengelirukan rakyat. Janganlah begitu. *Be mature* lah. *You already in the Dewan so many years*, dengan izin. *Be mature, don't viral* barang-barang pembohongan itu

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, sila.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Putatan, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Putatan. Seronok juga ini boleh bertanya dengan Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan setuju atau tidak dengan saya, apa yang dibuat oleh kerajaan ini, kalau dia mendapat maklum balas daripada pihak bawah, daripada rakyat, dia terus buat, sebab kita mendengar suara rakyat. Itu daripada dahulu, dia bukan lima tahun sekali. Bila lima tahun, alih-alih terkejut sebab lama sangat tidak balik kawasan, tengok ada pula wakil rakyat tersebut.

Tidak macam pembangkang, apa yang dibuat, dia ambil gambar, dia timbulkan fitnah, kemudian dia menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional sahaja. Apa pendapat Yang Berhormat Putatan mengenai perkara ini?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih. Itu perkara yang sebenar. Saya setuju dan masuk dalam teks ucapan saya. Jadi Yang Berhormat Arau pun tersenyum.

Ahli Yang Berhormat dari pihak yang di sana, dengarlah Yang Berhormat sahabat-sahabat di sebelah sana. Malaysia ini antara negara yang terbaik, termaju, termakmur di rantau Asia. *My friend* Yang Berhormat Temerloh, *top* Malaysia dengan Singapura. *You deny that, you* nafikan ini, dengan izin? *You deny?* Janganlah bilang Kerajaan Barisan Nasional ini yang dipimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, Kerajaan Malaysia ini akan bankrap. Itu kenyataan yang tidak berpendidikan. Tidak berpendidikan. Pergi

sekolah lah. Tengok rekod. Macam mana kamu ini? *Bikin* malu sama Malaysia. Kamu yang *kasi* malu— tidak pandai. Yang Berhormat Arau tolong ajar dia orang.

Ya, apa lagi? Kenampakan kelemahan yang serius, pembangkang *created many lies*, penipuan seolah-olah teruk betul negara kita ini. Teruk, miskin. Ha, tengok sahabat saya Yang Berhormat Temerloh, dia bagus, cadangan yang baik. Betul, Yang Berhormat Temerloh, cadangan untuk rakyat yang semua sihat, itu betul. Bukan macam Yang Berhormat Lanang itu, bapa dia ahli BN, tetapi anak dia pembangkang. *[Dewan ketawa]*

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Apa masalahnya Yang Berhormat Putatan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Salah otak ini yang orang baru semua ini.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Apa masalahnya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Bapa dia orang kuat Barisan Nasional tetapi anak dia pembangkang. Macam mana?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Adakah itu cerita palsu?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Maksud dia BN sudah tidak ada masa hadapan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sama juga ini Yang Berhormat Bandar Kuching, bapa dia dulu SUPP.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hei, jangan bawa cerita bapalah, datuklah...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]* Duduklah Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bapa kamu bukan orang Malaysia. Jangan sebut macam ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduklah Yang Berhormat Bandar Kuching. Aku puji sama kau ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Debat, debat baik-baik. Debat atas polisi. Jangan cerita fasal bapa anak semua masuk. Apa ini?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu kawan saya. Dulu kawan saya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini sikap Barisan Nasional Sabah kah? *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, sudah, sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching. Kita pun sahabat juga, Yang Berhormat Bandar Kuching. Tapi itu cara sahabat yang bercakap. Sama juga Yang Berhormat Lanang, bapa dia kawan baik saya. Dia kuat sama BN, tetapi anak dia sudah, tidak tahulah, ada nakal sedikit. *[Disampuk]* Itu tidak salah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak ada *point*, duduklah. Jangan buang masa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kau nampak ini? [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mahu cerita bapa, cerita datuk, nenek semua masuk ini. Apa ni?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Putatan, tidak ada masalah kah di Putatan, jadi mahu bincang tentang bapa sayakah dan bapa Yang Berhormat Bandar Kuching? [*Ketawa*] Tiada masalah langsung di Putatan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ada, ada lagi masalah. Itu sebab kita akan bertanding lagi untuk meneruskan perjuangan kita dalam Barisan Nasional.

Kita akan pergi TN50. Yang kita pentingkan sekarang seperti Yang Berhormat Temerloh cakap, golongan-golongan muda ini kita perjuangkan nasib mereka. Jadi dalam— saya ingin berpindah kepada kawasan saya ya.

Dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, baru hari Sabtu yang lalu, saya menghadiri AGM, mesyuarat tahunan PIBG sekolah di kampung saya. Saya nampak sekolah-sekolah di Putatan semua ada tempat bumbung, tempat dia orang bermesyuarat, tempat dia orang berkumpul tetapi kecuali di sekolah kampung saya, tiada. Saya mohon daripada kerajaan— jikalau Yang Berhormat Arau boleh tolong saya, tolong. Itu satu sahaja sekolah yang memerlukan bumbung. Sebab kalau pagi-pagi hujan, kesian budak-budak. Padang pun kadang-kadang banjir. Saya mohonlah supaya sekolah ini dapat diberi bumbung.

Juga dalam keadaan sedemikian, saya juga menyentuh fasal *universal welfare* kepada anak-anak masyarakat yang miskin tegar bukan sahaja di kawasan Putatan tetapi di Sabah dan Sarawak. Ramai lagi ibu bapa yang miskin tegar terutama sekali daripada luar bandar. Jadi, kalau dia orang menduduki peperiksaan Darjah 6 atau UPSR *we called it*, dia memang tidak dapat bertanding dengan penuntut-penuntut yang berada di bandar. Dia memang terpinggir.

Jadi saya mencadangkan kepada pihak kementerian memberi satu peruntukan yang khas untuk mewujudkan pusat tuisyen kepada murid-murid yang dikenal pasti sebagai anak murid yang ibu bapanya miskin. Ini satu langkah untuk mendekati nadi hati rakyat di kawasan luar bandar. Yang Berhormat Arau pun saya fikir ada juga luar bandar.

■1610

Jadi kita buat di kawasan pejabat Parlimen. Kita adakan tuisyen di mana Ahli Parlimen juga kadang-kadang berada di sana berjumpa dengan penduduk. Bahagikan

dengan kelas daripada sekolah rendah dan sekolah menengah. Yang ini saya bagi usaha selain daripada kesihatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Temerloh tadi.

Jadi saya juga menyahut permintaan. Dengar sini, Yang Berhormat Bandar Kuching. Permintaan daripada masyarakat Tionghoa seperti juga di Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak meminta supaya Kerajaan Pusat— kalau di Semenanjung dia tidak mahu *recognize* UEC, bagilah kepada Sabah dan Sarawak. Bagilah *recognition* ini kepada peperiksaan UEC ini. Ini kerana ini permintaan. Bila saya *walk about* dengan kedai-kedai, itu sahaja perkara yang disebut oleh masyarakat Tionghoa di kawasan saya.

Saya rasa ini juga nadi masyarakat Tionghoa di Sabah. Saya tidak mahu bercakap untuk Semenanjung tetapi kalau Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak sudah meminta perkara yang sedemikian, kami juga turut bersama untuk memohon hati baik dari pihak kementerian supaya peperiksaan ini dapat *direcognize* sebab ini telah pun *direcognize* dengan negara-negara maju seperti United States, Great Britain, Australia dan negara-negara yang maju untuk peperiksaan UEC. Bukan maksud saya anak saya belajar bahasa Cina. Bukan pasal itu. Akan tetapi ini kehendak masyarakat Tionghoa. Kalau boleh dikecualikan.

Satu lagi permintaan di sini adalah satu antara sekolah di Kota Kinabalu itu dijadikan kepada *English medium class* supaya ramai ibu bapa yang tidak dapat tempat di universiti tempatan terpaksa menghantar anak-anak mereka ke luar negara untuk melanjutkan pelajarannya kepada pihak universiti. Jadi saya berharap S.M. La Salle di dalam kawasan saya dijadikan sebagai *English medium school*. Akan tetapi syaratnya jangan lupa Bahasa Malaysia. Ini wajib. Bahasa Malaysia mesti diajar dan mesti lulus sebelum lulus peperiksaannya. Bersetuju dengan saya, Yang Berhormat Bandar Kuching?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa itu?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *You* diam sahaja. Takutkah? Aku panggil ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita dalam manifesto kita sudah ada. Sudah ada. Kalau kita ambil alih kerajaan, ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kau *copycat* daripada Barisan Nasional ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payah minta-minta sini, minta-minta sana.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu kamu, semua manifesto kamu *copycat*. Tidak malukah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekiranya kita ambil alih Kerajaan Pusat, kita akan laksanakan ini *English school* di Sarawak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tidak boleh. Mana boleh macam ini punya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu *recognition of UEC*, semua akan diadakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak boleh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payah minta-minta sekaranglah. Sudah dua bulan sahaja. *Only two months...*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak pernah sentuh pun dalam Dewan, Yang Berhormat Bandar Kuching soal ini. Saya tidak pernah dengar Yang Berhormat Bandar Kuching sentuh perkara yang sedemikian. Saya ada sentuh...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hey, baca *Hansard* betul-betul. Baca *Hansard* betul-betul. Tidak baca *Hansard* jangan cakap sia-sia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya juga mengambil kesempatan ini berterima kasih oleh kerana Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar berada di sini. Rakyat di Putatan ini sungguh berterima kasih. Saya mahu merekodkan satu lagi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri kerana sendirinya turun padang berjumpa dengan rakyat di Putatan. Itu satu lagi permohonan saya, Yang Berhormat Menteri. Rumah-rumah yang terkena dengan pembesaran sungai itu, habis saya kena kutuk, Yang Berhormat Menteri. Habis saya. Minta tempat, tidak pindah.

Jadi kalau mengharapkan pihak kementerian dapat menyelesaikan perkara dengan cepat kerana sekarang kontraktor sedang melaksanakan pembesaran itu dan rumah-rumah yang di tepi sungai itu selalu kejar pejabat saya untuk meminta bantuan dan saya harap ini dapat diselesaikan. Belilah satu tanah. Buatlah satu flat untuk mereka. Satu ekar, dua ekar cukup untuk rumah-rumah yang terlibat dalam pembesaran sungai ini. Ini menjadi masalah saya dalam pilihan raya ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat bantu saya. Itulah sahaja saya minta.

Projek Pan Borneo Kementerian Kerja Raya (KKR). KKR tidak ada di sini. Kalau Yang Berhormat Arau boleh bantu saya juga. Rumah-rumah yang terkena laluan Lebuhraya Pan Borneo ini, tolonglah. Bagilah pampasan dahulu. Bagilah pampasan 50 peratus lebih daripada *market value* supaya senang hati mereka. 50 peratus atau 30 peratus lebih kerana harga tanah ini semakin hari, esok harga tanahnya naik. Jadi saya mohon kepada pihak kementerian yang berkenaan di mana pampasan kepada rumah-rumah atau tanah-tanah orang kampung itu bayarlah dahulu sebelum kontraktor masuk. Percepatkan itulah. Itu sahaja permintaan saya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mohon pusat warga emas ini dapat ditempatkan di Putatan dan jangan diletakkan di Kota Kinabalu. Kalau boleh adakan satu bangunan khas untuk warga emas ini sebab ini warga-

warga kesayangan kita. Kita terpaksa pelihara terutama sekali warga-warga yang bersara ataupun berpencen supaya ada tempat *bonding area*. Boleh juga main rekreasi, sukan dan sebagainya. Mereka selalu ada karaoke, menyanyi pada waktu malam kerana kalau dibiarkan berseorangan di rumah, kadang-kadang mereka bercakap dengan bunga, kadang-kadang bercakap dengan kucing mereka. *Ke-boring-an*, keseorangan. Inilah satu pendekatan yang banyak dan golongan-golongan ini memerlukan pusat PAWE di kawasan Putatan.

Kalau boleh, saya memohon pihak kementerian untuk mewujudkan keusahawanan kepada para pesara ini. Pesara yang pencen, yang boleh buat apa jenis benda-benda yang dapat di-*market*-kan, dijual dan dipasarkan. Benda-benda yang dilaksanakan oleh golongan-golongan yang berpencen ini yang mempunyai banyak kemahiran yang boleh dilahirkan dan kita juga boleh mewujudkan satu pusat untuk pengajaran seperti melukis. Dulu saya pernah melawat kawasan di Korea, di China di mana gadis-gadis yang sudah berumur asyik melukis dan lukisan itu kita boleh nampak dalam kedai kita, dieksport kepada Kaison. Ini lukisan daripada ibu-ibu tunggal misalnya, kepada golongan-golongan wanita yang berumur, kerja yang ringan, yang produk mereka ini boleh dijual. Mereka pun mendapat sumber pendapatan daripada itu.

Selain daripada yang saya katakan BAKAT, isteri-isteri kepada angkatan tentera boleh berkolaborasi dengan pusat ini supaya mereka mendapat hasil pendapatan. Jadi inilah pertubuhan kebajikan BAKAT angkatan tentera. Berdekatan dengan kampung saya. Boleh bekerjasama sama-sama dengan usahawan wanita, usahawan belia dan usahawan... Belum habis. Banyak lagi sini. Sudah habiskah? Banyak lagi yang saya akan sentuhkan. Ini belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa sudah cukup.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi saya mohonlah pihak kementerian melihat perkara ini. Saya mohon satu bangunan khas untuk pusat ini diadakan di Putatan. Sekian. Banyak lagi. Boleh sambung sikit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Serdang.

4.19 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya hendak ucapkan atas peluang ini untuk membahaskan usul Junjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya minta izin kawan-kawan di sebelah sini dan juga di sebelah sana. Oleh kerana saya ada banyak isu yang hendak dibahaskan, saya tidak sempat hendak beri laluan untuk mencelah dan saya rasa kebanyakan isu yang saya hendak bangkitkan itu adalah isu teknikal. Jadi tidak ada kesempatan untuk membuat huru-hara.

Saya hendak mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa isu yang akan memberi gambaran yang lebih tepat tentang rekod Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan menjelang PRU ke-14 supaya rakyat jelata boleh mengetahui rekod Barisan Nasional yang sebenarnya.

Isu yang pertama yang saya hendak bangkitkan ialah tentang rekod BN dalam pengangkutan awam, khususnya di Lembah Klang.

■1620

Saya tidak menafikan bahawa beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan BN seperti membina MRT Line 1, dari Sungai Buloh ke Kajang ataupun SBK telah menambah jumlah penumpang MRT di Lembah Klang. Saya juga tidak menafikan bahawa MRT telah dan sedang memberi manfaat kepada penduduk di beberapa tempat dalam kawasan saya di Serdang termasuk Bandar Tun Hussein Onn, Cheras Batu 11 dan juga Jalan Bukit di Kajang. Akan tetapi dari segi jumlah penumpang ataupun *ridership*, ada banyak lagi kelemahan yang belum lagi ditangani dan saya hendak bagi beberapa contoh supaya Menteri boleh jawab pada waktu perbahasan. *Ridership* laluan MRT SBK ini mencapai rekod sebanyak 135,000 pada bulan Ogos lalu iaitu pada tahun 2017.

Akan tetapi sasaran MRT ialah 150,000 penumpang setiap hari dan kapasiti MRT sebenarnya 400,000 setiap hari. Jadi, rekod 135,000 yang dicapai oleh MRT ini saya hendak bagi tahu Dewan yang mulia ini, dicapai apabila MRT masih baru lagi dan diskaun sebanyak 50 peratus juga diberi pada waktu itu iaitu di bulan Julai dan Ogos pada tahun lepas. Tetapi apabila tempoh diskaun ini tamat pada akhir bulan Ogos, jumlah penumpang harian untuk laluan MRT SBK jatuh kepada 103,000 sahaja pada bulan September 2017. Perkara yang sama juga berlaku di laluan LRT Kelana Jaya dan Ampang di mana penumpang seharian jatuh dari 262,000 pada bulan Ogos ke 219,000 sahaja pada bulan September untuk laluan LRT Kelana Jaya dan jatuh dari 196,000 pada bulan Ogos ke 157,000 pada bulan September untuk laluan LRT Ampang.

Saya juga hendak maklumkan bahawa prestasi Monorail teruk sekali dari segi penumpang seharian di mana penumpang seharian jatuh daripada 56,000 pada bulan Januari 2017 ke 34,000 sahaja pada bulan September 2017. Ini menunjukkan bahawa

sebahagian besar daripada pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang adalah *price sensitive*, dengan izin dan harga LRT dan MRT sekarang terlalu mahal. Saya beri satu contoh, seorang yang menggunakan LRT dari Stesen Puchong ke Bandar Sunway melalui BRT ataupun Bas Rapid Transit akan dikenakan kos sebanyak RM9 untuk perjalanan satu hala. Kos perjalanan dua hala lebih kurang RM18 dan tambah lagi kos minyak dan *parking* individu ini terpaksa membelanjakan sebanyak RM25 setiap hari.

Jadi saya rasa untuk mengatasi isu kos pengangkutan ini, Pakatan Harapan dalam bajet alternatif yang telah dibentangkan dan dibangkitkan tahun lepas, Pakatan Harapan bertekad untuk memperkenalkan kad pengangkutan awam RM100 sebulan untuk membekalkan perjalanan yang tidak terhad ataupun *unlimited rides*. Sebelum kenaikan harga LRT dan KTM pada bulan Disember 2015 memang adanya kad seperti ini dibekalkan oleh Rapid KL dengan harga RM150 tetapi selepas harga dinaikkan, bekalan kad ini dihentikan.

Jikalau PH menjadi kerajaan selepas PRU ke-14, pihak kami tentu akan memperkenalkan kad pengangkutan awam RM100 ini yang akan membantu mengurangkan kos perjalanan pengguna pengangkutan awam dan pada masa yang sama menambahkan lagi pengguna yang menggunakan semua jenis pengangkutan awam di Lembah Klang, tidak kira Bas Rapid Kuala Lumpur ataupun LRT ataupun MRT ataupun KTM Komuter.

Pada masa yang sama, jumlah penumpang seharian KTM juga telah jatuh dari 137,500 pada suku satu pada tahun 2015, jumlah penumpang harian telah jatuh ke hanya 99,000 pada suku tiga tahun 2017. Saya tersedar bahawa projek menaik taraf KTM Komuter iaitu *Klang Valley Double Tracking* ataupun KVDT, *upgrade* sedang dilakukan dan dijangka akan selesai pada tahun 2019. Akan tetapi semasa projek naik taraf ini dijalankan, kekerapan kemalangan dan juga *derailment* kereta api telah bertambah dengan kadar yang memang membimbangkan.

Terdapat 23 insiden kemalangan dan *derailment* yang berlaku dari mula tahun 2016 sehingga bulan Februari tahun ini, termasuk satu *derailment train* kargo yang sangat serius yang berlaku di Stesen Bank Negara dekat Parlimen pada 23 November 2017. Ini mengakibatkan perkhidmatan KTM dan KTM Komuter terganggu selama hampir 2 minggu.

Saya tidak pasti sama ada projek KVDT ini akan mengurangkan kadar kemalangan dan juga *derailment* tetapi saya dimaklumkan bahawa pihak SPAD telah menyiasat insiden *derailment* ini Stesen Bank Negara dan saya minta Menteri untuk mendedahkan hasil siasatan SPAD dan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak KTM untuk mengurangkan insiden seperti ini daripada berlaku sekali lagi. Saya juga ingin mengingatkan Menteri bahawa kami masih menunggu penubuhan Lembaga

Keselamatan Pengangkutan Malaysia ataupun *Malaysia Transportation Safety Board*, iaitu badan berkanun yang sepatutnya menjalankan siasatan terhadap kemalangan untuk semua mod pengangkutan termasuk kemalangan kereta api. Badan berkanun ini sepatutnya ditubuhkan pada bulan Disember 2016 tetapi sehingga hari ini kita tidak melihat sebarang tanda bahawa rang undang-undang ini akan dibentangkan dalam sesi Parlimen ini.

Pada masa yang sama, projek menaik *infrastructure* KTM telah mengalami banyak penangguhan seperti sambungan jalur Terminal SkyPark daripada Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz iaitu lapangan terbang lama Subang ke Stesen KTM Subang Jaya. Sambungan ini dicadangkan untuk melayani penumpang yang berlepas dari lapangan terbang kos rendah di Terminal SkyPark, di samping itu sambungan ini juga membolehkan KTM kargo untuk membawa kargo baru dari lapangan terbang Subang ke destinasi yang lain. Tarikh siap untuk projek ini dijangka mulanya adalah Februari 2016 tetapi telah mengalami kelewatan.

Setakat ini tiada pengumuman rasmi mengenai penyiapan dan tarikh pelancaran SkyPark Terminal Line ini telah dibuat tapi saya ada tengok dalam *Twitter* KTM Berhad ini ada kemungkinan *Skyline* ini akan dibuka pada bulan Mei nanti. Jadi, saya hendak pengesahan dari pihak kementerian. Pada pandangan saya, KTM adalah seperti anak tiri yang telah diabaikan oleh kerajaan, oleh kerana tumpuan diberikan kepada projek lain seperti MRT, LRT Line 3, ECRL dan *high-speed rail*.

Saya gunakan *Railway Network Access Agreement* yang sepatutnya bermula pada bulan Januari 2018 sebagai satu contoh. Di bawah perjanjian ini, yang akan berjalan selama 30 tahun, semua aset KTM termasuk tanah, landasan kereta api ataupun *rolling stock*, stesen dan *staff quarters* akan diberikan kepada *Railway Assets Corporation* (RAC) ataupun Perbadanan Aset Kereta Api. Prinsip perjanjian ini adalah untuk membolehkan KTM memberi lebih tumpuan kepada aspek operasi dan boleh mengurangkan perbelanjaan dari segi penyelenggaraan aset ataupun *maintenance* seperti *track* dan *rolling stock*. Akan tetapi bukankah KTM terpaksa bayar sewa bulanan kepada RAC untuk menggunakan *rolling stock*, landasan dan juga stesen selepas aset-aset ini dipindah kepada RAC. Saya harap Menteri boleh jawab.

Pada masa yang sama, saya hendak tanya Menteri sama ada hutang KTM yang timbul akibat daripada pembelian *rolling stock* yang baru juga akan dipindah kepada RAC. Seperti contoh, adakah hutang sebanyak 575.5 juta yang dialami oleh KTM untuk membeli 80 kereta api *electrical multiple unit* pada tahun 1990 dan juga 1995 akan dipindah kepada pihak RAC. Saya juga minta Menteri memberi penjelasan sama ada permohonan KTMB untuk menanggungkan pembayaran balik hutang sejumlah RM880 juta ke tahun 2021 akan

diluluskan oleh Kabinet ataupun sama ada hutang ini akan juga akan dipindahkan kepada pihak RAC.

Saya juga minta Menteri memberi penjelasan sama ada perjanjian RNAA ini akan memberi kuasa kepada pihak RAC untuk membenarkan syarikat lain termasuk syarikat swasta untuk memberi persaingan kepada KTM dalam perkhidmatan kargo dan juga perkhidmatan penumpang. Adakah pembukaan pasaran di bawah RNAA akan mengakibatkan pendapatan untuk KTM mengalami penurunan dan seterusnya menjejaskan kedudukan kewangan KTM dari segi kebolehannya untuk terus memberi perkhidmatan *as a going concern*, dengan izin.

Berkenaan dengan ECRL yang diheboh-hebohkan oleh beberapa pihak di sebelah sana, saya minta Menteri untuk memberi penjelasan mengapa kos pembinaan ECRL ini adalah sebanyak RM55 bilion? Memandangkan bahawa berdasarkan laporan EIA dan juga jawapan Parlimen kepada soalan saya tahun lalu, projek ini adalah dengan izin *single track on the double track formation*.

■1630

Maksudnya, hanya satu landasan yang akan dibina di bawah ECRL. Ini tentu akan mengurangkan kapasiti ECRL ini untuk mengambil penumpang dan juga kargo. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan.

Saya juga hendak sentuh isu *smart transportation* yang melibatkan perkhidmatan bas Rapid KL di Lembah Klang. Salah satu masalah saya rasa yang dihadapi oleh pengguna bas ialah jadual bas yang tidak tentu. Banyak masa dibazirkan oleh pengguna semasa mereka menunggu bas. Ini juga adalah satu halangan untuk menggalakkan lebih banyak orang daripada menggunakan perkhidmatan bas awam.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah untuk menyediakan maklumat bas akan sampai ke lokasi yang tertentu. Dengan adanya telefon bimbit pintar ataupun *smartphone*, maklumat ini sepatutnya boleh disalurkan dengan tepat melalui *mobile application* ataupun *apps*. Sebenarnya, semua maklumat lokasi *real time* bas Rapid KL di Lembah Klang, adanya di depoh Rapid KL yang berada di Balakong iaitu di kawasan saya. Saya juga pernah mengunjungi depoh ini. Saya tengok dengan mata sendiri lokasi *real time* yang dipaparkan dalam *billboard* dalam depoh ini. Akan tetapi malangnya maklumat ini tidak disalur secara *real time* kepada pengguna.

Pada bulan Mei yang lepas, tahun 2017, pihak MAMPU telah mengaturkan acara Hari Data Terbuka di premis Universiti Malaya untuk menyaksikan pihak Prasarana berkongsi data *real time* untuk satu bas, bas nombor 789 yang melalui UM. Data lokasi *real time* untuk bas ini kemudian dikongsi melalui aplikasi yang dihasilkan oleh sebuah syarikat swasta iaitu syarikat WRZiT Sdn. Bhd. Selepas acara ini tamat, maklumat yang

dibekalkan oleh WRZiT ini tidak dikemaskinikan ataupun tidak *updated*. Buat masa sekarang pun tidak diberi maklumat yang tepat ataupun *real time* melalui *apps* ini.

Aplikasi pada pandangan saya seperti ini harus dibekalkan oleh pihak Rapid KL sendiri, bukan oleh satu syarikat swasta. Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan satu aplikasi yang dipanggil *PJ City Bus* yang menunjukkan lokasi *real time* untuk semua bas percuma yang sedang berjalan di jalan raya. Kalau Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mahu *download PJ City Bus* ini, buat masa sekarang pun boleh tengok *real time* lokasi untuk bas di MBPJ.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor juga telah melancarkan aplikasi pengesanan lokasi bas *real time* iaitu *Selangor Intelligent Transport System*. Aplikasi ini dapat mengesan lokasi *real time* semua bas percuma Selangorku di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya, Klang, Kajang, Selayang, Sepang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Semua perkhidmatan ini adalah percuma. Tidak payah bayar satu sen pun. Pada masa yang sama, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat seperti nombor plat bas, perhentian bas di sepanjang laluan dan juga anggaran masa ketibaan bas. Semua maklumat ini boleh didapatkan secara *real time*. Saya rasa ini memang menunjukkan bahawa Kerajaan Selangor adalah satu kerajaan yang memang *smart* dan pintar di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Gombak.

Kenapa pihak SPAD tidak memberi arahan kepada Rapid KL untuk membekalkan maklumat lokasi *real time* bas Rapid KL seperti yang dilakukan oleh negeri Selangor? Jadi, saya rasa ini perlu adakan jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang saya tahu, apa yang dibekalkan oleh Rapid KL ataupun Prasarana untuk Lembah Klang sekarang hanya satu *journey planner*. Di mana maklumat untuk laluan bas boleh didapatkan, maklumat untuk laluan LRT dan MRT boleh didapatkan tetapi lokasi *real time* untuk bas dan juga untuk LRT, MRT tidak diberikan kepada pihak pengguna.

Isu yang kedua yang saya hendak bahaskan ialah tentang tenaga boleh baharu (TBB) ataupun *renewable energy*. Walaupun Perdana Menteri telah memberi komitmen yang tegas untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau atau *green house gases* tetapi pada pandangan saya komitmen ini tidak jelas dinampak dari segi tindakan. Berdasarkan jawapan yang dibekalkan pada tahun 2015 kepada saya, pembekalan sumber jana kuasa ataupun *generation fuel mix* daripada arang batu akan naik dari 42 peratus pada tahun 2014 kepada 65 peratus pada tahun 2022 untuk Semenanjung Malaysia. Pada masa yang sama, pembekalan sumber jana kuasa daripada TBB ataupun *renewable energy* dijangka meningkat dari 1 peratus pada tahun 2014 kepada hanya 3 peratus pada tahun 2025. Sasaran TBB ini bercanggah dengan sasaran yang diumumkan

oleh pihak *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) yang jauh lebih tinggi iaitu 11 peratus ataupun 2,080 megawatt menjelang tahun 2020. Saya rasa ini menunjukkan kegagalan Kerajaan Barisan Nasional untuk mempergiatkan lagi pasaran untuk penjana kuasa oleh sumber tenaga boleh baharu.

Saya hendak beri satu contoh. Yang Berhormat Menteri KeTTHA telah membuat keputusan untuk memperkenalkan *net energy metering* ataupun NEM sebagai salah satu cara untuk meningkatkan penjana kuasa elektrik melalui solar PV dan menggantikan *feed-in-tarif* ataupun FiT. KeTTHA telah memperuntukkan hanya 500 megawatt dari tahun 2016 ke 2020 dengan had maksimum 100 megawatt setahun untuk NEM. Ini memang kuota yang begitu rendah dan tidak mencukupi. Akan tetapi malangnya, menurut laman web NEM (SEDA) pada 29 Januari 2018, jumlah kuota NEM yang diluluskan untuk tahun 2016 dan 2017 hanya adalah 8.69 megawatt untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Jadi, kuota 100 megawatt setahun di bawah NEM pun tidak dapat dicapai oleh kerajaan. Ada dua sebab kenapa kelulusan untuk NEM ini begitu rendah. Pertama, kadar di mana kita boleh menjual kembali tenaga yang dihasilkan oleh solar PV terlalu rendah iaitu 31 sen saja *per kilowatt/hour*. Sebagai perbandingan, kadar FIT bermula pada 67 sen untuk pemasangan kurang daripada 4 kilowatt. Pada masa yang sama, kita perlu membeli elektrik daripada TNB dengan kadar tarif berperingkat bermula dengan 21.8 sen untuk 200 kilowatt yang pertama dan selepas itu 33.4 sen untuk 100 kilowatt seterusnya dan selepas itu semua harga adalah lebih daripada apa yang kita boleh jual balik kepada pihak TNB di bawah NEM.

Kedua, sekiranya nilai tenaga elektrik yang dijana oleh sistem solar PV ini dalam sebulan adalah lebih daripada nilai elektrik yang digunakan. Maksudnya *billing amount is net positive*. Jadi, TNB hutang kepada pihak yang menjanakan solar PV ini. Jumlah ini akan dikreditkan saja dalam akaun TNB pengguna. Pengguna ini tidak boleh mengeluarkan kredit ini daripada akaun TNB dan menggunakan wang ini secara tunai untuk membayar sebahagian daripada kos pemasangan sistem solar PV dan kredit ini hanya boleh kekal dalam akaun untuk tempoh 24 bulan. Selepas itu, kredit akan dilucutkan.

Oleh kerana sebab-sebab ini, kadar pulangan untuk pemasangan solar PV di bawah NEM adalah sangat rendah. Ini bermakna bahawa insentif untuk pengguna di Malaysia untuk memasang solar PV adalah sangat rendah juga. Permohonan yang begitu kecil untuk NEM bermakna bahawa syarikat yang menjual solar PV dan syarikat yang memasang solar PV tidak ada *order* yang cukup. Ini juga mengehadkan penambahan pekerjaan hijau ataupun *green jobs* di Malaysia. Isu ini sangat relevan memandangkan keputusan *Department of Commerce* Amerika Syarikat pada 22 Januari untuk meletakkan

tarif baru sebanyak 30 peratus ke atas solar PV yang diimport, di mana solar PV yang berasal dari Malaysia merupakan sumber yang terbesar sekali.

Saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri patut memberi jawapan kepada Dewan yang mulia ini. Saya juga sedar bahawa pihak kementerian telah memberikan kuota kepada beberapa syarikat untuk membina *large scale solar* ataupun *solar farm*. Akan tetapi sejauh mana yang saya tahu, setakat ini satu *solar farm* belum dibina di Malaysia, termasuk *solar farm* di bawah 1MDB Solar yang sekarang dikenali sebagai Edra Global Energy yang diberikan kuota sebanyak 500 megawatt pada tahun 2014. Sampai sekarang *solar farm* 50 megawatt yang dirancang oleh 1MDB Solar di Kuala Ketil pun belum mula dibina. Minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

■1640

Isu yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah tentang isu tol. Saya rasa saya terus sahaja kepada Perjanjian Konsesi Tol BESRAYA yang sebahagian daripadanya terletak di kawasan saya di Serdang. Apa yang ramai orang tidak ketahui ialah kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya boleh mengambil tindakan syarikat konsesi tol berdasarkan perjanjian konsesi jika trafik jem yang berlaku di Lebuh raya BESRAYA adalah serius dan berterusan.

Saya sendiri telah mengkaji perjanjian tol ini di pejabat LLM dan di bawah perjanjian konsesi ini saya mendapati bahawa pihak BESRAYA mesti memastikan tahap perkhidmatan ataupun *Level of Service 'C'* di plaza tol di persimpangan sebelum dan selepas tol. *Level of Service 'C'* bermaksud aliran lalu lintas yang stabil ataupun *stable flow of traffic*.

Akan tetapi pada hakikatnya semasa *peak hour*, tahap perkhidmatan selepas Tol BESRAYA Sungai Besi adalah pada servis 'F' yang merupakan *bumper to bumper traffic*. Menurut perjanjian konsesi ini, jika trafik terus jatuh ke bawah tahap 'C', konsesi tol harus melantik seorang perunding lalu lintas untuk melakukan penilaian trafik. Jika perunding trafik mengesahkan bahawa LoS telah jatuh ke bawah tahap perkhidmatan 'C', maka konsesi mesti memperkenalkan tol fleksibel.

Ini bermakna, semasa waktu puncak, kadar tol mesti dikurangkan sekurang-kurangnya 10 peratus. Ini adalah untuk menggalakkan lebih banyak pengguna menggunakan tol semasa *non peak hours*. Jika pengurangan kadar tol masih belum lagi boleh menambahkan situasi trafik, pemegang konsesi mesti menaik taraf infrastruktur plaza tol dan juga kawasan persekitaran dengan perbelanjaan sendiri. Pada masa menunggu kenaikan infrastruktur tol, syarikat konsesi perlu membayar sejumlah wang yang bersamaan dengan 10 peratus daripada anggaran kos peningkatan kerja setiap bulan sehingga kerja-kerja menaik taraf selesai.

Sebagai satu contoh, sekiranya kerja menaik taraf kosnya berjumlah RM10 juta, syarikat konsesi perlu membayar kerajaan sebanyak RM1 juta sebulan sehingga kerja menaik taraf itu selesai. Akan tetapi malangnya sampai sekarang Kementerian Kerja Raya tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Syarikat BESRAYA walaupun ini adalah termaktub dalam perjanjian konsesi tol.

Jumlah pampasan yang dibayar kepada BESRAYA pada permulaan tempoh konsesi ini sehingga tahun 2015 adalah sebanyak RM77.6 juta. Jadi saya menyeru kerajaan supaya meminta BESRAYA untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Tol Sungai Besi dan denda Syarikat BESRAYA mengikut terma dan syarat perjanjian konsesi selagi masalah trafik ini belum diselesaikan.

Isu yang keempat yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan Sukan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada dua atlet Malaysia iaitu Leo Tan Huong Leong dan juga Muhaizar Mohamed atas pencapaian mereka di Tokyo Marathon 2018 yang berlangsung baru-baru ini pada 24 Februari di mana kedua-dua atlet ini telah memecahkan rekod kebangsaan maraton dalam masa 2 jam 25 minit 32 saat untuk Leo Tan Huong Leong dan masa 2 jam 27 minit dan 21 saat untuk Muhaizar Mohamed.

Akan tetapi malangnya kemungkinan besar pihak Kesatuan Olahraga Malaysia ataupun KOM tidak akan mengiktiraf rekod yang dicapai di Tokyo oleh kerana Leo Tan dan Muhaizar tidak disenaraikan sebagai atlet elit. Mereka tidak dapat menjalankan ujian *doping* yang perlu jikalau rekod ini dapat diiktiraf oleh pihak KOM.

Apa yang pihak KOM sepatutnya lakukan ialah untuk menulis surat kepada Kesatuan Olahraga Jepun sebelum Tokyo Marathon ini bermula untuk meminta supaya kedua-dua atlet Malaysia ini dibenarkan untuk menjalani ujian *doping*. Jikalau mereka berjaya memecahkan rekod maraton Malaysia.

Akan tetapi malangnya Presiden KOM, Datuk Karim Ibrahim tidak menulis surat rasmi kepada *counterpart* beliau di Jepun. Oleh kerana itu, kedua-dua atlet Malaysia tidak dapat menjalankan ujian *doping*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu ini sedang dikaji oleh pihak KOM dan setakat ini saya pun tidak tahu sama ada pihak KOM akan mengiktiraf rekod kebangsaan maraton yang telah dicapai oleh Leo Tan di Tokyo Marathon 2018.

Ini bukan kali yang pertama insiden yang sama berlaku. Leo Tan telah memecahkan rekod maraton nasional di Tokyo Marathon pada tahun lepas iaitu tahun 2017. Akan tetapi oleh kerana beliau tidak dapat menjalani ujian *doping*, rekod beliau juga tidak diiktiraf oleh pihak KOM. Tokyo Marathon 2018 juga merupakan kali yang pertama di mana Muhaizar Mohamed yang juga pemenang gangsa untuk acara maraton untuk Sukan SEA 2007 yang berlangsung di Kuala Lumpur menyertai acara maraton di luar negara.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, prestasi atlet maraton di negara yang bercuaca sejuk, jauh lebih baik daripada prestasi di negara yang bersuhu panas dan *humid* seperti Malaysia. Apabila seorang *marathoner* berlari di bawah suasana ataupun suhu yang lebih sejuk, ini boleh beri satu *cooling effect* kepada mereka dan prestasi mereka memang adalah jauh lebih baik berbanding dengan berlari di acara-acara di negara yang lebih *humid* dan juga lebih panas.

Jadi ada kemungkinan besar sebelum Tokyo Marathon 2018 berlaku bahawa Muhaizar dan juga Leo Tan dapat memecahkan rekod kebangsaan yang telah ada. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk memberi penjelasan kenapa Presiden KOM tidak menjalankan tanggungjawab beliau untuk mendapatkan kebenaran untuk atlet maraton negara kita untuk menjalani ujian *doping* di Tokyo Marathon baru-baru ini.

Saya juga minta Yang Berhormat Menteri untuk memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada Leo Tan dan juga Muhaizar Mohamed akan diberikan apa-apa penghargaan atas pencapaian mereka termasuk penghargaan tunai.

Saya hendak buat satu perbandingan di mana seorang pelari maraton Jepun iaitu Yuta Shitara telah berjaya telah mencapai rekod kebangsaan maraton baru di Tokyo Marathon baru-baru ini ialah rekod kebangsaan negara Jepun. Beliau dihadiahkan dengan bonus sejumlah 100 juta yen iaitu lebih kurang RM3.6 juta dan diberi sambutan sebagai wira kebangsaan di Jepun.

Akan tetapi apabila atlet Malaysia mendapat kejayaan dari segi memecahkan rekod kebangsaan, bukan sahaja buat masa sekarang ini tidak ada apa-apa penghargaan dari segi tunai ataupun lain-lain bonus tetapi ada kemungkinan yang besar bahawa rekod kebangsaan ini mungkin tidak akan diiktiraf oleh pihak KOM. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang mesti diberi penjelasan oleh pihak kementerian.

Isu yang terakhir yang saya hendak sentuh ialah isu tentang tempat saya iaitu tentang rancangan untuk menaik taraf jalan besar di Seri Kembangan. Pelan untuk menjalankan rancangan menaik taraf ini telah disediakan oleh JKR Selangor tetapi saya masih menunggu kelulusan peruntukan Kerajaan Pusat di bawah RMKe-11. Saya telah berkali-kali tanya tentang isu ini di Parlimen tetapi jawapan yang diterima oleh saya ialah peruntukan masih belum diluluskan di bawah Rolling Pelan RMKe-11.

Saya harap pihak kementerian boleh meluluskan peruntukan ini supaya rancangan ini boleh menyelesaikan masalah trafik di jalan besar Seri Kembangan dan juga membawa lebih banyak manfaat dari segi *time saving* yang akan dialami oleh bukan sahaja pengguna-pengguna trafik di Seri Kembangan tetapi semua pengguna trafik yang melalui jalan besar di Seri Kembangan, termasuk juga saya rasa ada beberapa orang

Yang Berhormat Menteri yang tinggal di kawasan saya yang juga mengalami kesesakan trafik yang berlaku di jalan besar Seri Kembangan.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih atas peluang ini dan selamat memperjuangkan hak rakyat, saya ucapkan kepada semua kawan-kawan saya bukan sahaja di sebelah sini dan juga di sebelah sana juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Gerik. Sila.

4.49 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut sama ingin membahaskan Titah Diraja di mana saya hendak menyentuh yang pertama pengurusan ekonomi dan kewangan negara secara berhemah. Hasrat negara kita mengejar pembangunan ekonomi dan sosial memang tidak dapat dinafikan. Sejak merdeka lagi usaha membangun ekonomi ini menjadi satu tugas penting kepada pihak pemerintah.

Dalam konteks ini kita tidak boleh melupakan usaha gigih Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein melaksanakan pembangunan luar bandar pada awal tahun 1960-an sebagai usaha awal memanfaatkan penduduk luar bandar daripada pertumbuhan ekonomi ketika itu.

■1650

Apa yang lebih mencabar ialah keperluan mengurus ekonomi negara dengan cekap untuk mengatasi masalah ekonomi semasa dan juga masalah rakyat. Keupayaan pembuat dasar ekonomi kita pada masa ini berdepan dengan tugas mengurangkan defisit belanjawan, mengurus hutang awam, meningkatkan hasil kerajaan, menstabilkan mata wang ringgit, mengurangkan aliran keluar modal jangka pendek, memperbaiki iklim pelaburan swasta, mengawal inflasi di samping mengukuhkan pertumbuhan ekonomi keseluruhannya.

Rakyat khususnya yang tidak bersetuju dengan kerajaan yang masih bersikap skeptikal terhadap pertumbuhan ekonomi negara perlu menerima hakikat bahawa sektor itu mempunyai asas yang kukuh yang dinilai dari pelbagai sudut termasuk pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Cabaran-cabaran ini pula wujud tatkala iklim politik yang kurang menentu. Akibatnya sentimen negatif politik yang dilontarkan oleh pihak pembangkang yang boleh mempengaruhi keyakinan terhadap pelaburan swasta khususnya pelaburan asing walaupun asas ekonomi negara kita masih kukuh.

Ringgit yang semakin mengukuh dan mencecah paras tertinggi baharu dalam tempoh 17 bulan menunjukkan pengurusan ekonomi di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak berada di landasan

yang betul. Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz berkata, pengukuhan ringgit mencecah 3.9950 berbanding Dolar Amerika yang menyamai nilai yang pernah dicatat pada 16 Ogos 2016 menafikan tohmahan pembangkang bahawa negara berdepan risiko bankrap. Pengukuhan ringgit yang melonjak ke paras itu membuktikan pengurusan kewangan negara sangat baik didorong pertumbuhan eksport dan kepercayaan pelabur terhadap kita.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik, sedikit boleh tak? Yang Berhormat Gerik, saya tertarik untuk bertanya sedikit penjelasan Yang Berhormat Gerik sebab apa yang saya faham kalau tidak silap tahun 2013, 1 dolar sama dengan RM2.98 tetapi pada hari ini nilai mata wang kita telah pun merosot sebanyak *30 percent* sebab pada hari ini saya rasa *exchange rate* nya lebih kurang dalam RM4. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Gerik memandangkan Yang Berhormat Gerik mengatakan bahawa nilai ringgit semakin kukuh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Itu sebab kalau dengar hujah saya, kita faham bila berlaku kejatuhan harga minyak dunia, ini bukan Dato' Najib yang boleh kawal soal harga minyak tetapi yang penting kepada kita, daripada tahun 2015, 2016, 2017 sehingga hari ini, RM4.50 sehinggalah pada tahun 2017 kita sudah nampak perubahan di mana menggambarkan kepada kita negara kita Malaysia telah dapat mengurus dengan baik ekonomi negara. Walaupun kita tidak bersetuju tetapi pihak kerajaan telah melakukan pelbagai kaedah yang terbaik untuk memastikan suasana itu dan boleh dilihat hari ini. Keluaran negara kasar dan pelbagai tetapi pihak pembangkang bila cerita lagu mana pun *depa* tidak berani hendak terima. Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar hujah Yang Berhormat Gerik dengan teliti, bukan soal setuju tidak setuju pengurusan ekonomi negara dijalankan dengan baik tetapi kalau kita lihat bahawa pertumbuhan KDNK mencapai 5.9 peratus dan kalau teliti yang terdekat daripada suku pertama tahun 2016 sehingga suku keempat 2017 pertumbuhannya menaik.

Kalau kita lihat pertumbuhan KDNK berbanding dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang hanya *3.6 percent* dan juga berbanding dengan pertumbuhan purata pendapatan negara-negara maju umpamanya pun masih di tahap yang rendah. Ini bermakna negara Malaysia ini mempunyai pertumbuhan KDNK antara yang terbaik dalam dunia. Mana mungkin negara yang mempunyai pertumbuhan KDNK yang baik dalam setahun, dua tahun, tiga tahun ini dikatakan tidak diurus ekonomi dengan baik, tidak masuk akal. Apa pendapat Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Betul Yang Berhormat Bagan Serai. Saya bukan ahli ekonomi tetapi kita boleh tengok kesimpulan yang paling mudah. Pengurusan ekonomi negara diyakini oleh Bank Dunia yang melakukan semakan semula unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada 5.8 peratus tertinggi sejak 2014 menepati seperti Yang Berhormat Bagan Serai sebut tetapi saya bukan ahli ekonomi. Walaupun tidak ahli ekonomi, sekurang-kurangnya kita kena berfikir rasional bahawa apa yang kerajaan buat 2016 ke 2017, 2018 makna ada perubahan, nampak.

Kalau dulu orang kata negara kita mungkin muflis, nilai dolar sampai RM4 lebih tetapi hari ini, ini membuktikan keupayaan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Walaupun orang tuduh pelbagai perkara tetapi dia membuktikan kepada kita bahawa dia mampu melakukan perkara tersebut. Hari ini mungkin kita tidak boleh menilainya seperti mana hari inilah pembangkang menggunakan Tun Dr. Mahathir. Masa Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, pihak pembangkang tidak pernah menerima kebaikan yang Tun bawa tetapi hari ini dipukul canang yang sebaliknya. Saya hendak beralih tajuk lain.

Menangani isu kos sara hidup rakyat. Isu utama yang sering diperkatakan sejak kebelakangan ini tidak lain adalah berkenaan peningkatan kos sara hidup. Dasar-dasar dan langkah-langkah berhemah untuk menangani kenaikan kos sara hidup dilaksanakan supaya tidak membebankan orang ramai terutamanya remaja, orang kampung. Pihak kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah termasuk pendidikan yang berkualiti, perkhidmatan kesihatan, projek membina rumah mampu milik dan lain-lain.

Kos sara hidup adalah satu kebimbangan utama bagi setiap keluarga. Oleh itu kerajaan komited untuk menangani isu ini melalui dasar-dasar dan langkah-langkah seperti kerajaan mensasarkan pendapatan purata isi rumah B40 meningkat daripada lebih kurang RM2,500 sebulan pada tahun 2014 kepada lebih RM5,000 sebulan pada tahun 2020 kelak yang mana kerajaan akan mengambil usaha-usaha yang intensif. Antaranya merapatkan jurang pencapaian, pendidikan dan kemahiran serta meningkatkan produktiviti.

Bagi menangani kos sara hidup isi rumah B40, beberapa inisiatif-inisiatif seperti Klinik 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Kedai Agro Bazar Rakyat 1Malaysia perlu terus dilaksanakan di samping pelbagai lagi inisiatif baru perlu diperkenalkan sepanjang tempoh rancangan berkenaan. Pendapatan isi rumah B40 juga dapat dipertingkatkan melalui pendidikan dan kemahiran tinggi dan bagi yang berminat untuk berniaga pula, Program Sokongan Keusahawanan perlu ditambah baik khususnya kepada perusahaan mikro dan kecil.

Sektor swasta terutamanya syarikat multi nasional dan syarikat besar tempatan supaya menyumbang kepada pembangunan golongan ini dengan cara menempatkan premis perniagaan atau kilang-kilang mereka di kawasan majoriti B40.

■1700

Perpaduan rakyat. Negara Malaysia sebuah negara yang aman damai. Di samping, penduduknya yang berbilang kaum. Keadaan ini dapat dikekalkan kerana berlakunya toleransi antara kaum yang terbesar dalam negara ini. Justeru itu, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian di mana kita boleh duduk bersama serta berbincang tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain kerana yang memerintah negara ini Kerajaan Barisan Nasional yang boleh mendidik rakyat untuk saling bertolak ansur.

Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjejaskan serta merosakkan semangat perpaduan yang telah terjalin sekian lama. Antara kebaikan perpaduan kaum ialah masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Keadaan masyarakat yang aman dan damai ini membolehkan aktiviti harian berjalan dengan baik. Masyarakat pelbagai kaum boleh melakukan aktiviti keagamaan dengan bebas dan lancar. Perpaduan kaum juga akan menjadikan negara aman dan tenteram di mana keadaan ini membolehkan pihak kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan negara dengan lancar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Keadaan negara yang aman dan damai akan menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Malaysia. Kehadiran pelancong asing ini akan memberikan peluang pekerjaan baru kepada rakyat. Peluang pekerjaan ini akan menjana sumber pendapatan bagi menyara dan meningkatkan taraf hidup ekonomi rakyat. Umpamanya di tempat saya kawasan Royal Belum telah menjadi kawasan pelancongan.

Hari ini saya boleh katakan dengan adanya pelancongan menyebabkan dari luar datang melawat tengok suasana, maka boleh memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Kalau kawasan-kawasan berbukit dan bergunung di kawasan saya banyak yang mendaki untuk melihat di waktu pagi, cahaya terbitnya matahari di samping boleh tengok awan yang cantik. Ini juga boleh memberi peluang pekerjaan dan menyebabkan masyarakat luar bandar untuk bidang pelancongan tidak lari keluar daripada kampung masing-masing.

Melalui perpaduan juga dapat menarik pelabur asing untuk datang melabur di negara kita kerana mereka yakin negara kita berada dalam keadaan aman dan damai. Kedatangan pelabur asing ini juga akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat dan akan meningkat pendapatan negara. Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan di negara kita. Walau apa perbezaan ideologi politik kita,

kita haruslah mengawal supaya tidak menjadi tegang serta menjaga hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang telah terbina.

Pembangunan luar bandar. Kerajaan Barisan Nasional komited terhadap usaha membantu masyarakat luar bandar dengan tumpuan khusus diberi terhadap projek pembangunan bagi meningkat taraf hidup mereka. Pelbagai inisiatif sedang giat dilakukan bagi memajukan kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk menaik taraf jalan kampung, membina rumah mampu milik dan pemasangan lampu jalan di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Usaha mempertingkatkan pembangunan luar bandar diumumkan sebagai teras kelima NKRA. NKRA itu dilihat telah membawa perubahan yang memberikan impak besar kepada masyarakat khusus di luar bandar. Inisiatif ini memastikan segenap lapisan masyarakat di seluruh pelosok negara dapat menikmati kesan positif transformasi. Sebagai inisiatif yang berteraskan rakyat, NKRA telah menyaksikan lebih 6.2 juta penduduk luar bandar menerima manfaat daripada inisiatif-inisiatif pembangunan luar bandar dari tahun 2010 hingga tahun 2016.

Menurut laporan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dalam tempoh tujuh tahun tersebut sebanyak RM12.1 bilion diperuntukkan kepada kementerian tersebut bagi melaksanakan 553 projek meliputi program bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM9.6 bilion lagi diperuntukkan untuk program jalan luar bandar. Peruntukkan tersebut telah dibelanjakan bagi menyempurnakan pembinaan lebih daripada 3070.32 km jalan luar bandar di seluruh negara.

Dalam tempoh tahun 2010 hingga tahun 2016 juga sebanyak RM66.3 juta diperuntukkan oleh pihak kementerian untuk pemasangan lampu jalan kampung bagi fasa lima, fasa enam dan fasa tujuh. Lampu jalan kampung adalah inisiatif kerajaan untuk menerangkan kawasan luar bandar pada waktu malam bagi meningkatkan keselamatan dan membolehkan aktiviti ekonomi dan sosial dapat dilaksanakan.

Jalur lebar adalah satu medium komunikasi dengan berkeupayaan tinggi, mendapat capaian maklumat dan komunikasi yang lebih mudah di seluruh pelosok dunia. Kerajaan masa kini giat menaikkan taraf keupayaan jalur lebar negara kita setaraf dengan pembangunan negara yang pesat membangun. Jika dilihat dari sudut kepenggunaan internet di Malaysia negara kita yang ketiga tertinggi di Asia Tenggara dalam penggunaan internet. Statistik perkembangan tahun 2017 mencatatkan peratusan tertinggi untuk segmen penggunaan *internet* dengan 67 peratus selepas Singapura dan Brunei daripada keseluruhan pengguna internet di seluruh Asia Tenggara iaitu 252.4 juta orang. Sesuatu yang mampu dibanggakan apabila terkini Malaysia direkodkan menduduki tangga yang ke-63 dunia daripada 189 negara, ketiga Asia Tenggara dalam kelajuan internet

terpantas. Isu yang cuba diketengahkan adalah kadar kelajuan internet di luar bandar masih ditakuk lama. Ini memberi kesan ketara kepada peniaga *online* di kawasan kampung dan sekolah yang memerlukan akses internet sebagai modul pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu juga, jalur lebar antara platform mempromosikan kawasan pelancongan.

Saya yang paling berharap ialah jalan daripada Kelantan ke Gerik menuju ke Kulim di mana kawasan sini yang Kelantan ke Gerik agak okey sedikit. Akan tetapi daripada Gerik ke Kulim tiang saja ada tapi tidak ada *line*. Saya harap pihak kementerian usahakan pasal kawasan tersebut sering berlaku kemalangan. Bila berlaku kemalangan, mereka hendak menghubungi tidak ada *line*. Jadi, ini antara yang perlu kita fikirkan.

Untuk masyarakat Orang Asli banyak kemudahan yang kerajaan telah berikan, api, rumah, tanaman pokok getah dan pelbagai lagi. Saya masih tidak berpuas hati walaupun kerajaan membekal air. Dengan macam-macam kaedah yang saya melihat kerajaan lebih – kementerian lebih fokus kepada membelanjakan perkara yang tidak menyelesaikan masalah bekalan air bersih di kawasan Orang Asli.

Saya amat mengharap kementerian dalam perancangan hendak membekalkan air bersih di kampung Orang Asli ini mesti duduk bersama dengan geosains dengan kerajaan negeri. Baru boleh satu kaedah air bersih tadi dapat kita salurkan ke rumah-rumah. Tidak selesai masalah kita ada sediakan air bersih hanya satu tempat dalam kampung. Orang Asli serupa kita juga berkeinginan air bersih tadi masuk ke dalam rumah kita masing-masing tetapi kita hanya bagi tong. Tong tak ada. Tidak akan Orang Asli hendak cari air masuk air dalam tong, ditapis dalam tong tersebut. Tidak praktikal cara kita buat benda tersebut. Jadi, yang lain-lain saya cukup puas hati dari segi air bersih mesti dicari satu kaedah yang terbaik untuk diselesaikan kawasan Orang Asli terutama kawasan Parlimen saya di Gerik.

■1710

Dalam pada itu, saya melihat satu perkara yang tidak diberi perhatian tetapi ini akan menjejaskan kerana kita hendak jadikan negara kita kawasan negara pelancongan iaitu sampah-sampah yang ada di kampung-kampung, saya ingat bukan kata di Gerik tapi di seluruh negara, kita tidak menyediakan tong-tong sampah ataupun satu kaedah bagaimana sampah di kampung-kampung tradisi ini kita buang semacam mana yang berada di kawasan majlis daerah. Kalau dibiarkan berterusan, akhirnya kampung-kampung kita akan bertebaran dengan sampah-sampah yang mana orang sudah ada kesedaran, mereka tidak akan letakkan sampah di rumah masing-masing, akhirnya jalan raya menjadi mangsa untuk tempat dibuang sampah. Sudah tiba masanya, pada pandangan saya, terutama Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh duduk

bersama dengan KPKT memikirkan bagaimana sampah di kampung ini kita selesaikan isunya.

Perkara yang seterusnya saya nak bercakap ialah soal perkhidmatan kesihatan. Kesihatan adalah perkara yang paling berharga di dunia di mana Yang Berhormat Temerloh telah menyentuh perkara tersebut. Pelbagai inisiatif serta usaha telah dilaksanakan dan telah membelanjakan RM178.9 bilion sejak tahun 2009 dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti buat rakyat Malaysia.

Salah satu inisiatif adalah Klinik 1Malaysia. Tetapi Klinik 1Malaysia tidak ada doktor. Diletaknya HA dan yang ada cuma ubat *Panadol* dan ubat-ubat yang biasa, tidak boleh menyelesaikan yang sebenarnya pesakit-pesakit yang datang ke tempat tersebut. Jadi saya berharap perkara tersebut kita lihat balik bagaimana. Klinik 1Malaysia memang bagus tapi kita perkasakan.

Pusat kanser dan pusat jantung juga disediakan di hospital-hospital di tiap-tiap zon yang telah memberi rawatan lebih kepada 300,000 pesakit. Tahniah dan terima kasih buat kerajaan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM27 bilion dalam Bajet 2018 bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti yang antaranya meliputi RM2.5 bilion bagi bekalan ubat-ubatan dan RM1.6 bilion untuk barangan *consumable* dan sokongan perubatan. RM50 juta diperuntukkan untuk bantuan hemodialisis dengan subsidi RM100 daripada keseluruhan kos RM110 setiap sesi rawatan. Bermakna mulai tahun 2018, pesakit berdaftar hanya membayar RM10 sahaja bagi setiap sesi rawatan.

Cuma, saya minta pada Kementerian Kesihatan, saya sudah minta berkali-kali, supaya Klinik Kesihatan Pengkalan Hulu disediakan juga untuk hemodialisis kerana kawasan saya kawasan luar bandar, jauh daripada tempat-tempat lain, jadi ia perlu di mana orang kampung bukannya kaya tapi duit ada. Kalau ada di kawasan masing-masing, sekurang-kurangnya boleh mengurangkan beban mereka.

Hospital Gerik sudah menjadi tempat rakyat mendapat rawatan di mana Hospital Gerik ini ia sekali— pesakit luar pun dirawat di situ, hospital pun dirawat di situ. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan, pisahkan Hospital Gerik itu— satu Hospital Gerik, satu lagi buat Poliklinik Gerik. Poliklinik ini boleh untuk rawatan pesakit-pesakit luar. Saya percaya di Gerik ada tanah yang boleh disediakan untuk kita buat Poliklinik Gerik. Jadi ini tidak apalah, lepas pilihan raya setahun dua lagi buatlah.

Yang pentingnya impian kami supaya dipisahkan hospital dengan poliklinik kerana hari ini apa yang berlaku, doktor-doktor yang ada pergi melakukan rawatan di wad dulu. Maka mereka yang datang awal ini terpaksa tunggu sehingga pukul 11, 12 tengah hari, kadang-kadang ada sampai pukul 2 petang menantikan doktor yang menyelesaikan tugas rawatan di wad. Itulah saya mencadangkan supaya kita pisahkan antara hospital dengan poliklinik.

Seterusnya saya ingin bercakap soal keselamatan negara. Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha mengawal sempadan negara yang dilihat banyak berlaku aktiviti jenayah rentas sempadan, penyeludupan manusia dan narkotik. Agensi penguat kuasa yang terlibat juga perlu lebih proaktif dalam mengenal pasti lubang tikus di sempadan negara kerana laluan ini dipercayai kerap berlaku aktiviti jenayah rentas sempadan ataupun mereka ada kaki di Imigresen dan juga di Kastam supaya tidak berlaku pembolosan seperti yang ada pada hari ini.

Kawalan keselamatan sempadan yang luas memerlukan sokongan teknologi seperti kamera litar tertutup (CCTV) dan kenderaan udara tanpa pemandu bagi tujuan pemantauan. Penggunaan teknologi dapat mengurang atau menggantikan tenaga manusia yang terhad. Penggunaan CCTV serta UAV diyakini mampu memantau keadaan sempadan negara agar dapat lebih terjamin dan kita mampu memantau kawasan yang tersorok serta sukar dimasuki oleh manusia.

Media sosial bukan saja berperanan sebagai saluran penyebaran maklumat mutakhir tetapi juga mampu memberi ancaman kepada keselamatan negara. Perkara ini boleh dicituskan dengan penyebaran berita yang tidak sahih yang akan dimanipulasikan oleh pihak tertentu sebelum dikumpul dan seterusnya diperhalusi menjadi satu maklumat yang mampu mengancam keselamatan negara. Sekarang ini dengan kemudahan alat komunikasi yang canggih, mudah semua menerima maklumat termasuk berita yang tidak betul ataupun berita yang sahih. Penyebaran berita palsu bukan saja berlaku di Malaysia, tetapi turut dialami negara-negara maju seperti Perancis, Jerman dan Britain.

Rakyat Malaysia perlu diperkasakan lagi menuju ke arah melahirkan warga digital masa depan yang bertanggungjawab demi keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Program-program kesedaran perlu dipertingkatkan lagi agar mesej berkenaan mampu sampai hingga ke akar umbi.

Sebanyak 76 kes penyebaran berita dan maklumat palsu dalam talian telah disiasat dan lima kes dihadapkan ke mahkamah pada tahun lepas oleh MCMC. Kerajaan perlu mengkaji dengan lebih teliti untuk menggubal undang-undang berkaitan penyebaran berita palsu di media sosial berikutan kesannya yang membimbangkan.

Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah unit baru bagi meningkatkan usaha menangani penyebaran berita palsu dan meningkatkan kempen menghalang penyaluran maklumat yang tidak betul?

Memodenkan sektor pertanian. Persepsi terhadap pertanian masih lagi dikaitkan dengan kemiskinan, tidak moden, hanya aktiviti luar bandar, pilihan terakhir kerjaya dan sebahagian lagi yang merupakan halangan utama dalam menjadikan sektor pertanian tidak dapat berdaya saing dengan sektor lain. Sektor pertanian dilihat sebagai *agriculture in science* ataupun pertanian adalah saingan yang perlu seiring dengan teknologi dan

inovasi kerana ia merupakan elemen penting dalam menjadikan sektor pertanian satu sektor yang moden. Maka, kita perlu memberi kesedaran kepada rakyat supaya satu kaedah baru untuk menarik minat rakyat di bidang pertanian seperti penternakan, pertanian, tanaman kontan dan pelbagai lagi.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, maka saya buat kesimpulan bahawa bidang sektor pertanian ini mesti diberi pendekatan baru untuk menyedarkan rakyat bahawa ini juga satu peluang pekerjaan pada masa hadapan. Dengan ini, saya menjunjung kasih dan menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani.

5.19 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana memberikan peluang saya juga berucap menjunjung kasih ke atas Titah Tuanku yang telah membuka Parlimen kita baru-baru ini.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh yang pertama sekali tentang perkhidmatan awam. Setiap kali kita dengar Ahli Parlimen berucap sama ada di sebelah sini atau di sebelah sana, selalu disebut tentang *delivery system*. Kalau di pihak di sana, mereka mengatakan bahawa Ahli Parlimen sudah buat kerja semua sudah, turun padang, turun padang, jumpa orang kampung, bincang. Yang Berhormat Pasir Gudang kata dia bercakap berbuih-buih mulut tetapi masalahnya ialah benda tidak jalan di bawah. Konon-kononnya pegawai-pegawai kerajaan tidak melaksanakan tugas mereka dengan baik.

Oleh demikian, walaupun kerajaan telah berbelanja dengan banyak tetapi kerja yang sepatutnya dijalankan tidak dilaksanakan seperti yang dikehendaki. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kalau kita bandingkan di sini boleh kita bandingkan bahawa pada zaman-zaman 70-an, 80-an, 90-an, pegawai-pegawai kerajaan amat dipandang tinggi sebagai orang yang boleh dikatakan sebagai *custodian of public confidence*. Mereka ini dilihat sebagai orang yang akan *deliver* apa juga keputusan-keputusan dan polisi-polis yang dibuat oleh kerajaan.

Harus diingat *politician comes, politician go*. Menteri datang, Menteri pergi tetapi pegawai kerajaan adalah tulang belakang kerajaan. Kerajaan hari ini ialah Kerajaan Barisan Nasional, selepas ini pembangkang yang juga menjadi kerajaan, Barisan Nasional pula menjadi pembangkang, selepas itu tukar. Begitulah kerajaan. Oleh sebab kita sistem setiap 5 tahun kita berkempen dan kita dipilih oleh rakyat. Seperti juga tidak pernah termimpi oleh kita Pulau Pinang akan jatuh pada pembangkang, Selangor akan

jatuh kepada pembangkang atau tahun ini akan bertukar pula tetapi yang pastinya pegawai-pegawai kerajaan ini akan terus kekal di sana.

Oleh sebab itu kita meminta supaya pegawai-pegawai kerajaan yang terutama sekali *be independent*. Bos kamu adalah kerajaan *of the day* tetapi esok mungkin dia tidak di situ. Oleh sebab itu saya hendak meminta supaya pegawai-pegawai kerajaan peganglah tonggak, sumpah kamu bahawa kamu akan taat setia kepada Raja dan negara. Kamu tidak mungkin akan setia kepada Menteri-menteri kamu sebab Menteri kamu datang dan pergi. Oleh sebab itu taat setia kamu mesti kepada negara.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita melihat satu trend seolah-olah pegawai kerajaan *your subservient to politician*. Seolah-olah *politician* ini segala-galanya. Bayangkan *politician* kelmarin dia seorang guru yang baik seperti Yang Berhormat Gerik seorang guru yang baik, tiba-tiba esok dia menjadi Menteri di Dalam Negeri, *insya-Allah* saya doakan. Bila dia jadi Menteri di Dalam Negeri ini dia tahu semuanya, KSU pun takut dekat dia. KSU hendak bagi nasihat pun takut. Tidak bolehlah lagu itu *because* Yang Berhormat Gerik ini yang kelmarin dia cikgu, hari ini dia MP biasa, esok dia Menteri. Akan tetapi yang lebih tahu apa yang berlaku dalam kementerian, apakah polisi-polisi yang telah dilaksanakan ialah pegawai-pegawai kerajaan.

Oleh sebab itu bila pegawai-pegawai kerajaan dilihat takut dan tidak *independent* sama ada tidak kiralah Kerajaan Persekutuan kah ataupun kerajaan diperintah oleh Pakatan Harapan di Pulau Pinang atau di Selangor ataupun di Kelantan, tidak kira tetapi asalkan mereka pegawai kerajaan, mereka ada peranan dan kalau mereka *stick* kepada peranan itu walaupun disanggah ataupun ditekan, didesak oleh *politician* yang menjadi bos dia *but blue is blue, red is red, white is white, black is black*.

Oleh sebab itu kita ada dalam perkhidmatan awam, kita ada buku-buku panduan seperti *Treasury Instruction*. *Treasury Instruction* ataupun kita ada *General Order* yang harus kita ikut. Oleh sebab kalau tidak ada tidak diikuti maka huru-haralah negara kita. Oleh sebab itu saya amat meminta khususnya pegawai-pegawai kerajaan khususnya KSN. KSN *you are The Chief*. KSN mesti menunjukkan contoh yang baik. KSU Kementerian mesti tunjuk contoh yang baik. Ketua-ketua Pengarah mesti tunjuk contoh yang baik *because you are the leaders, not your politician*.

Kita mempunyai satu perkhidmatan yang besar Tuan Yang di-Pertua, kalau dicampur doktor, campur tentera, polis, guru, jururawat kita ada Yang Berhormat Putatan 1.6 *million civil servants*. Penjawat awam kita 1.6 juta bermaknanya Tuan Yang di-Pertua setiap 9 penduduk, satu penjawat awam. Bermakna tidak mungkin negara kita kalau dalam keadaan sekarang kalau setiap 9 penduduk itu ada seorang penjawat awam. Maknanya tidak perlulah Yang Berhormat Putatan menjerit-jerit minta itu, minta ini, saya dengar macam-macam. Ada yang tiang Yang Berhormat Gerik kata tadi tiada, ada wayar

tidak ada batang, ada air tidak keluar. Ini semua benda-benda yang pelik-pelik kita dengar, ada masuk paip.

Maknanya kalau sekiranya 19 penduduk, setiap penjawat awam dan kalau sekiranya setiap penjawat awam melaksanakan tugas mereka dengan baik saya yakin dan percaya rakyat Malaysia sekarang ini hidup dalam keadaan yang cukup aman dan makmur. Makna tidak perlu lagi wakil rakyat menjerit-jerit sampai berbuih mulut-mulut. Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya ini pegawai-pegawai kerajaan khususnya yang mendengar, saya tahu pegawai-pegawai kerajaan pun ada berjumpa saya, keluh kesah kerana mereka ditindas "*mentally*" oleh *politician-politician*.

Saya hendak sebutkan di sini, *I was a government officer*. Saya menyebut bahawa *politician comes, politician go. Minister comes, Minister go but you are there to stay* sebab kamulah yang membangunkan negara bukan kami. Kami hanya buat polisi, pandai bercakap dalam Dewan. *At the end of the day, who are to be delivered, you are going to be delivered*. Tuan-tuanlah yang akan *deliver*. Oleh sebab itu *stay put with the policy*.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang peranan pembangkang. Ada kata-kata yang, tetapi kita *take it* biasalah ahli politik bercakap. Ada yang menghina, ada yang menggertak, macam-macam tetapi *let be gentlemen* lah. Peranan pembangkang ialah untuk membuka benda-benda yang mungkin tidak boleh dibuka oleh Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana. Ada juga Ahli Parlimen yang jumpa saya minta, "*Yang Berhormat Sungai Petani tolong sebut benda ini ya, sebab kami sebelah sana tidak boleh sebut*". Ya, kita buat juga itu, kita pun ada juga *barter trading* itu. Saya tahu Ahli Parlimen tolong sebutlah ini sebab kami tidak boleh sebut.

Saya hendak sebut, bayangkan Tuan Yang di-Pertua, bayangkan. Kalau ada empat orang sahaja Ahli Parlimen pembangkang di sini, yang lain itu bukan pembangkang, apa akan jadi. Maknanya *everything is at your disposal*. Semuanya segala-galanya akan dilakukan tanpa catuan, tanpa pemerhatian, tanpa semak, imbang dan juga *check and balance*. Oleh sebab itu betapa pentingnya kami di sini untuk membuka kes-kes yang mungkin orang sana rasa hendak buka tetapi dia tidak boleh buka, yang pertama dia MP macam Yang Berhormat Gerik. Dia MP yang kedua dia Ketua Bahagian, yang ketiga dia juga *chairman* kepada syarikat, yang keempat dia juga hendak jadi calon. Kalau dia buka, dia pengsan.

Jadi dia perlukan Yang Berhormat Sungai Petani untuk buka. Oleh sebab itu kita tanya sebagai contoh kita sebut fasal 1MDB. Kenapa kita sebut 1MDB? Oleh sebab kita rasa ada benda-benda yang tidak kena. Ada benda yang tidak kena kita tanya dalam Parlimen. Oleh sebab apa kita tanya dalam Parlimen? Oleh sebab tiap-tiap tahun Yang Berhormat Putatan semua jabatan-jabatan kerajaan, tiap-tiap tahun semua agensi-agensi

kerajaan, tiap-tiap tahun semua GLC kerajaan *as long as* GLC itu menggunakan *public fund* ataupun *government guaranteed*, mestilah dibawa ke Parlimen.

Untuk apa? Untuk kita semua semak, kita selak tengok Yang Berhormat Bagan Serai. Ada betul ada tidak betul dan kita bawa, kita bercakap, kita bertanya. Baik, kalau sekiranya kita rasa satu-satu tidak betul, kita minta masuk ke PAC tetapi bila masuk ke PAC pun benda itu tidak keluar dia masuk-masuk *jammed*, *then* kita tanya *what is wrong?* PAC bertanggungjawab, satu minit lagi ada saya bagi sekejap lagi, satu minit lagi.

PAC bertanggungjawab sebab orang yang duduk di dalam PAC ini bukan calang-calang orang seperti Yang Berhormat Putatan. Bukan sahaja dia bercakap kadang-kadang orang tidak faham, dia bercakap dia tidak faham pun ada kadang-kadang. [Dewan riuh]. Dia hebat. Begitu juga dengan Yang Berhormat Rompin, orang hebat. Oleh sebab itu bila dia masuk ke dalam PAC, kita mengharapkan PAC masak, *massage*, goreng, tengok dan akhirnya letakkan semua laporan itu di atas meja. *Then* kita rasakan Pengerusi PAC mengatakan Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini sebagai Pengerusi PAC ingin membentangkan laporan yang telah pun disediakan kepada kami. Sila semak dan sebut bahawa kami tidak menjumpai apa-apa salah laku yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Namun pun begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani, boleh kita sambung Isnin?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Alhamdulillah*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: [Ketawa]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya sambung, satu soalan saya *reserved for you*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Monday for your, Monday-Monday*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita sambung Isnin, Isnin.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia tidak bagi ruang saya memperjelaskan fasal PAC ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Putatan apa ini, itu *ruling Speaker* lah *dey*. Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, kita sambung Isnin.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kapar, duduklah, Yang Berhormat Kapar sudah habislah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Fasal ini PAC ini, satu penghinaan tau.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sambung hari Isninlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Biar ada peluang lagi 19 minit sahaja, kita sambung Isnin.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Monday, Monday.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 12 Mac 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]